

Bil. 1

**Isnin
23 April 2012**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA**

KANDUNGAN

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:	
Mengangkat Sumpah Di Luar Dewan	(Halaman 1)
Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong	(Halaman 1)
Memperkenankan Akta-akta	(Halaman 1)
Perutusan Daripada Dewan Rakyat	(Halaman 2)
URUSAN MESYUARAT	(Halaman 4)
UCAPAN TAKZIAH	
Kematian Mendiang Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan	(Halaman 4)
JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 4)
USUL-USUL:	
Jalan-jalan Masuk Ke Parlimen	
Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong	(Halaman 23)
- <i>YB Tuan Khoo Soo Seang</i>	(Halaman 23)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 53)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Puan Doris Sophia ak Brodi
3. “ Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman (Dilantik)
4. “ Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
5. “ Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
6. “ Tuan Ahmad bin Hussin (Perlis)
7. “ Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Luar Negeri*
8. “ Datuk Dr. Awang Adek Hussin (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Kewangan*
9. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
10. “ Tuan Baharudin bin Abu Bakar (Dilantik)
11. “ Dato' Boon Som a/l Inong (Dilantik)
12. “ Puan Chew Lee Giok (Dilantik)
13. “ Tuan Chiew Lian Keng (Dilantik)
14. “ Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
15. “ Datuk Chiu Tiang Chai (Dilantik)
16. “ Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
17. “ Dato' Donald Lim Siang Chai (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Kewangan II*
18. “ Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
19. “ Tuan Gan Ping Sieu (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Belia dan Sukan II*
20. “ Datuk Heng Seai Kie (Perak) – *Senator – Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*
21. “ Dato' Sri Idris Jala (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
22. “ Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom (Dilantik) – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
23. “ Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh (Dilantik)
24. “ Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
25. “ Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya (Sabah)
26. “ Tuan Khoo Soo Seang (Johor)
27. “ Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator – Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
28. “ Tuan Lee Cheam Choon (Melaka)
29. “ Tuan Lihan Jok (Sarawak)

30. Yang Berhormat Datuk Maglin a/l Dennis D'Cruz – *Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II*
31. “ Datuk Majjol Mahap (Sabah)
32. “ Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
33. “ Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
34. “ Dato' Maznah binti Mazlan (Dilantik) – *Senator – Timbalan Menteri Sumber Manusia*
35. “ Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor (Dilantik)
36. “ Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah (Negeri Sembilan)
37. “ Dato Sri Dr. Mohd. Effendi bin Norwawi (Dilantik)
38. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
39. “ Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
40. “ Dato' Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
41. “ Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi (Kelantan)
42. “ Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff (Pulau Pinang)
43. “ Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai (Dilantik)
44. “ Dato' Ng Fook Heng (Pahang)
45. “ Puan Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
46. “ Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
47. “ Datuk Seri G. Palanivel (Dilantik) – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
48. “ Tuan Pau Chiong Ung (Dilantik)
49. “ Datuk Paul Kong Sing Chu (Dilantik)
50. “ Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin (Dilantik) – *Senator – Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar*
51. “ Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah (Dilantik)
52. “ Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah (Selangor)
53. “ Puan Hajah Rohani binti Abdullah (Terengganu)
54. “ Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal (Dilantik)
55. “ Datuk Haji Saat bin Haji Abu (Melaka)
56. “ Tuan Saiful Izham bin Ramli (Kedah)
57. “ Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam (Dilantik)
58. ” Dato' Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
59. “ Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
60. “ Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim (Pulau Pinang)
61. “ Dato' Dr. Yeow Chai Thiam (Negeri Sembilan)
62. ” Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Dilantik)
63. “ Dato' Hajah Zaitun binti Mat (Pahang)

DEWAN NEGARA**Ketua Pentadbir Parlimen**

Dato' Ngah Senik

Setiasaha Dewan Negara

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiasaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Che Seman bin Pa Chik

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Saipul Rizal bin Wahid

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Siti Norlina binti Ahmad

Hazwani Zarifah binti Anas

Mohd. Zaidi bin Mahmood

MALAYSIA**DEWAN NEGARA**

Isnin, 23 April 2012

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**DOA***[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]***PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA****MENGANGKAT SUMPAAH DI LUAR DEWAN**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan Majlis Mesyuarat 4(3), saya dengan ini memberitahu Majlis iaitu Ahli-ahli Yang Berhormat yang berikut telah mengangkat sumpah semasa di luar Majlis Mesyuarat Dewan Negara mengikut Jadual Keenam dalam Perlembagaan Persekutuan pada tarikh yang dinyatakan seperti berikut:

Pada 9 April 2012

1. YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon.
2. YB Senator Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin.
3. YB Senator Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum.
4. YB Senator Datuk Dr. Awang Adek Hussin.
5. YB Senator Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah.

**TITAH UCAPAN SERI PADUKA
BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan sukacitanya saya memaklumkan kepada Majlis ini iaitu pada 12 Mac 2012, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan menyampaikan Titah Ucapan Diraja dalam Parlimen. Saya telah menerima salinan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda itu dan seterusnya sekarang saya mengarahkan supaya salinan Titah Ucapan itu dibentangkan di atas meja mesyuarat dan seterusnya dicetak dalam penyata rasmi.

*[Teks Titah Ucapan adalah seperti di Lampiran]***MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah memperkenankan akta-akta yang telah diluluskan oleh Parlimen dalam Mesyuarat penggal yang lalu seperti berikut:

1. Akta Perbadanan Pembangunan Kampong Baharu 2011;
2. Akta Peranti Perubatan 2012;
3. Akta Berkuasa Peranti Perubatan 2012;
4. Akta Kediaman Terhad (Pemansuhan) 2011;

5. Akta Buang Negeri (Pemansuhan) 2011;
6. Akta Perbekalan 2012;
7. Akta Perhimpunan Aman 2012;
8. Akta Kewangan 2012;
9. Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (Pindaan) 2012;
10. Akta Keganasan Rumah Tangga (Pindaan) 2012;
11. Akta Hak Cipta (Pindaan) 2012;
12. Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012;
13. Akta Kemajuan Lembaga Ikan Malaysia (Pindaan) 2012;
14. Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Pindaan) 2012;
15. Akta Perikanan (Pindaan) 2012;
16. Akta Veteran 2012;
17. Akta Perkhidmatan Pos 2012;
18. Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 2012;
19. Akta Kerja (Pindaan) 2012;
20. Akta Pencen (Pindaan) 2011;
21. Akta Pencen Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan (Pindaan) 2011;
22. Akta Penyelarasan Pencen (Pindaan) 2011;
23. Akta Saraan Hakim (Pindaan) (No.2) 2011;
24. Akta Perumahan Rakyat 1Malaysia 2012;
25. Akta Polis (Pindaan) 2012;
26. Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2010 dan (Pindaan) 2011;
27. Akta Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2012;
28. Akta Keterangan (Pindaan) 2012; dan
29. Akta Standard Malaysia (Pindaan) 2012;

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui rang undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Saya menjemput Setiausaha membacakan perutusan itu sekarang.

[Setiausaha membacakan Perutusan]

"19 April 2012

Perutusan Daripada Dewan Rakyat kepada Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara,

Dewan Rakyat telah meluluskan rang undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:

1. Rang Undang-undang Pembayaran dan Adjudikasi Industri Pembinaan 2011;
2. Rang Undang-undang Pengantaraan 2012;
3. Rang Undang-undang Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia 2012;
4. Rang Undang-undang Tambahan (2011) 2012;
5. Rang Undang-undang Laporan Kewangan (Pindaan) 2012;
6. Rang Undang-undang Syarikat Labuan (Pindaan) 2012;
7. Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2012;
8. Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012;
9. Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2012;
10. Rang Undang-undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) (No.2) 2012;
11. Rang Undang-undang Kewangan (Pindaan) (No.2) 2012;
12. Rang Undang-undang Laut Wilayah 2012;
13. Rang Undang-undang Rukun Tetangga 2012;
14. Rang Undang-undang Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012;
15. Rang Undang-undang Kesalahan Pilihan Raya (Pindaan) 2012;
16. Rang Undang-undang Jasa Perkasa Persekutuan (Elaun Kenangan) 2012;
17. Rang Undang-undang Pingat Tentera Udara (Elaun Kenangan) 2012;
18. Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2012;
19. Rang Undang-undang Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (Pindaan) 2012;
20. Rang Undang-undang Institusi-institusi Pelajaran (Tatatertib) (Pindaan) 2012;
21. Rang Undang-undang Pasaran Modal dan Perkhidmatan (Pindaan) 2012; dan
22. Rang Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan (Pindaan) 2012.

Yang ikhlas,

t.t

YANG DI-PERTUA DEWAN RAKYAT"

■1010

URUSAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon]: Saya mohon mencadangkan supaya rang undang-undang yang tersebut di dalam perutusan itu dibacakan kali yang kedua dan ketiganya di Mesyuarat ini.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

UCAPAN TAKZIAH

Kematian Mendiang Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa seorang daripada Ahli Dewan Negara ini iaitu Senator Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan meninggal dunia pada pagi hari Rabu, 18 April 2012, di kediamannya di Bagan Ajam, Pulau Pinang. Mendiang dilantik menjadi Ahli Dewan Negara pada 25 April 2011. Saya bagi pihak Ahli Dewan Negara mengambil kesempatan ini untuk merakamkan perasaan yang amat dukacita dan sedih di atas pemergian beliau itu.

Bagi memperingati beliau, saya ingin menyatakan latar belakang beliau secara ringkas untuk maklumat Majlis ini. Mendiang dilahirkan pada 20 Oktober 1949 di Kuala Kurau, Perak. Berumur 63 tahun. Beliau adalah seorang tokoh politik yang aktif dalam parti MIC dan di bidang kemasyarakatan. Mendiang meninggalkan seorang balu dan dua orang anak. Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi memperingati mendiang, saya menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat semua bangun untuk bertafakur selama satu minit.

[Dewan bertafakur]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Ahmad bin Hussin** minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) apakah faedah-faedah yang akan dinikmati oleh peneroka dan kakitangan FELDA sempena penyenaaran FELDA Global Ventures Holdings (FGVH) di Bursa Malaysia; dan
- (b) apakah risiko-risiko yang akan dihadapi oleh FGVH setelah disenaraikan kelak.

Timbalan Menteri Di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, Tuan Yang di-Pertua. saya mohon menjawab soalan Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin bersekali dengan Yang Berhormat Senator Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam dan Yang Berhormat Senator Puan Mariany binti Mohammad Yit pada 25 April dan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman pada 10 Mei kerana soalan-soalan tersebut adalah saling berkaitan. Empat soalan sekali gus, jadi agak panjang sedikit.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keputusan untuk menyenaraikan FGVH adalah berdasarkan pada beberapa rasional penting dan strategik yang mengambil kira kepentingan dan kebajikan pihak-pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung terutamanya golongan peneroka, petugas, rakyat dan juga kesannya ke atas negara. Dari sudut komersial, penyenaaran FELDA Global Ventures Holdings (FGVH) di Bursa Malaysia akan mewujudkan salah sebuah syarikat multinasional berasaskan *agribusiness* yang bersepadu, dinamik dan antara terbesar di dunia.

Penyenaraian ini akan menjadi pemangkin pada proses pertumbuhan masa depan FGVH, yang mana ia akan mendorong peningkatan prestasi dan produktiviti serta tahap ketelusan dan tadbir urus FGVH supaya setanding dengan pelaku industri perladangan global yang lain. FGVH akan dapat menungakai nilai dan pada aset-aset miliknya dan prospek perniagaannya yang baik serta memperoleh dana untuk membiayai keperluan pertumbuhannya yang dijangka dapat memberikan pulangan yang lebih baik dalam jangka masa panjang kepada para pemegang kepentingannya.

Bagi golongan peneroka, mereka bakal menikmati pelbagai manfaat seperti perkongsian keuntungan yang dijana FGVH selepas penyenaraian seperti pemberian durian runtuh yang akan diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 8 Mei ini serta berpeluang untuk membeli saham FGVH melalui *Blue Form*. Pada masa yang sama, kerajaan menjamin bahawa masa depan peneroka akan sentiasa terbela selepas penyenaraian serta segala keistimewaan yang dinikmati seperti prasarana rancangan, insentif produktiviti atau bonus, pemberian hari raya, khairat kematian, program pendidikan dan latihan kemahiran untuk generasi FELDA serta program keusahawanan akan terus disediakan. Manakala tanah kebun dan tapak rumah serta saham milik peneroka dalam KPF tidak akan sama sekali diusik walaupun sedikit.

Seiring dengan proses pertumbuhan pesat FGVH baik di dalam mahupun di luar negara, petugas ataupun staf FELDA akan berpeluang melibatkan diri secara langsung untuk mengembangkan bakat. Petugas akan dapat menimba pengalaman, pendedahan meluas dan seterusnya membina kerjaya mereka setaraf dengan petugas di syarikat-syarikat multinasional yang lain. Petugas akan dapat bersama-sama menikmati manfaat ekonomi daripada keuntungan masa depan FGVH yang lebih baik di dalam pelbagai bentuk. Sempena penyenaraian ini juga, petugas berpeluang membeli saham FGVH melalui peruntukan *Pink Form*: peneroka *Blue Form*, petugas *Pink Form*.

Selain daripada itu, sebagai sebuah syarikat tersenarai yang berprofil tinggi, FGVH akan dapat menarik minat bakat-bakat terbaik industri untuk bersama-sama menyumbang ke arah peningkatan prestasi syarikat secara berterusan. Negara secara amnya turut akan mendapat manfaat daripada penyenaraian ini kerana ia adalah selaras dengan dasar mengurangkan Peranan Kerajaan Dalam Perniagaan (GIRB) dan Model Baru Ekonomi. Inisiatif adalah bertujuan untuk menambah baik kecairan pasaran modal, menarik pelaburan asing ke dalam negara serta mengelakkan keadaan anti persaingan di sektor swasta. Rakyat Malaysia dan pelabur-pelabur bumiputera lain akan berpeluang melabur dalam FGVH untuk bersama-sama menikmati kekayaan yang bakal dijana.

Sekiranya Koperasi Permodalan Felda (KPF) terlibat dalam penyenaraian ini, KPF akan menjadi pelabur tunggal terbesar dalam FGVH dan berpeluang menikmati pulangan dividen yang dijangka lebih tinggi daripada apa yang diperoleh sekarang daripada pelaburan yang dalam syarikat Felda Holdings Berhad dan anak-anak syarikatnya. Ini sudah tentunya akan memberikan manfaat kepada 236,000 orang ahlinya yang terdiri daripada peneroka dan petugas kumpulan FELDA.

Risiko-risiko perniagaan tetap ada dalam apa juga perniagaan. Namun saham melibatkan perladangan dan minyak sawit adalah stabil. Apa yang penting adalah sebagai sebuah syarikat tersenarai kelak, FGVH akan tertakluk pada peraturan dan garis panduan tadbir urus yang lebih ketat, yang mana akan memastikan proses dan tahap pengurusan risiko yang lebih sistematik, menyeluruh dan telus. Ini akan dapat meningkatkan keupayaan FGVH untuk menguruskan risiko-risiko perniagaannya dengan lebih baik.

Kajian manfaat FGVH telah dibuat dengan teliti oleh lembaga pengarah dan pengurusan bersama perunding strategi serta penasihat yang dilantik telah merumuskan bahawa FGVH berada di landasan yang kukuh untuk disenaraikan pada pertengahan tahun ini iaitu bulan Jun berdasarkan prospek perniagaan dan industri yang memberangsangkan termasuk harga sawit yang tinggi. Proses penyenaraian yang telah dimulakan pada suku terakhir tahun 2011 kini berada di fasa terakhir. Tarikh-tarikh penting dalam proses penyenaraian ini seperti pendedahan Prospektus kepada umum dan tarikh muktamad penyenaraian FGVH dalam bursa adalah tertakluk pada kelulusan Suruhanjaya Sekuriti dan pihak-pihak berkuasa berkaitan.

Merujuk pada pertanyaan terakhir mengapa segelintir warga FELDA masih menentang usaha penyenaian ini, berdasarkan pada maklum balas yang diterima, ini adalah disebabkan hasutan pihak-pihak tertentu yang mempunyai agenda dan kepentingan peribadi. Mereka ini telah memutarbelitkan fakta dan cuba memburukkan pihak FELDA. Inisiatif komunikasi dan penerangan menerusi pelbagai bentuk media kepada golongan peneroka dan pihak berkepentingan yang lain, telah dilaksanakan secara intensif beberapa bulan yang lepas, ternyata telah membuahkan hasil yang mana KPF dalam Mesyuarat Agung Luar Biasa pada 19 April 2012 yang lalu telah mendapat sokongan majoriti yang tinggi melalui undian perwakilan yang hadir iaitu 90 peratus bersetuju terhadap cadangan penglibatan KPF dalam penyenaian FGVH.

Sebagai kesimpulannya, penyenaian FGVH ini adalah satu inisiatif sejajar dengan matlamat transformasi negara yang bukan sahaja menuntun warga FELDA malah dapat dikongsi nikmat kemakmurannya oleh seluruh rakyat Malaysia. Terima kasih.

■1020

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab begitu baik, yang telah menyentuh soal durian runtuh, pulangan dividen, peluang beli saham, keistimewaan kepada peneroka tidak terjejas dan peningkatan taraf hidup. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua ialah adakah peneroka perlu meminjam untuk membeli saham FELDA Global Ventures Holdings kerana keadaan kehidupan mereka sedemikian? Yang kedua, kenapa persetujuan Koperasi Permodalan FELDA (KPF) dan peneroka diperlukan bagi penyenaian FELDA Global Ventures Holdings ke bursa sedangkan FGVH adalah milik penuh FELDA, dan pihak ketiga tidak berada di kedudukan untuk menghalang keputusan FELDA atau kerajaan? Sekian Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, ya peneroka perlu meminjam sama ada melalui institusi kewangan yang tertentu untuk membeli saham daripada *Blue Form* yang akan diedarkan kemudian. Akan tetapi kalau mereka mempunyai *cash* yang mencukupi, mereka tidak perlu membuat pinjaman. Peneroka sebenarnya mempunyai hasil dan pendapatan yang jika peneroka sawit itu lebih kurang RM4,000 purata sebulan. Saya kira kalau mereka mempunyai simpanan yang tertentu dalam bank, mereka tidak perlu membuat pinjaman. Kalau mereka ingin pinjam kita akan ada sediakan institusi bank yang memberikan kemudahan pinjaman itu. Kenapa perlu kelulusan KPF? Kelulusan KPF diperlukan kerana kita ingin memberikan 37 peratus daripada saham yang hendak disenaraikan itu kepada KPF.

Itu sebab maka, perwakilan KPF perlu bersetuju untuk menerima atau tidak menerima tawaran FELDA supaya mereka memiliki jumlah saham yang terbesar dalam FGVH yang disenaraikan. Telah terbukti bahawa 90 peratus daripada perwakilan bersetuju iaitu 1,102 orang bersetuju daripada perwakilan 1,227, 120 tidak setuju, lima undi rosak dan 15 tidak mengembackan undi. Dengan lain perkataan, 90 peratus itu adalah satu angka yang cukup besar atas persetujuan untuk menjualkan saham milik KPF dalam FELDA Holdings Berhad, dijual balik pada FELDA. Sebagai pulangnya, mereka mendapat 37 peratus daripada saham yang hendak disenaraikan dalam FGVH. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang Berhormat Hajah Mumtaz.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita difahamkan bahawa apabila menyebut tentang FGVH ataupun FELDA ianya berkaitan dengan GSA. Oleh kerana FGVH ini akan diapungkan di bursa saham, apakah jaminan bertulis daripada pihak kerajaan yang mengatakan bahawa ianya tidak akan mengabaikan dan melanggar hasrat asal daripada GSA untuk memastikan peneroka yang tidak bertanah ini betul-betul mendapat manfaat daripada apa-apa pun aktiviti yang dibuat oleh FGVH, itu yang pertama. Yang kedua, apakah kaitan Bunge Limited dengan FGVH ataupun FELDA dalam kes sekiranya perkara ini diapungkan dan kenapakah tarikh tamat ataupun tarikh penyenaian itu dibuat dalam bulan Jun?

Kenapa tidak boleh kita tunggu sampai akhir tahun? Kenapa bulan Jun itu dijadikan satu *mark*, satu tanda untuk kita sama ada mengapungkan atau tidak mengapungkan FGVH? Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada persoalan untuk apung atau tidak apung. Kita sudah bersetuju untuk mengapungkan pada bulan Jun. Kita boleh bersetuju bulan Januari, bulan Februari, bulan Mac, bulan April, bulan Mei, bulan Jun, terpulanglah kepada kami, bila pun... [*Ketawa*] Akan tetapi yang pentingnya ialah kita melihat sekarang ini harga sawit adalah amat tinggi dan amat sesuai untuk kita mengapungkan syarikat yang terlibat tentang perladangan, khususnya sawit. GSA sebagaimana Yang Berhormat Senator sebutkan tadi, GSA tidak melibatkan tanah yang hendak disenaraikan ini. Tanah yang hendak disenaraikan ini seluas 350 ribu hektar ataupun 800,080 ribu ekar. Tanah-tanah itu tidak terlibat dengan GSA. Tanah itu adalah milik FELDA yang diurus oleh FELDA Plantation. Yang GSA ini melibatkan tanah peneroka.

Tanah peneroka seinci pun tidak akan terlibat dalam penyenaian ini. Tanah tapak peneroka, tanah tapak rumah peneroka suku ekar itu pun, sebutir tanah pun tidak akan terlibat dalam penyenaian ini. Jadi, peneroka tidak akan rugi, peneroka akan untung. Bukan hanya peneroka yang untung tetapi juga pelabur-pelabur lain akan untung. Petugas FELDA lebih kurang 30,000 orang juga akan mendapat keuntungan dengan *Pink Form*. Jadi, peneroka, petugas FELDA, generasi FELDA, rakyat secara umumnya yang terlibat dalam penyenaian seperti syarikat-syarikat GLC ataupun KWSP, EPF, PNB, Tabung Haji dan sebagainya dan anak-anak syarikat kerajaan negeri tertentu yang kita akan bagikan saham ini juga akan dapat keuntungan kerana kita melihat *trend* pada syarikat yang diapungkan, syarikat perladangan dan juga kelapa sawit ini, mereka tidak rugi. Syarikat-syarikat itu untung. Terima kasih.

2. **Tuan Lihan Jok** minta Menteri Kewangan menyatakan, sama ada penduduk Malaysia yang sepatutnya menerima Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) berpeluang untuk memohon untuk kali yang kedua sekiranya gagal pada permohonan yang pertama. Nyatakan bagaimana cara permohonan kedua ini dibuat.

10.26 pg.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan Malaysia telah menerima sebanyak 10 Soalan Lisan mengenai program Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) pada sesi Dewan Negara kali ini. Sehubungan itu, izinkan saya untuk menjawab kesemua soalan yang diterima memandangkan isu-isu yang dibangkitkan adalah berkaitan iaitu mengenai statistik kelulusan, permohonan rayuan, mekanisme pelaksanaan dan jumlah peruntukan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan soalan tersebut adalah Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah pada 23 April 2012, Yang Berhormat Senator Datuk Chin Su Phin dan Yang Berhormat Senator Tuan Mohammad Olian bin Abdullah pada 24 April 2012, Yang Berhormat Senator Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim dan Yang Berhormat Senator Tuan Saiful Izham bin Ramli pada 2 Mei 2012, Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali pada 3 Mei 2012, Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok pada 8 Mei 2012 dan yang terakhir, Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung pada 9 Mei 2012.

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan.

Datuk Dr. Awang Adek Hussin: Tuan Yang di-Pertua, program Bantuan Rakyat 1Malaysia dilaksanakan buat julung kalinya oleh kerajaan bertujuan untuk meringankan beban rakyat Malaysia terutama keluarga yang berpendapatan rendah. Bantuan ini diberi secara *one-off* kepada isi rumah berpendapatan RM3,000 dan ke bawah. Sehingga kini pelaksanaan program BR1M berjalan lancar dan usaha murni kerajaan ini telah mendapat sambutan baik daripada rakyat. Bantuan tunai RM500 bagi setiap isi rumah yang layak ini telah dapat membantu meringankan beban belanja harian mereka. Dalam masa yang sama pemberian bantuan ini juga dapat merencanakan aktiviti ekonomi dengan meningkatkan permintaan domestik.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 17 April 2012 pendaftaran BR1M yang telah diterima adalah sebanyak 5 juta permohonan. Penerima yang berjaya adalah seramai 4.3 juta orang atau hampir 86 peratus daripada keseluruhan permohonan. Jumlah ini adalah termasuk kelulusan rayuan, manakala permohonan yang tidak berjaya adalah seramai 693,000 atau 14 peratus daripada keseluruhan permohonan. Permohonan yang tidak berjaya boleh membuat rayuan dan semakan semula akan dibuat ke atas permohonan mereka.

■1030

Antara alasan bagi permohonan yang tidak berjaya adalah permohonan yang bertindih, *overlapping* atau telah wujud *duplication*, maklumat pemohon dan pasangan tidak lengkap, pendapatan isi rumah melebihi RM3,000 dan pemohon atau pasangan adalah termasuk dalam kategori pembayar cukai pendapatan.

Di samping itu, kerajaan telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh rayuan BR1M sehingga 30 April 2012 dan menetapkan tarikh sah laku baucar BR1M sehingga 15 Mei 2012. Kerajaan juga telah mengenal pasti seramai hampir 207,383 orang nama yang disenaraikan di bawah e-Kasih isi rumah yang menerima bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan juga masyarakat Orang Asli yang berdaftar dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli yang masih belum memohon untuk disenaraikan sebagai penerima BR1M bagi memastikan tiada yang tercicir.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pemberian BR1M diberikan kepada semua yang layak, tanpa mengira kaum, agama mahupun latar belakang politik. Tidak wujud soal pilih kasih dalam pengagihan BR1M. Dari segi jumlah kelulusan pengagihan mengikut pecahan negeri, Selangor merupakan negeri penerima tertinggi BR1M iaitu hampir 13 peratus daripada keseluruhan jumlah penerima di seluruh negara. Walau bagaimanapun, dari segi peratusan isi rumah negara, Kelantan merupakan penerima BR1M terbanyak iaitu 92 peratus daripada keseluruhan isi rumah di negeri tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga 17 April 2012 secara keseluruhannya, program BR1M melibatkan peruntukan sebanyak RM2.0 bilion dan memanfaatkan 4.3 juta isi rumah atau 66 peratus daripada jumlah keseluruhan isi rumah negara. Peruntukan ini menggunakan perbelanjaan mengurus, B.11 Perkhidmatan Am Perbendaharaan, Butiran 020500 yang telah diluluskan di Dewan yang mulia ini. Perbelanjaan mengurus Kerajaan Persekutuan adalah ditampung melalui kutipan hasil dan bukanlah daripada sumber pinjaman yang diuar-uarkan oleh sesetengah pihak.

Mengenai syor untuk meneruskan bantuan BR1M, pada masa akan datang, perkara ini akan dinilai dengan teliti oleh kerajaan dengan mengambil kira kedudukan kewangan negara dan kesesuaiannya pada masa akan datang. Tuan Yang di-Pertua, kejayaan Program BR1M ini adalah hasil pengurusan ekonomi negara yang cekap oleh Kerajaan Barisan Nasional dan kemampuan mengurus kewangan negara dengan baik. Kerajaan sentiasa memastikan penggunaan hasil dan perbelanjaan adalah secara berhemah serta dapat memberi manfaat yang menyeluruh kepada rakyat jelata. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan, silakan Yang Berhormat Tuan Lihan Jok. Ya, Yang Berhormat Tuan Lihan Jok.

Tuan Lihan Jok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak ada soalan tambahan.

3. Puan Hajah Noriah binti Mahat minta Perdana Menteri menyatakan, sejauh manakah konsep *wasatiyyah* diserap dan dilaksanakan dalam visi dan misi kita ke arah negara maju berpendapatan tinggi pada tahun 2020 dan menjadikan kita sebagai *role model* atau negara contoh kepada negara lain di seluruh dunia.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memperkenalkan Konsep *Wasatiyyah* yang bermaksud sederhana, pertengahan dan berimbang sebagai pemangkin kepada Gagasan 1Malaysia. Konsep ini selaras dengan wawasan kepimpinan negara yang mahu mewujudkan keseimbangan dalam membina perpaduan yang lebih harmoni di kalangan masyarakat berbilang bangsa, agama dan resam budaya. Konsep *wasatiyyah* adalah pendekatan yang tidak bersifat keterlaluan atau melampau tetapi tidak pula terlalu longgar atau terlalu mengambil ringan dalam sesuatu perkara. Ia bukan bermakna sesuatu yang kurang daripada ajaran Islam.

Oleh yang demikian, konsep ini merupakan satu pendekatan yang dilaksanakan secara berterusan dalam dasar-dasar kerajaan sedia ada, dan kehidupan manusia seharian selaras dengan matlamat konsep ini yang ingin mewujudkan perpaduan dan keharmonian hidup ke arah menentukan kejayaan individu, keluarga, masyarakat dan negara dalam memantapkan lagi strategi dan pelaksanaan pendekatan yang sederhana dan seimbang dalam semua aspek kehidupan.

Dalam bidang ekonomi umpamanya, kerajaan mengamalkan konsep *ardhalu wal ehsan*, di mana kekayaan ekonomi negara disalurkan dan dirasai oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira faktor bangsa, warna kulit dan anutan kepercayaan untuk menjana pendapatan dan meningkatkan taraf ekonomi mereka seterusnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara. Begitu juga dalam bidang pendidikan. Semua rakyat adalah berhak mendapat peluang pendidikan seimbang merangkumi keperluan duniawi dan ukhrawi yang bertujuan untuk melahirkan modal insan yang cemerlang dari aspek rohani dan jasmani. Roh *wasatiyyah* ini dimanifestasikan dalam aspek pengurusan dan pentadbiran, hubungan antarabangsa, perundangan, sosial budaya dan kehidupan beragama.

Di samping itu, kerajaan telah mengumumkan penubuhan Institut *Wasatiyyah* yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri manakala Kerusi *Wasatiyyah* diwujudkan di Universiti Malaya yang akan menjadi pemangkin kepada gerakan kesederhanaan di Malaysia. Inisiatif ini akan memperlihatkan keupayaan dan kesungguhan Malaysia sebagai sebuah negara contoh kepada dunia yang mengamalkan kesederhanaan dalam pelbagai aspek termasuk pentadbiran, ekonomi, politik dan pembangunan fizikal, seterusnya mencapai matlamat negara maju pada tahun 2020. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan soalan tambahan Yang Berhormat Hajah Noriah.

10.37 pg.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana jawapan yang begitu baik dan bernas sekali. Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, sebagai negara yang menuju ke arah negara yang maju dan dikagumi banyak pihak di peringkat antarabangsa, apakah peranan Malaysia dalam mempromosikan amalan *wasatiyyah* ke negara Timur Tengah yang sedang bergolak dan bagi menunjukkan Islam sebagai agama perpaduan bukan penganas dan dalam negara. Soalan tambahan saya, apakah kerajaan bercadang menyediakan platform untuk pelajar-pelajar dan belia berdiskusi dalam hal-hal berbangkit berkaitan mereka seperti baru-baru ini tentang isu PTPTN bagi mengelakkan mereka mengikuti BERSIH pada 28 April 2012? Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada soalan Yang Berhormat Puan Hajah Noriah binti Mahat. Berkaitan dengan peranan Malaysia di peringkat antarabangsa ataupun lebih disifatkan berkaitan dengan negara-negara khususnya dalam rangkaian negara Timur Tengah. Kita melihat bahawa Malaysia adalah salah satu sebuah negara bukan sekadar hari ini bahkan suka saya tekankan Tuan Yang di-Pertua bahawa konsep *wasatiyyah* yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan ianya merupakan kesinambungan daripada konsep-konsep terdahulu bermula daripada nilai-nilai kebersihan, bersih, cekap, amanah dan sebagainya sehinggalah sampai kepada konsep yang ada sekarang ini, konsep *wasatiyyah*.

Konsep ini diterima pakai dalam konteks antarabangsa bahkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam forum-forum antarabangsa di peringkat *international* dan juga peringkat nasional adalah sentiasa berbicara ataupun bercakap di dalam rantau negara termasuk di barat. Bahkan di rantau Timur khususnya, pengalaman kita dalam peringkat pengurusan haji katakan, ianya merupakan suatu negara yang mendapat pengiktirafan yang tinggi. Tuan Yang di-Pertua, saya baru balik daripada mesyuarat untuk persiapan haji yang akan datang.

Kerajaan Arab Saudi melalui Menteri baru yang mengambil alih jawatan Menteri untuk menjaga bahagian pengurusan haji dan wakaf, telah mengulangi setelah pada tahun lalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menunaikan ibadat haji. Raja Arab Saudi sendiri telah memberikan pengiktirafan dan pengiktirafan yang berterusan ini meletakkan bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang bukan hanya berdasarkan kepada konsep, hanya bukan berdasarkan kepada retorik, bukan hanya sekadar ungkapan.

■1040

Akan tetapi ia telah diterjemahkan dalam bentuk tindakan dan juga dalam bentuk pengurusan dan pentadbiran dalam konteks yang saya sebutkan tadi, Tabung Haji. Begitu juga kalau kita sentuh tadi bagaimana untuk supaya konsep *wasatiyyah* ini untuk memberikan satu disiplin pemikiran kepada pelajar-pelajar khususnya pelajar-pelajar kita yang berada dalam konteks negara dalam kemelut yang sedang dibincangkan pada hari ini khusus yang berkaitan dengan BERSIH 0.1, 0.2 dan 0.3, termasuk juga dengan pinjaman PTPN dan sebagainya.

Kerajaan sentiasa konsisten dan berterusan untuk menterjemahkan konsep *wasatiyyah* ini. Konsep *wasatiyyah* dalam konsep yang dimaksudkan negara kita yang mempunyai kepelbagaian yang saya sebut pada jawapan yang pertama tadi iaitu bangsa yang berbagai-bagai, agama, budaya dan juga bahasa yang berbagai-bagai, tetapi kita menjadi contoh kepada dunia bahawa kita masih lagi kekal dalam kepelbagaian yang kita ada. Bahasa yang berbeza, bangsa yang berbeza dengan agama, pegangan yang berbeza tetapi dilihat sebagai salah satu sebuah negara yang disenaraikan negara yang di antara yang terselamat dalam konteks dunia untuk dilawati dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa di antara sebahagian daripada kejayaan dan kita harus konsisten dalam melaksanakan apa yang kita sebutkan konsep *wasatiyyah* yang diperkenalkan oleh pihak kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Firdaus.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebagaimana Yang Berhormat Puan Hajah Noriah tadi, saya juga ingin mengalu-alukan langkah kerajaan memasyarakatkan konsep *wasatiyyah* ini. Juga saya mengalu-alukan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri itu tadi, langkah mewujudkan satu institut *wasatiyyah* dan di samping itu mewujudkan kerusi *wasatiyyah* di Universiti Malaya tetapi minta maaf, saya masih lagi kabur tentang satu perancangan yang sistematik untuk memastikan supaya konsep ini meluas diketahui, meluas difahami dan meluas dihayati. Jadi persoalan saya Yang Berhormat Menteri ialah apakah langkah-langkah konkrit dan sistematik untuk memasyarakatkan konsep ini agar benar-benar dapat mencapai matlamatnya?

Saya sebut itu kerana tadi disebutkan ini adalah kesinambungan daripada konsep-konsep yang sama yang terdahulu. Banyak konsep-konsep yang sama terdahulu itu tinggal begitu sahaja kerana tidak ada perancangan yang sistematik untuk memasyarakatkannya. Terima kasih.

Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharum: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus ke arah untuk memasyarakatkan atau pun lebih mendekati masyarakat dalam kefahaman konsep *wasatiyyah*. Kita sedia maklum bahawa konsep *wasatiyyah* ini adalah merupakan konsep yang telah terungkap di sana bukan hanya sekadar dalam lingkungan masyarakat hari ini, tetapi terungkap dalam Al-Quran... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*]

Bahawa disebutkan di sana bahawa ada kelompok-kelompok yang disebut kamu adalah merupakan umat yang sederhana dalam erti kata bukan dalam terjemahan sederhana 50:50.

Kalau contoh mengambil kira pelajar universiti, dia skornya 'cukup makan'. Dia bukannya *four flat* atau pun 3.75 dia punya skor yang dia dapat ataupun pelajar yang 50 peratus dapat 'C' itu dikira okey sudah. Akan tetapi dalam berimbang yang dimaksudkan di sini ialah konsep yang meletakkan umat yang menjadi contoh, umat yang menjadi *benchmark* dan ukuran. Maka umat yang terbaik ini akan kita laksanakan. Maka sebab yang demikianlah, kita bila saya balik kepada apakah langkah-langkah konkrit, langkah-langkah yang serius sebab Dato' saya tidak habis lagi...., Dato' semangat untuk hendak... Saya sebutkan bahawa langkah konkrit yang pertama tadi, kerajaan telah mewujudkan Institut *Wasatiyyah* dalam masa yang sama juga ialah penubuhan Kerusi ini.

Kerajaan akan memaklumkan nanti apabila institut *wassatiyah* ini dilaksanakan dan bila akan mencapai kepada konsep pelaksanaan yang lebih merata. Dalam masa yang sama juga, agensi-agensi kerajaan khususnya yang berkaitan lebih-lebih lagi seperti mana JAKIM, Jabatan-jabatan Agama Islam Negeri dan juga Majlis-majlis Agama Islam Negeri dan NGO-NGO yang berkaitan sedang bergerak dalam melaksanakan konsep-konsep yang seperti ini. Bahkan pihak universiti dianjurkan amat-amat untuk supaya beberapa perbincangan dan juga termasuk kertas-kertas serius yang bersifat pengkajian dan juga untuk mendapat peringkat Master dan PhD untuk melahirkan kertas-kertas yang seperti ini.

Jadi inilah yang dimaksudkan barangkali Senator Dato' Dr. Firdaus untuk melihat keseriusannya untuk kita melaksanakan konsep *wasatiyyah* ini supaya dapat memasyarakatkan rakyat Malaysia memahami konsep *wasatiyyah*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

4. Dato' Dr. Johari bin Mat minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, sejauh manakah sistem yang telah dilaksanakan bagi mengatasi kadar jenayah di negara ini. Apakah langkah-langkah kementerian dalam mengatasi isu ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat yang mengemukakan pertanyaan. Izinkan saya menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan satu lagi pertanyaan lain iaitu pertanyaan Yang Berhormat Senator Puan Chew Lee Giok pada 25 April 2012 kerana pertanyaan tersebut adalah berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, silakan.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulai ini, indeks keamanan dunia yang dikeluarkan oleh *Global Peace Index* (GPI) telah mengiktiraf Malaysia sebagai negara ke-19 paling aman di dunia dan kedua di Asia serta pertama di Asia Tenggara. *The World Justice Project* pula mengiktiraf Malaysia sebagai negara paling selamat di kalangan 19 buah negara berpendapatan sederhana serta di kedudukan ke-12 negara paling selamat di dunia kerana mengatasi Amerika Syarikat dan Britain. Ini menunjukkan bahawa langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dalam usaha untuk menangani jenayah berada di landasan yang tepat.

Kejayaan ini dapat dihasilkan berdasarkan strategi-strategi yang telah dilaksanakan oleh kementerian melalui pihak PDRM. Di antara strategi dan program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) mengenal pasti empat buah negeri yang mempunyai kadar jenayah yang tinggi di Malaysia iaitu Wilayah Persekutuan, Selangor, Johor dan Pulau Pinang;

- (ii) mengenal pasti kawasan-kawasan atau pun daerah-daerah di negeri-negeri ini yang mempunyai kadar jenayah yang tertinggi. Kawasan-kawasan ini dikenali sebagai kawasan panas atau *hotspots*;
- (iii) setelah dikenal pasti *hotspots* ini, maka langkah-langkah mengurangkan jenayah telah dilaksanakan secara *aggressive* dengan izin, bagi mencapai impak yang besar;
- (iv) di antara inisiatif-inisiatif yang diperkenalkan adalah:
 - (a) melaksanakan OPS Lejang, Rentap, Pintu dan Rusuh bagi mencegah kes-kes curi motosikal, kereta, pecah masuk, mencuri kabel dan perkakas;
 - (b) melaksanakan program '*Only Presents Feet on the Streets*', Program Pantas Selamat bagi mengurangkan jenayah jalanan;
 - (c) memperluaskan inisiatif skim perondaan sukarela dan menambahkan Ahli Rakan Cop;
 - (d) meningkatkan kes tangkapan yang di bawah untuk pendakwaan di mahkamah;
 - (e) *Balai League Tables* (BLT). Inisiatif ini bertujuan untuk menentukan balai polis yang telah mencapai kecemerlangan dalam menurunkan kadar jenayah yang meliputi jenayah indeks dan jenayah jalanan termasuk keupayaan penambahbaikan bagi tempoh penilaian;
 - (f) bagi memudahkan rakyat menghubungi PDRM, kemudahan *social network* seperti *Facebook*, *Twitter* telah disediakan;
 - (g) Hari Bertemu Pelanggan telah diperkenalkan di peringkat ibu pejabat polis negeri dan daerah bagi memudahkan masyarakat menghubungi PDRM untuk berinteraksi dengan mudah di antara satu sama lain;
 - (h) *high profile policing* telah dilaksanakan di mana pegawai-pegawai kanan PDRM akan turun ke padang pergi bersama-sama anggota polis lain untuk bertemu dan beramah mesra dengan masyarakat.

■1050

Peluang ini boleh diambil oleh masyarakat bagi mengemukakan sebarang masalah yang berkaitan dengan pihak polis. Tuan Yang di-Pertua, segala usaha untuk mengurangkan jenayah ini bukan sahaja melibatkan pihak PDRM tetapi juga agensi-agensi kerajaan lain seperti Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam pelaksanaan Program Bandar Selamat, Kementerian Belia dan Sukan dalam pelaksanaan Skuad Muda RELA dan *Crime Awareness Team*, pihak AADK dengan Program Pemulihan Penagih Dadah dan lain-lain lagi.

Tanggungjawab untuk menangani masalah jenayah di negara ini tidak harus dipikul kepada pihak PDRM sahaja akan tetapi perlu dikongsi bersama oleh masyarakat di mana konsep *smart partnership* perlu diwujudkan bagi menangani masalah ini. Masyarakat juga perlu peka terhadap persekitaran mereka dan melaporkan dengan segera kpd pihak berkuasa sekiranya terdapat aktiviti-aktiviti jenayah di kawasan mereka.

Di samping itu, masyarakat juga perlu mengubah sikap mereka supaya tidak mementingkan diri sendiri tetapi perlu lebih prihatin dalam memastikan keselamatan dan ketenteraman negara ini terjamin, terima kasih.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, yang pertama terima kasih kepada Kementerian Dalam Negeri yang telah menjalankan tugas-tugas untuk mengurangkan dan juga menurunkan indeks jenayah. Saya baca akhbar pada 19 April 2012, Menteri Dalam Negeri menyatakan bahawa tahun 2010 kes rogol berkurangan tetapi dia mendadak naik pada tahun 2011 kepada angka 2,419 orang. Ini menunjukkan satu kes yang sering berlaku di dalam masyarakat.

Jadi saya ingin mendapat jawapan daripada pihak kementerian, kalau tidak boleh hari ini pun, indeks yang telah dikenal pasti yang mana menurun. Baru-baru ini pun saya membaca indeks ini menurun. Kedua saya ingin tahu bagaimana jangka panjang yang dibuat oleh kementerian supaya kita ini pada satu waktu nanti hendak capai sifar jenayah. Terima kasih.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri memang sentiasa mengambil berat dan prihatin terhadap kejadian jenayah seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Memang KDN pun ada satu program iaitu Program NKRA dan dalam NKRA ini beberapa inisiatif telah dikenal pasti dan telah pun dilaksanakan. Jadi, kalau ikut indeks jenayah yang saya perolehi bukan sahaja indeks jenayah biasa dan juga jenayah kekerasan pun telah menurun termasuk kes rogol yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

Pada tahun 2009, kes bunuh dan rogol adalah sebanyak 3,742 kes. Pada tahun 2010 sudah menurun kepada 3,382 kes. Pada tahun 2011 kadar ini turun lagi ke 3,026 kes. Ini sudah menunjukkan bahawa inisiatif-inisiatif di bawah NKRA adalah berkesan. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat kalau hendak mengurangkan kadar jenayah kerajaan memang ada sasaran yang tepat dan telah berjaya. Memang tidak dapat dinafikan kalau hendak jenayah sifar ini memang mustahil di mana negara-negara mana pun ada kejadian jenayah. Kita hanya melaksanakan dengan mengurangkan kadar jenayah. Terima kasih.

Tuan Haji Ahamat @ Ahmad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah mohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, jenayah-jenayah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi secara kategorinya adalah jenayah-jenayah kecil yang kadar penurunannya agak ketara seperti curi motosikal, ragut dan sebagainya. Akan tetapi apakah peratusan penurunan kadar jenayah *high profile* untuk macam rogol seperti yang disebutkan oleh rakan Senator tadi, rompakan bank, pembunuhan, dadah dan sebagainya.

Ini saya rasa tidak pernah disiarkan dalam akhbar dan sebagainya. Apakah benar-benar ada penurunan ataupun tidak turun ataupun masih bertambah. Kalau tidak ada *figure* nya tidak apa, boleh bagi secara bertulis Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, kalau kes-kes yang biasa atau indeks jenayah pada tahun 2011 kalau dibandingkan dengan tahun 2010 kadar jenayah indeks telah berkurangan sebanyak 11.1 peratus atau iaitu pengurangan sebanyak 19,629 kes. Kadar jenayah jalanan telah pun berkurangan 39.7 peratus pada tahun 2011 iaitu pengurangan sebanyak 15,101 kes dibandingkan dengan tahun 2009.

Bagi jenayah kekerasan pada tahun 2009 adalah 42,015 kes. Pada tahun 2010 sudah berkurangan ke 32,887 kes. Pada tahun 2011 telah menurun ke 29,536 kes. Jadi kes-kes jenayah mana pun kadarnya telah menurun.

5. Datuk Chiu Tiang Chai minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, hala tuju Proton sebagai peneraju industri automotif tempatan selepas pengambilalihan oleh DRB Hicom dalam membangunkan model bermutu tinggi serta diterima di peringkat antarabangsa.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II [Dato' Jacob Dungau Sagan]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Datuk Majjol Mahap pada 24 April 2012 dan sekarang ini juga Tuan Chiew Lian Keng pada 25 April 2012.

■1100

Tuan Yang di-Pertua, pemilikan Proton oleh DRB Hicom tidak mengubah tujuan asal penubuhan Proton untuk menjadi peneraju industri automotif negara. Pengalaman luas selama 26 tahun dalam sektor automatif tempatan serta rangkaian perkongsian strategik yang utuh antara pengeluar kenderaan ternama di dunia seperti *Volkswagen, Honda, Audi, Mitsubishi, Suzuki, Isuzu* dan *Mahindra* merupakan aset utama kumpulan DRB-Hicom. Selain itu, terdapat juga jalinan kerjasama perniagaan yang telah lama wujud antara kumpulan DRB-Hicom dan juga Proton seperti pembuatan komponen dari Hicom Teck See Manufacturing Malaysia Sdn. Bhd., Oriental Summit Industry Sdn. Bhd., HAN Industry Sdn. Bhd. dan Hicom Diecasting Sdn. Bhd. Kumpulan DRB-Hicom juga merupakan pengedar utama Proton melalui Edaran Automobil Nasional (EON) yang mempunyai 32 cawangan pengedaran seluruh negara.

Business model baru, dengan izin, yang akan diperkenalkan oleh DRB-Hicom semestinya ada memastikan kesinambungan dan kecemerlangan Proton bersama-sama semua ekosistem automotif negara pada masa akan datang. DRB-Hicom mempunyai perancangan yang menyeluruh untuk jangka masa pendek, sederhana dan panjang yang merangkumi semua aspek perniagaan Proton.

Sebagai permulaan, terdapat pelbagai peluang untuk merealisasikan sinergi di antara Proton dan DRB-Hicom yang boleh meningkatkan kecekapan dan produktiviti industri automatif negara. Hala tuju Proton di bawah DRB-Hicom adalah meliputi:

- (i) memacu dan mempercepatkan pelan transformasi Proton termasuk proses rasionalisasi dan sinergi seperti pembangunan vendor komponen dan alat ganti pengedar dan logistik;
- (ii) ke arah daya saing global dengan meneruskan kesinambungan Proton sebagai projek nasional melalui perwujudan nilai tambah, di samping itu mewujudkan sinergi jangka pendek dan peningkatan kecekapan dengan menggunakan pengalaman tempatan dan pemahaman mengenai keutamaan nasional;
- (iii) mempertahankan jenama nasional dalam membangunkan industri automatif tempatan ke arah peningkatan akses kepada kepakaran bertaraf dunia dan pasaran global;
- (iv) memperkenalkan amalan terbaik untuk mengurangkan perlindungan kepada industri automatif tempatan secara berperingkat di samping mengekalkan tahap daya saing serta bersama-sama mengenal pasti dan membangunkan pasaran baru.

Tuan Yang di-Pertua, hala tuju DRB-Hicom dalam meningkatkan eksport ialah syarikat akan lebih *customer centric*, dengan izin, dan berdaya saing dari aspek kualiti, kos dan penghantaran dengan menghasilkan produk-produk yang memenuhi cita rasa dan gaya hidup semasa pelanggan. Pasaran ASEAN merupakan pelaung terbaik bagi Proton untuk meningkatkan eksport keluar negara kerana penduduknya melebihi 600 juta orang dan kadar pemilikan kenderaan yang masih rendah lagi.

Proton mempunyai potensi untuk berjaya tetapi memerlukan lebih banyak model. Dalam hal ini, DRB-Hicom akan menggunakan pengalaman dan kemahiran yang diperolehi Proton selama 26 tahun dengan kemahiran sendiri dari segi dengan izin, *vehicle design, engine development and vehicle manufacturing*.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan mengenai polisi untuk melindungi industri kereta buatan tempatan walaupun syarikat Proton tidak lagi dimiliki kerajaan, adalah dimaklumkan bahawa industri automotif tempatan merupakan industri penting dan strategik yang boleh mempercepatkan proses perindustrian negara ke arah mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Bagi mencapai hasrat tersebut, kerajaan secara beransur-ansur sedang meliberalisasikan industri automatif tempatan melalui pelbagai langkah yang dilihat mampu untuk mewujudkan persaingan dan seterusnya meningkatkan daya saing industri tersebut. Antara langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- (i) pengurangan dan penghapusan duti import bagi produk automatif di bawah pelbagai perjanjian perdagangan bebas yang sedang dirundingkan atau telah ditangani;
- (ii) penarikan semula pembekuan lesen pengilang, *manufacturing license*, dengan izin, bagi segmen automatif terpilih yang dikenal pasti sebagai strategik dan berimpak tinggi kepada ekonomi negara di bawah kajian semula dasar automatif nasional; dan
- (iii) penghapusan sekatan kuantiti bagi kenderaan dipasang sepenuhnya CBU yang diimport dari ASEAN.

Bagi memastikan langkah liberalisasi industri automatif yang dilaksanakan tidak memberikan implikasi negatif terhadap pembangunan keseluruhan automatif tempatan, kerajaan berpandangan bantuan dan sokongan kepada industri automatif tempatan termasuk kepada Proton perlu diteruskan kerana bantuan dan sokongan tersebut tidak diberikan semata-mata kerana Proton dimiliki kerajaan tetapi sebagai projek nasional yang menyumbang ke arah pembangunan industri automatif tempatan.

Untuk makluman Yang Berhormat, bantuan dan sokongan yang sama turut diberi kepada syarikat-syarikat pengilang atau pemasang automatif lain yang layak sama ada berstatus nasional atau tidak berdasarkan projek yang dicadangkan dan memenuhi kriteria-kriteria lain yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai kerugian Proton yang dilaporkan baru-baru ini, adalah dimaklumkan bahawa kerugian sebenarnya Proton bagi suku tahun ketiga bagi tahun kewangan 2011-2012 ialah sebanyak RM84 juta dan bukannya RM88 juta. Kerugian ini adalah disebabkan oleh penurunan jualan pada penghujung tahun 2011 dan bukannya ketidakcekapan syarikat itu. Sekian, terima kasih.

Datuk Chih Tiang Chai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab. Tahniah kepada Proton di atas pelancaran kereta global baru-baru ini. Soalan tambahan saya ialah bagaimana status terkini CEO dan MD Proton yang dikatakan akan meletakkan jawatan, adakah itu benar? Terima kasih.

Dato' Jacob Dungau Sagan: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan ini ialah terletak pada pengurusan DRB-Hicom dan Proton itu sendiri. Jadi kita tidak dapat tetapkan ini oleh kerana ini dalam *business model* mereka sendiri. Sekian, terima kasih.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun hendak ucap tahniah di atas perubahan *ownership* di antara Proton kepada DRB Holdings yang hari ini telah menguasai 50 peratus saham setelah membeli 42.7 peratus saham Proton.

Jadi dalam pengumuman prestasi terakhir ketiga, suku tahun ketiga berakhir 31 Disember yang lalu, sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, Proton kerugian RM84 juta bukan RM88.2 juta seperti yang diumumkan pada awalnya. Sebabnya adalah penurunan permintaan tempatan, *lower domestic demand*, dengan izin. Keduanya kerana disebabkan oleh kerugian yang berterusan kepada unit kereta *sport Lotus*. Jadi apakah rancangan ataupun *business plan* akan datang bagi menentukan keadaan ini tidak berterusan?

Yang kedua yang lebih penting Tuan Yang di-Pertua, ialah kesediaan Proton menghadapi pasaran terbuka pada tahun 2015 apabila *ASEAN Economic Community* akan mula beroperasi. Bagaimana Proton bersedia bagi menghadapi pasaran yang lebih luas, dan di samping itu kita jangan lupa bahawa pasaran yang luas itu juga termasuk bahawa saingan-saingan juga semakin hebat dalam pasaran tempatan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1110

Dato' Jacob Dungau Sagan: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, memang kita sedar bahawa penurunan penjualan kereta di negara kita memang menurun 0.9 peratus pada hujung sesi yang saya sebutkan itu tadi iaitu bagi Tahun Kewangan 2011 dan 2012 itu tadi. Jadi oleh sebab itulah prestasi jualan yang lebih rendah berbanding sebelumnya adalah menepati jangkaan memandangkan telah terjadi kelaziman bagi kebanyakan pelanggan memilih untuk menanggungkan pembelian kenderaan ke tahun baru bagi mencapai nilai jualan semula atau dengan izin, *resell value* yang lebih tinggi pada masa depan. Tambahan pula permintaan pelanggan terhadap modal-modal Proton yang tempoh tersebut didapati berbeza dengan unjuran asal pemasaran yang mana beberapa pelarasan telah dibuat untuk memenuhi permintaan tersebut.

Jadi mengikut kenyataan *Malaysian Automotive Association* ataupun MAA dalam tempoh yang sama itu, dalam bulan Oktober hingga Disember 2011, jumlah jualan kenderaan juga telah mencatatkan penurunan sepertimana yang saya sebut tadi sebanyak 0.9 peratus kepada 149,839 unit berbanding suku sebelumnya iaitu sebanyak 153,041 unit. Prestasi jualan Proton di pasaran tempatan turut terjejas dengan penurunan ini. Jadi rancangan Proton untuk meningkatkan lagi prestasi mereka ini adalah terpulang kepada pelan transformasi Proton yang telah dijanjikan *collaboration* dengan DRB Hicom ini. Jadi sebagaimana yang saya sebutkan tadi, hala tuju Proton di bawah DRB Hicom satu tadi ialah untuk memacu dan mempercepatkan pelan transformasi. Jadi, ini untuk mengatasi kekurangan atau kerugian yang telah berlaku dan juga ini termasuk proses rasionalisasi dan sinergi seperti pembangunan vendor komponen, alat ganti dan juga pengedar dan logistik yang lain.

Begitu juga daripada segi ke arah daya saing global dengan meneruskan kesinambungan Proton sebagai projek nasional melalui pewujudan nilai tambah dan di samping itu mewujudkan sinergi jangka pendek dan peningkatan kecekapan dengan menggunakan pengalaman tempatan dan pemahaman mengenai keutamaannya. Jadi yang penting ialah supaya DRB ini tadi terus meneruskan usaha mereka untuk menggunakan pengalaman dan kemahiran mereka selama 26 tahun yang lalu supaya mereka ini dapat berusaha untuk mengeluarkan modul-modul baru dengan lebih cepat. Kalau dulu satu modul itu memakan masa 58 bulan untuk mengeluarkan satu modul. Sekarang ini sudah dipercepatkan supaya dalam 18 bulan boleh satu modul itu dikeluarkan. Jadi dalam masa yang akan datang, kita amat berharap sekali mereka ini akan terus berjaya untuk mengeluarkan modul yang lebih baik lagi daripada segi *vehicle design, engine development* dan juga *vehicle manufacturing* mereka.

Selain daripada itu, DRB juga telah mengambil tindakan untuk mengirim ataupun untuk menganjurkan *engineer* mereka pergi ke Liverpool John Moores University untuk belajar dengan sistem baru *manufacturing* ataupun *design vehicle* ini supaya *capacity building* mereka ini dapat dipertingkatkan pada masa akan datang. Jadi inilah masa depan. Untuk pasaran terbuka ini tadi kita memang lihat bukan kita tumpukan kepada pengedaran atau penjualan untuk tempatan sahaja tetapi kita lihat di rantau Asia pun kita sudah mempunyai *networking* untuk menjualkan model-model yang baru seperti Preve yang baru-baru dikeluarkan ini tadi. Kita boleh lihat supaya projek model baru ini mula dijual di peringkat ASEAN, di negeri-negeri ASEAN dan begitu juga pada masa akan datang, mereka terus melihat bagaimana mereka dapat mengedarkan dan menjualkan model baru ini di arena global ataupun negara-negara yang lain di seluruh negara. Sekian, terima kasih.

6. **Dato' Zaitun binti Mat** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, langkah-langkah kementerian untuk melatih warga tempatan menjadi pembantu rumah bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pembantu rumah asing khususnya dari Indonesia.

Menteri Sumber Manusia [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab soalan ini, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan takziah kepada mendiang Senator Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan yang telah meninggal dunia pada 18 hari bulan yang lalu dan semasa memperingatkan balik segala sumbangan beliau kepada masyarakat, bangsa dan negara. Saya berdoa semoga Tuhan memberi kekuatan kepada keluarga beliau untuk melalui masa yang sangat sedih ini.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya memohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan-pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam pada 24 April mengenai pembekalan pembantu rumah. Pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin pada 24 April mengenai gaji minimum pembantu rumah, pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Zaitun binti Mat pada 25 April mengenai bekalan pembantu rumah asing. Pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman pada 25 April mengenai pengambilan pembantu rumah, 26 April mengenai pengambil pembantu rumah asing dan pertanyaan Yang Berhormat Senator Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim pada 3 Mei mengenai usaha menggalakkan pekerjaan tempatan menjadi pembantu rumah.

Pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Azian bin Osman pada 7 Mei mengenai bilangan pembantu rumah Indonesia, pertanyaan daripada mendiang Yang Berhormat Senator Datuk Subbaiyah pada 8 Mei mengenai formula *1maid,1task*, pertanyaan Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Johari bin Mat pada 9 Mei mengenai menangani isu pembantu rumah. Pertanyaan Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah pada 10 Mei mengenai rundingan dengan Indonesia mengenai pembantu rumah dan Yang Berhormat Senator Tuan Chiew Lian Keng pada 10 Mei mengenai penawaran pembantu rumah Indonesia.

Nampak soalan ini memang hebat dan panas di kalangan Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, memorandum persetujuan *MoU* mengenai pembantu rumah asing antara Malaysia dan Indonesia telah ditandatangani pada awalnya pada 13 Mei 2006 di Bali, Indonesia. Pengambilan pembantu rumah dari Indonesia berjalan dengan lancar dan jumlah PRA Indonesia pada masa itu adalah berjumlah 294,784 orang. Namun pada 25 Jun 2009, Kementerian Tenaga Kerja dan Transmigrasi Indonesia telah mengarah agar semua agensi pekerjaan di Indonesia supaya memberhentikan pembekuan hantaran PRA ke Malaysia dengan alasan bahawa ramai PRA mereka telah didera oleh majikan di Malaysia dan tidak mendapat pembelaan yang sewajarnya.

Pembekuan ini disahkan oleh Duta Besar Indonesia di Kuala Lumpur pada 28 Jun 2009. Pada 6 Julai 2009, kedua-dua negara telah bersetuju untuk mengkaji semula *MoU* berkaitan bagi menambah baik perlindungan dan kebajikan pekerja pembantu rumah Indonesia manakala di pihak Malaysia juga telah mengemukakan perkara bagi menjaga kebajikan majikan di Malaysia. Antara perkara utama yang dibangkitkan oleh Indonesia adalah soal cuti rehat sehari dalam seminggu, penyimpanan pasport, pembayaran gaji melalui akaun bank dan kontrak perkhidmatan yang standard.

■1120

Manakala pihak Malaysia membangkitkan isu struktur kos yang boleh dikenakan oleh agensi kepada majikan dan isu penggantian pembantu rumah yang melarikan diri. Melalui perbincangan tersebut kedua-dua pihak bersetuju supaya disediakan protokol pindaan kepada *MoU* asal antara kedua-dua kerajaan.

Kedua-dua kerajaan telah berjaya berunding dan bersetuju menyelesaikan isu-isu berbangkit di atas dan protokol berkenaan telah ditandatangani pada 3 hari bulan, 2011 di Bandung, Indonesia di antara saya dan Menteri Transmigrasi dan Tenaga Kerja Indonesia.

Susulan daripada itu perbincangan juga telah bersetuju supaya ditubuhkan *joined task force* dalam memastikan supaya apa yang telah dipersetujui dapat direalisasikan dengan penghantaran semula pembantu rumah Indonesia ke Malaysia.

Pada masa yang sama di peringkat tertinggi itu, kedua-dua Menteri yang bertanggungjawab serta pemimpin utama negara iaitu Presiden Indonesia dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia turut berbincang pada pertemuan *bilateral*. Susulan itu pada 17 November 2011, pada pertemuan di mesyuarat *Asean Summit* di Bali, kedua-dua pemimpin iaitu Presiden Indonesia dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan penarikan balik pembekuan bermula 1 Disember 2011.

Namun bagi memenuhi syarat latihan selama 200 jam kepada pembantu rumah Indonesia telah mengatakan bahawa mereka memerlukan tiga bulan bagi melatih pembantu rumah yang terbabit dan pembantu rumah yang akan mula dihantar ke Malaysia bermula pada 1 Mac 2012. Dalam penyediaan latihan pembantu rumah ke Malaysia, Indonesia turut mencadangkan supaya mereka dilatih di dalam empat bidang:

- (i) *housemaid*;
- (ii) *cook*;
- (iii) *caretaker, care given and taker*; dan
- (iv) *babysitter*.

Cadangan ini selaras dengan keperluan sekiranya pembantu rumah tersebut tidak kompeten bagi majikan boleh mendapat penggantian. Penetapan ini bagi menentukan kompetensi pembantu rumah. Namun hakikatnya mereka boleh melakukan semua kerja.

Pada masa yang sama, Pegawai Kedutaan Indonesia yang tidak terlibat rundingan protokol serta tidak mempunyai akses kepada informasi terkini telah menyuarakan bahawa sepatutnya dengan penetapan ini, gaji pembantu rumah haruslah dibayar pada kadar yang berpatutan iaitu pada lingkungan RM700 dan *1maid, 1task*. Malaysia melalui Wisma Putra dan Kementerian Sumber Manusia telah memanggil pegawai berkenaan bagi mendapatkan penjelasan kerana perkara ini tidak pernah dipersetujui dalam pindaan kepada protokol tersebut.

Pada masa yang sama kerajaan turut menerima luahan agensi pekerjaan swasta daripada Indonesia dan Malaysia yang mengatakan bahawa struktur kos yang dipersetujui oleh kedua-dua kerajaan itu iaitu sebanyak RM4,511.00 tidak lagi mampu menampung kos keseluruhan pengambilan PRA daripada Indonesia dan mereka mencadangkan kerajaan boleh mengkaji semula kos ini. Walaupun demikian, kedua-dua kerajaan telah berjaya memilih sebanyak 221 agensi Malaysia dan 12 agensi Indonesia yang bersetuju dan sanggup untuk melaksanakan pengambilan ini berdasarkan mekanisme dan kos yang telah dipersetujui.

Untuk itu, bermula Mac 2012, Kementerian Sumber Manusia telah memaklumkan bahawa seramai lebih daripada 100 orang pembantu rumah sedang dilatih untuk dihantar bekerja di Malaysia dan turut difahamkan bahawa penghantaran ini akan direalisasikan pada akhir April 2012. Untuk makluman Dewan yang mulia ini sekarang pembantu rumah Indonesia yang bekerja di Malaysia adalah seramai 134,733 atau 73 peratus daripada keseluruhan pembantu rumah di Malaysia daripada seluruh negara. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan. Dipersilakan Dato' Zaitun.

Dato' Zaitun binti Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Menteri yang menjawab. Saya difahamkan bilangan pembantu rumah asing kini dianggarkan melebihi 300,000 orang dan lebihan peratus adalah terdiri daripada Indonesia. Ini menunjukkan potensi yang besar dan peluang yang luas dalam bidang kerjaya pembantu rumah. Dua atau tiga tahun yang lalu, kerajaan bercadang untuk mewujudkan Institut Pembantu Rumah di Malaysia. Soalan tambahan saya, sejauh manakah idea penubuhan Institut Pembantu Rumah Malaysia ini dapat direalisasikan?

Kedua, apakah langkah kerajaan bagi memartabatkan kerjaya pembantu rumah ini supaya setanding dengan kerjaya dalam bidang hospitaliti yang lain bagi menarik lebih ramai warga tempatan bekerja sebagai pembantu rumah?

Yang ketiga, adakah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan insentif tertentu untuk potongan cukai kepada majikan yang mengambil warga tempatan sebagai pembantu rumah kerana memberi peluang pekerjaan kepada rakyat negara ini serta menyelamatkan pertukaran asing. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, isu mendapat bekalan pembantu rumah tempatan bukan satu perkara yang berkait dengan latihan mereka. Ada 300,000 pembantu rumah yang datang daripada beberapa negara. Yang sedang bekerja di dalam rumah-rumah di Malaysia. Mereka semua datang dan mendapat latihan semasa mereka kerja di rumah itu dan mereka mendapat kepuasan daripada majikan-majikan mereka. Isu adalah adakah kesudian daripada pekerja-pekerja tempatan untuk kerja di dalam bidang pembantu rumah, itu isu yang pertama.

Kementerian Wanita dan Keluarga telah beberapa tahun yang dahulu membuat satu kajian asal untuk mendaftarkan mereka yang mempunyai kesudian untuk mendapat latihan di dalam bidang pembantu rumah supaya mereka terus boleh kerja di dalam bidang itu. Akan tetapi malangnya bilangan mereka yang daftar adalah satu bilangan yang kecil dan selepas itu walaupun mereka diberi latihan, akhirnya mereka tidak sampai kerja di rumah sebagai pembantu rumah.

Malaysia sekarang, kebanyakan daripada rakyat kita 95 peratus sudah mendapat peluang mendapat sijil SPM. Mereka berpandangan sudah dapat sijil SPM mungkin itu tidak layak untuk menjadi pembantu rumah itu satu isu yang besar. So, kalau kita lihat kepada memberi gaji yang lebih tinggi, itu menjadi satu isu di kalangan majikan Malaysia. Contoh pada masa sekarang, masih pintu untuk mendapat pembantu rumah daripada negeri Filipina buka juga. Akan tetapi pada masa dahulu, pada satu masa ketika, kita mempunyai lebih kurang 70,000 hingga 80,000 pembantu rumah daripada Filipina sebelum negara kita mengadakan satu dasar di mana mereka telah meletakkan satu gaji lebih kurang RM1,000.00 untuk pembantu rumah mereka. Bila dasar itu dikenalkan, bilangan pembantu rumah Filipina di Malaysia sudah turun sampai 14,000 hingga 15,000 sahaja.

Oleh itu ada beberapa faktor. Salah satu daripada iaitu kesudian pekerja-pekerja tempatan untuk kerja sebagai pembantu rumah, kesudian pihak majikan Malaysia untuk membayar gaji yang lebih tinggi kepada mereka yang ingin kerja sebagai pembantu rumah. Kalau kita boleh dapat satu keseimbangan daripada kedua-dua perkara ini, maka pada masa itu kita boleh berjaya untuk memastikan pekerja tempatan boleh kerja sebagai pembantu rumah di dalam rumah-rumah kita.

Tentang latihan, memang kerajaan sudi untuk mengadakan latihan kalau mana-mana pihak yang mahu menjalankan latihan boleh membuat, boleh beri satu perjanjian bahawa lepas latih, mereka semua akan kerja sebagai pembantu rumah. Apa yang berlaku, lepas latih mereka tidak kerja. So, yang mendapat keuntungan dalam proses itu ialah institusi yang menjalankan latihan sahaja. Bukan kita mendapat penyelesaian kepada isu asalnya dan tentang cadangan supaya potongan cukai diberi, itu bukan di bawah pandangan kerajaan pada masa sekarang kerana kalau kita beri kepada satu bidang, memang mesti diperluaskan kepada semua bidang-bidang lain di mana kita menggunakan tenaga pekerja asing dan ini memang bukan di dalam dasar kerajaan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah kemelut pembantu rumah ini tidak akan ada kesudahannya apabila beginilah keadaannya. Lebih malang lagi jika tidak dapat ditangani dengan baik masalah pembantu rumah ini dapat bukan sahaja antara pembantu rumah dengan majikan, hubungan dua negara akan terjejas.

■1130

Ada kesalahan dilakukan oleh pihak majikan. Ada kesalahan dilakukan oleh pembantu rumah. Ini sentiasa berlaku. Jadi, tidakkah kerajaan berusaha untuk mencadangkan suatu alternatif agar penduduk tempatan yang mana dahulunya pada tahun 60-an, 70-an dan awal 80-an sangat ramai rakyat tempatan yang menjadi pembantu rumah.

Mereka ini kebanyakannya berkhidmat di rumah keluarga yang ada hubungan keluarga dengan mereka. Jadi, sebagai operator kilang misalnya bukan banyak mana sangat gajinya. Tolak tambang bas, tolak makan apa semua boleh dapat RM300, RM400 sahaja sebulan. Jadi, pertanyaan saya adakah kerajaan tidak bercadang untuk menjalankan satu kempen agar penduduk tempatan dapat menjadi pembantu rumah atau pun status pembantu rumah itu ditukar supaya jawatan itu lebih menarik, lebih mengancam dan lebih diminati oleh golongan wanita terutamanya dan negara kita ini terkenal dengan banyak ibu tunggal, banyak yang tidak ada keluarga dan sebagainya. Mereka ini boleh menjadikan ini satu profesion yang dapat menyelesaikan masalah ini. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, semua negara yang sudah membangun selepas mendapat satu taraf ekonomi yang tinggi menghadapi isu ini. Kalau kita pergi ke luar negara khasnya kepada negara-negara di barat dan negara yang sudah membangun, memang budaya untuk mendapat seorang pembantu rumah kekal di rumah bukan salah satu daripada budaya mereka yang biasa.

Di dalam negara-negara ini mereka wujudkan institusi-institusi yang lain. Contohnya pusat-pusat asuhan anak yang dijalankan secara profesional di mana semua orang yang bekerja menghantar anak mereka ke tempat itu dan mendapat perlindungan secara profesional supaya majikan mengadakan tempat-tempat untuk kanak-kanak di tempat majikan mereka supaya masyarakat di dalam komuniti pun mengadakan pusat-pusat asuhan anak-anak yang mempunyai taraf yang tinggi supaya kita adakan kemudahan-kemudahan untuk menjaga warga emas yang lebih baik, lebih sesuai di mana keluarga mempunyai satu keyakinan untuk menghantar saudara mereka kepada pusat-pusat itu.

Saya nampak itulah jalan ke hadapan di mana kita kena wujudkan institusi-institusi pengawalan, penjagaan untuk memastikan kerja-kerja yang sebelum ini yang dibuat oleh pembantu rumah dialih kepada sistem-sistem yang lain yang telah diterima sebagai satu sistem yang boleh dipakai di dalam zaman yang moden ini. Ini untuk masa yang akan datang. Termasuk juga apa yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat itu kita tukar tajuknya iaitu daripada pembantu rumah cadangannya ialah *home managers*, "*home managers*" yang memang bunyinya sedap juga.

Kalau itu boleh diterima oleh kalangan pekerja-pekerja kerana mereka boleh jadi *manager* di rumah. Cuma tidak *manage* suami cukup. Kalau menguruskan rumah sahaja, ini mungkin akan diterima oleh pihak majikan dan pihak pekerja dan ini adalah satu langkah. Kita memang terbuka kepada apa-apa cadangan termasuklah saya tahu di dalam pekerja-pekerja pembantu rumah tempatan, mereka lebih suka untuk kerja sebagai *part time workers* iaitu pada satu hari mereka kerja di dua, tiga rumah.

Melalui ini mereka mendapat pendapatan yang lebih tinggi. Ini memang sudah berlaku pada masa sekarang. Mungkin itu ialah satu langkah yang kita boleh lihat untuk menjadikan itu sebagai satu institusi di mana mereka boleh kerja untuk tiga jam, empat jam di sesuatu rumah dan menunaikan keperluan majikan itu dan melalui itu mereka boleh mendapat pendapatan yang lebih tinggi. Terima kasih.

7. **Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal** minta Perdana Menteri menyatakan, sejauh manakah pencapaian 1MDB setakat ini dalam membawa hala tuju pembangunan ekonomi negara ke arah mencapai matlamat pembangunan sebuah negara maju berpendapatan tinggi.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' S. K. Devamany a/l S. Krishnasamy]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Senator Puan S. Bagiam mengenai soalan 1MDB.

Tuan Yang di-Pertua, 1Malaysia Development Berhad (1MDB) diberi mandat oleh kerajaan Malaysia untuk menerajui inisiatif-inisiatif pembangunan strategik ekonomi jangka panjang yang mampan dengan izin, *sustainable* dan menggalakkan pengaliran masuk pelaburan asing FDI ke dalam negara.

Fungsi utama 1MDB merangkumi melabur dalam projek-projek yang boleh membantu memacu inisiatif strategik untuk pembangunan mampan jangka panjang dan menggalakkan aliran masuk pelaburan langsung asing *Foreign Direct Investment* dengan izin, dan menggunakan rangkaian antarabangsa dengan izin, *international networking* yang sedia ada bagi membawa masuk pelaburan langsung asing yang berpadanan untuk projek-projek negara.

Strategi 1MDB adalah untuk mengambil peluang ke atas pelaburan dan kepakaran antarabangsa, melabur dalam projek yang mempunyai nilai pengganda yang tinggi dengan izin, *value added*, berinovasi bagi memastikan pelaksanaan dan penyampaian dengan izin, *delivery* adalah pantas dan cekap dan melabur semula dalam projek-projek baru bagi menggalakkan pembangunan jangka panjang yang mampan. Projek-projek 1MDB kini berada di berada di beberapa peringkat:

- (a) *Kuala Lumpur International Financial District* (KLIFD) contohnya mempunyai visi untuk membangunkan Kuala Lumpur sebagai hab kewangan antarabangsa selaras dengan hasrat kerajaan untuk menjadikannya sebuah bandar raya global. Pada pengumuman Bajet 2012, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan insentif-insentif kursus untuk KLIFD, menggariskan komitmen kerajaan untuk memacu daerah ini sebagai pusat kewangan kreativiti dan inovasi. Kerja-kerja pembinaan bagi projek yang mempunyai jangka masa lebih kurang 15 tahun ini bermula tahun ini; dan
- (b) Bandar Malaysia. Projek pembangunan bersepadu memajukan semula tanah lapangan terbang Sungai Besi pula akan menjadi ikon kepada kelestarian kehidupan di Bandaraya Kuala Lumpur. Projek ini turut memperuntukkan sebahagian daripada keluasannya untuk membina projek perumahan mampu milik, *affordable home*, dengan izin, khusus kepada kumpulan eksekutif muda yang bekerja di kawasan bandar.

Pada masa ini 1MDB sedang memuktamadkan pemilihan pelan induk bandar Malaysia melalui pertandingan reka bentuk peringkat antarabangsa bagi mencari pilihan terbaik dan memanfaatkan kerjasama, kepakaran tempatan dan global. Sektor tenaga juga adalah salah satu sektor fokus 1MDB pembelian aset tenaga Tanjung Energy Holding baru-baru ini merupakan langkah pertama bagi 1MDB ke arah memenuhi aspirasi kerajaan untuk membina jaminan tenaga mampan dalam jangka panjang.

Sebagai syarikat hibrid milik kerajaan, 1MDB boleh memanfaatkan perkongsian awam swasta dinamik bagi mengukuhkan lagi bekalan tenaga dengan mewujudkan pasaran lebih kompetitif seperti yang disarankan dalam dasar tenaga baru. Dari aspek sosial, Yayasan 1MDB pula melaksanakan inisiatif-inisiatif yang menekankan kemajuan modal insan selari dengan nilai Gagasan 1Malaysia, Yayasan 1MDB menjadikan pendidikan pembinaan kapasiti pembangunan kemahiran dan lain-lain usaha sebagai fokus bagi memperkayakan kehidupan rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Soalan tambahan saya, kita sedar matlamat kerajaan dalam mewujudkan 1MDB dalam memperkasakan kedudukan ekonomi negara. Secara keseluruhan, terutama dalam beberapa sektor sambil mengurangkan jurang perbezaan ekonomi kaum-kaum di negara yang kita cintai ini. Soalan adalah apakah tahap penyertaan kaum India dalam agenda pembangunan 1MDB dalam sektor-sektor tunjang ini. Adakah kerajaan mempunyai pelan rancangan menyediakan tenaga kerja mahir yang merangkumi semua kaum yang berminat untuk menyumbang tenaga dan kepakaran dalam menjayakan agenda 1MDB khasnya belia India. Terima kasih.

■1140

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat. Pertama, bagaimanakah penglibatan masyarakat India dalam agenda pembangunan 1MDB.

Pertama, dalam Program Dana Belia 1Malaysia. Dana Belia 1Malaysia di mana RM20 juta telah diperuntukkan sebagai dana untuk empat komponen. Komponen pertama adalah pembangunan kemasyarakatan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *adopt a village projects. Help dignity project and community makeover*. Di sini ada penglibatan masyarakat India.

Kedua, *environment* atau alam sekitar di mana masyarakat, NGO-NGO India atau pun masyarakat India, belia India boleh memohon melalui *website* yang ada 1MDB ini iaitu Dana 1Malaysia untuk memohon sumbangan kewangan daripada dana sebanyak RM20 juta untuk *green programs*. Seterusnya untuk budaya *art and sports*. Sukan. Ini juga ada peruntukan yang diberi melalui ini untuk orang belia ini.

Akhir sekali dari segi keusahawanan. Baru-baru ini telah juga diberi dana sebanyak RM15,000 bagi seorang pelajar untuk beberapa orang. Saya ingat 100 orang pelajar masyarakat India untuk mendapat bantuan untuk *A Foundation Program*. So inilah cara di mana itu satu selain daripada konteks yang lebih besar iaitu mikro di mana 1MDB yang melibatkan diri dalam 75 ekar IFD, 75 ekar di Jalan Imbi. Maka ini di peringkat perancangan. Pengambilan tanah telah siap. Reka bentuk bangunan projek raksasa itu tengah dibuat dan di situ ada banyak peluang untuk kontraktor-kontraktor, subkontraktor yang akan melibatkan diri. Maka saya memohon supaya pihak yang terlibat, masyarakat India melibatkan diri secara agresif dan aktif dalam penawaran tender-tender projek-projek ini. Saya pasti bahawa penglibatan masyarakat India dalam ini akan diambil kira.

Pembangunan Bandar Malaysia di Sungai Besi juga merupakan sesuatu yang begitu besar sekali dan tender juga akan diberi kerana proses perancangannya sedang dijalankan. Maka kita berdoa bahawa peluang yang sama juga akan diberi melaluinya. Saya rasa inilah dua projek besar di mana penglibatan masyarakat India boleh diambil kira dan boleh dilihat. Kita boleh buat perbincangan bagaimana boleh bantu seperti mana yang dibuat untuk Greater Kuala Lumpur.

Selain daripada itu kalau kita tengok Tanjung Energy Holdings, itu pembelian daripada syarikat lain yang pengambilalihan. Maka prosesnya sudah ada. Maka penglibatannya tidak tahulah kerana *free market*. Akhir sekali yang saya katakan, dua perkara lagi yang boleh dilibatkan oleh masyarakat India kerana 1MDB juga minat dalam pelancongan, *tourism* dan juga 1MDB minat dalam pertanian dan *renewable energy*. Ada tiga sektor lagi yang mereka belum lagi teroka. Kalau ada pihak-pihak yang berminat, tolong jumpa dengan CEOnya untuk berbincang bagaimana peluang boleh dibentuk. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Doris Sophia ak Brodi]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Satu lagi, ada soalan tambahan?... Silakan Yang Berhormat.

Tuan Chiew Lian Keng: Saya hendak tanya, baru-baru ini di mana restoran di Jalan Imbi, Imbi Palace telah dirobohkan. Premis tersebut di atas tanah 1MDB. Akan tetapi 1MDB kata ini bukan tindakan daripada 1MDB. Adakah ini betul atau tidak?

Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Yang Berhormat. Memang isu ini telah diuar-uarkan oleh pembangkang baru-baru ini dan saya pun terkilan kerana Yang Berhormat Bukit Bintang tahu mengenai isunya dan beliau bersama dalam sidang akhbar bersama *tenant*nya, Best Fishing Sdn. Bhd di situ. Maka saya rasa maklumat yang diberi cukup salah kerana Best Fishing Sdn. Bhd telah ambil *tenancy* dan dia *subtenant*, *subtenant*, *subtenant*nya dan bila berlaku rundingan semua itu, telah dipersetujui bahawa tanah itu perlu ambil alih. Akan tetapi isunya berlaku antara Best Fishing Sdn. Bhd. dengan *subtenant*nya. Pertelingkahan kerana *subtenant* yang tidak mahu keluar dan kerana isu pampasan dan sebagainya. Ini telah menyebabkan pergaduhan antara dua orang. Akan tetapi 1MDB pula dilibatkan dalam sini. Itu isunya. Bukan bersama 1MDB dengan *subtenant*nya.

So, Best Fishing Sdn. Bhd. dengan *sub tenant* kena selesaikan masalah. Tindakan mahkamah telah - keputusan diberi kepada 1MDB. 1MDB berjaya melalui tindakan mahkamah itu. Dia mesti *weaken position*. Akan tetapi dia tidak bagi. Dia bagi kecoh lagi. So baru-baru ini 1MDB dengan niat ikhlas panggil dua-dua orang untuk selesaikan masalah. Maka selesainya masalah. Akan tetapi inilah putar belit pembangkang ini. Ini yang saya tidak berapa puas hati. Kalau macam inilah mereka buat, kalau macam inilah maka rata-rata orang salah faham. 1MDB tidak berhati perut. Inilah jadinya. Tidak ada. Kesabaran kita begitu diuji dalam hal ini. Saya rasa kita, saya pada hari ini meminta supaya Yang Berhormat Bukit Bintang bertanggungjawab dalam hal selesaikan masalah-masalah ini kerana ini emosional. Isu emosional dan boleh memberi konsep yang salah. Terima kasih diucapkan kerana membawa soalan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Doris Sophia ak Brodi]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Maka setakat ini sahajalah sesi-sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan pada hari ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

JALAN-JALAN MASUK KE PARLIMEN

11.46 pg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu usul seperti berikut:

“Bahawa Majlis ini memerintahkan Ketua Polis Negara menjaga supaya selama Penggal Dewan Negara yang ada sekarang, jalan-jalan melalui lorong-lorong menuju ke Dewan ini hendaklah sentiasa terbuka dan boleh dilalui dan jangan ada apa-apa halangan menghalang Ahli-ahli hendak pergi dan balik dari Dewan ini, jangan berlaku apa-apa kacau-bilau di jalan-jalan menuju ke Dewan ini dan supaya jangan ada huru-hara di Bangunan Dewan ini dan berhampiran dengan bangunan ini, dan Setiausaha Dewan Negara hendaklah menyampaikan perintah ini kepada Ketua Polis Negara yang tersebut itu”.

Timbalan Menteri Pengangkutan II [Tuan Jelaing anak Mersat]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Puan Doris Sophia ak Brodi]: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah satu usul Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri yang telah dibacakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-banyak terima kasih, syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kelima, Parlimen Yang Kedua Belas.”

11.48 pg.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memulakan hujah-hujah saya, ingin saya daripada pihak rakan-rakan Ahli Dewan Negara menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga mendiang Datuk Subaiyyah a/l Palaniappan yang telah meninggalkan kita baru-baru ini. Kita semua merasa sedih ke atas kehilangan beliau dan segala sumbangan mendiang Datuk Subaiyyah terhadap Dewan yang mulia ini dan juga tanah air tidak akan kami lupakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menjunjung kasih atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan juga mengucapkan terima kasih di atas penghormatan yang diberikan kepada saya.

Tuan Yang di-Pertua, kita kini berada pada zaman maklumat. Teknologi siber menyebabkan kita *consume* banyak data setiap hari. Orang yang rajin membaca dapat lebih, dan orang yang kurang membaca dapat kurang. Maklumat yang kita dapat itu datang daripada banyak bentuk. Ada yang daripada bahan cetak misalnya buku, majalah, surat khabar, gambar dan sebagainya. Yang *on air* misalnya radio dan televisyen, yang siber misalnya *internet*.

■1150

Satu kajian yang dijalankan di USA pada tahun 2008 menunjukkan bahawa pada puratanya setiap rakyat Amerika menerima data sebanyak 34 megabait setiap hari. Itu pada tahun 2008 bagaimana sekarang dan macam mana dengan Malaysia? Pada saya apa yang membezakan orang berilmu pengetahuan ataupun kurang bukanlah kelayakan akademik ataupun profesional semata-mata. Orang yang berkelayakan PhD boleh menjadi ketinggalan zaman ataupun ketinggalan masa dari segi ilmu pengetahuan dalam lima tahun, sekiranya beliau asingkan diri beliau daripada semua punca maklumat terkini. Sebaliknya orang yang tidak punyai apa-apa *qualification* yang tinggi boleh menjadi orang yang banyak berilmu pengetahuan sekiranya beliau rajin belajar sepanjang hayat.

Saya selalu tegaskan kepada para ibu bapa dan guru bahawa menanam sikap belajar sepanjang hayat adalah jauh lebih penting daripada mengajar mereka banyak-banyak ilmu pengetahuan. Oleh kerana ilmu pengetahuan yang cikgu ajar sekarang akan menjadi ketinggalan masa satu hari kelak tetapi bukan sikap pelajar sepanjang hayat. Oleh kerana tidak ada cikgu yang akan tahu apa yang berguna kepada seseorang anak murid beliau dan mungkin sepuluh tahun ataupun 20 tahun yang akan datang. Oleh yang demikian saya amat berharap bahawa setiap warga Malaysia menghayati dan mengamalkan tabiat belajar sepanjang hayat. Saya juga berharap bahawa semua warga pendidikan memberi tumpuan yang sewajarnya terhadap sikap dan tabiat baik itu.

Kepentingan pendidikan yang berterusan tidak terhad kepada belia walaupun mereka yang masih bersekolah tetapi untuk mereka yang sudah bekerja juga. Antaranya adalah jentera awam yang berkhidmat untuk negara. Mengemas kini kadar gaji ahli perkhidmatan awam supaya berpatutan dengan kos hidup dan keperluan harian itu merupakan langkah yang baik. Untuk memastikan jentera awam dapat menjalankan tugas sebaik mungkin. Akan tetapi selain itu usaha juga perlu dibuka untuk ahli perkhidmatan awam untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan mereka. Meneruskan perkembangan persendirian akan menyumbang kepada usaha untuk sentiasa menambah baik jentera perkhidmatan awam.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan sekolah vokasional dan latihan teknik. Peningkatan sekolah vokasional dan latihan teknik juga merupakan satu langkah yang baik kerana variasi pendidikan ini membolehkan setiap insan negara ini mencari rezeki dan menyumbang kepada pembangunan negara. Doktor, peguam dan jurutera memainkan peranan penting dalam negara tetapi itu bukan bermakna jurutaip, pembina, mekanik dan pekilang tidak sepenting kerjaya ataupun tidak memerlukan kemahiran sendiri. Dengan memastikan aliran vokasional terbuka belia yang mungkin tidak begitu cenderung kepada urusan akademik boleh juga mempunyai laluan untuk membina kehidupan yang selesa dan memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyediakan kemudahan dan infrastruktur siber untuk memudahkan orang ramai terutamanya golongan muda untuk menyebarkan dan mendapatkan maklumat daripada pelbagai sumber. Akan tetapi kerajaan tidak dapat mengawal ketepatan maklumat khususnya dari sumber siber. Akan tetapi pihak yang menyalahgunakan kemudahan itu untuk sebar maklumat yang tidak tepat bahkan yang memfitnah di media siber tanpa mendedahkan identiti dan sumber. Contohnya saya boleh menyatakan orang kenamaan yang tertentu mempunyai simpanan tetap beribu juta di Swiss Bank. Saya boleh senaraikan setiap simpanan tetap itu, nombor akaun, nombor resit, tarikhnya, jumlah simpanan dan lain-lain.

Ramai akan percaya tidak ramai akan bertanya adakah maklumat itu dari yang sumber yang boleh dipercayai. Bagaimana orang itu mendapat maklumat yang sepatutnya sulit itu? Adakah maklumat itu khayalan dan ciptaan orang-orang yang berniat jahat? Apabila penuntut universiti membuat tesis mereka dikehendaki menyenaraikan sumber maklumat begitu juga apabila penuntut sekolah menengah membuat projek kajian. Kenapa pula rakyat kita pilih untuk percaya khabar-khabar angin ataupun fitnah? Saya bukan berkata kerajaan ataupun orang kenamaan tidak mungkin bersalah ataupun tidak boleh dikritik. Bahkan saya percaya *check and balance* adalah sebahagian penting sistem demokrasi. Akan tetapi saya tidak boleh terima maklumat yang tidak berasas dari sumber yang boleh diragui dan fitnah tanpa bukti.

Kita pentingkan pendidikan moral dan agama di semua peringkat pendidikan. Pada saya menyebarkan maklumat yang tidak tepat ataupun fitnah adalah perbuatan yang amat tidak bermoral dan bertentangan dengan semua ajaran agama di negara kita. Malang sekali terdapat orang-orang politik tertentu yang memang suka menyebarkan maklumat-maklumat yang tidak berasas. Nilai moral yang menyeleweng contohnya ajar generasi muda tidak payah berterima kasih ataupun bersyukur dan juga menyalahgunakan dan mengeksploitasikan media siber. Kalau kerajaan mengambil tindakan untuk menghalang kerajaan akan dikatakan tidak demokratik. Saya ingin bertanya adakah sebarang maklumat-maklumat yang tidak tepat dan ajaran nilai moral yang menyeleweng sebahagian sistem demokrasi kita?

Tuan Yang di-Pertua, pemimpin-pemimpin yang berwawasan telah banyak kali menegaskan bahawa sistem pendidikan berbilang aliran dan bahasa pengantar yang diamalkan sekarang adalah kekuatan dan bukan satu kelemahan negara kita. Di bawah pemerintahan Barisan Nasional, Malaysia merupakan negara yang mempunyai struktur pendidikan dan bahasa Cina yang paling lengkap dan sempurna di luar negara China dan Taiwan. Saya banyak kali menegaskan di dewan mulia ini bahawa sekiranya sistem tersebut mendatangkan kesan buruk terhadap perpaduan rakyat dan negara, negara kita sudah lama hancur awal-awal lagi. Apa yang penting ialah Bahasa Malaysia diwajibkan di semua aliran sekolah dan 85 peratus murid sekolah Cina dan hampir semua murid daripada sekolah Tamil akan masuk ke sekolah kebangsaan untuk lanjutkan pelajaran mereka.

Sekolah menengah kebangsaan malangnya selepas negara merdeka lebih 50 tahun masih ada pihak-pihak tertentu yang meragui kesan sistem pendidikan berbilang aliran tersebut terhadap perpaduan rakyat dan negara. Termasuklah seorang pemimpin Pakatan Rakyat yang menghalang penambahan sekolah Cina dan sekolah Tamil semasa beliau menjadi Menteri Pelajaran. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sekali lagi menyeru rakyat Malaysia agar menguasai lebih banyak bahasa. Ini kerana penguasaan bahasa adalah alat dan saluran yang berkesan untuk memperoleh ilmu pengetahuan.

Saya ucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor yang bersikap adil terhadap semua aliran sekolah termasuk sekolah rendah Cina. Johor merupakan negeri yang paling banyak sekolah rendah Cina yang berpindah untuk mengelakkan nasib gulung tikar.

■1200

Ada pihak yang mempertikaikan kenapa perlu pindah sekolah. Mereka tanya kenapa tidak biarkan sekolah-sekolah yang kurang murid ditutup tetapi membina sekolah baru di kawasan yang memerlukan penambahan sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, pada saya, kalau saya diberikan hanya dua pilihan sama ada hendak bina sekolah baru ataupun pindahkan sekolah, saya masih akan pilih untuk pindahkan sekolah. Oleh kerana setiap sekolah walaupun besar atau kecil, ada sejarahnya panjang dan ada sekolah yang sudah bersejarah lebih lama daripada negara Malaysia sendiri. Kalau sekolah itu dibiarkan tutup, maka segala sejarah sekolah itu akan hilang. Orang akan lupa siapa pengasas sekolah itu dan sebagainya. Apabila sekolah itu dipindahkan daripada tempat yang terpencil ataupun kampung ataupun tempat yang kurang murid kepada bandar raya, jadi bukan sahaja nama sekolah akan dilanjutkan bahkan sejarah sekolah akan berpanjangan.

Ada juga pihak-pihak yang menyatakan bilangan sekolah rendah Cina tidak bertambah walaupun bilangan murid sudah banyak bertambah. Orang yang membuat pertanyaan seperti itu tidak faham bahawa yang pentingnya bukanlah berapa buah sekolah tetapi berapa kelas. Kalau sebuah sekolah di satu estet yang hanya tinggal satu kelas dan sepuluh orang murid, apabila dipindahkan ke bandar, ia mungkin satu hari mempunyai lima ratus, seribu ataupun lebih. Misalnya di Johor Bahru banyak sekolah, saya berikan contoh, ada sekolah yang berpindah daripada estet ke Johor Bahru daripada dua orang murid, sekarang menjadi dua ribu lebih. Jadi ini merupakan satu penambahan – yang penting bukan bilangan sekolah tetapi bilangan kelas dan bilangan murid yang sekolah itu boleh menampung.

Kerajaan Negeri Johor yang dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Johor memang menyalurkan peruntukan kepada sekolah-sekolah rendah Cina dan menengah persendirian setiap tahun buat lebih sepuluh tahun ke belakang ini. Ini yang ramai orang tidak tahu. Ada pihak yang kata mereka sahaja yang memberikan peruntukan kepada sekolah-sekolah Cina.

Tuan Yang di-Pertua, antara perkara yang kini hangat dibahaskan adalah keperluan untuk skim pinjaman PTPTN. Skim itu memang telah banyak membantu belia yang mungkin tidak mempunyai sumber kewangan yang mencukupi untuk membayar pendidikan mereka. Dengan bantuan skim itu, mereka dapat mencapai tahap pendidikan yang lebih tinggi daripada yang dijangkakan.

Walau bagaimanapun, sebuah ijazah tidak menjamin kerjaya yang cemerlang. Antara masalah yang dihadapi sekarang adalah institusi pengajian tinggi swasta yang menawarkan pendidikan yang tidak berkualiti ataupun tidak memenuhi peranan mereka sebagai institusi pendidikan. Oleh itu, syarat pelesenan juga perlu diketatkan untuk memastikan bahawa setiap institut yang wujud mengambil berat peranan mereka. Dengan langkah ini, rakyat dan majikan sekalian akan lebih mempercayai jenama pendidikan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, pada tahun lepas, Kerajaan Persekutuan menawarkan empat ribu biasiswa JPA kepada pelajar-pelajar cemerlang. Di antara empat ribu biasiswa itu, kaum Cina dapat 1,600 iaitu 40 peratus. Manakala pada tahun yang sama, Kerajaan Negeri Johor juga menawarkan 235 biasiswa dan penerima daripada kaum Cina ada dua orang sahaja, tidak sampai 1 peratus. Tahniah kepada Kerajaan Pakatan Rakyat yang telah berjanji bulan dan bintang kepada masyarakat Cina tetapi cakap tidak serupa bikin.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan masalah kekurangan guru perlu diatasi segera. Tidak boleh dinafikan juga sekolah rendah Cina merupakan sekolah yang paling tenat dari segi kekurangan guru. Banyak sebab yang menyebabkan kekurangan guru termasuklah *mismatch* dari segi bahasa pengantar.

Saya pernah menjawat jawatan penyelia kanan sekolah Cina di negeri Johor dan saya amat faham tentang masalah ini. Pada masa itu, pada hujung setiap tahun kita akan buat kajian, kita akan kira. Misalnya sekolah Cina perlukan berapa orang guru bahasa, guru Matematik, guru Sains dan sebagainya. Begitu juga dengan sekolah kebangsaan dan sekolah Tamil. Akan tetapi angka itu akan dicampuradukkan dan diberikan ke Bahagian Latihan Guru.

Jadi apabila Bahagian Latihan Guru dapat angka itu, mereka cuma tahu berapa orang guru Sains, berapa orang guru Matematik dan sebagainya yang diperlukan. Mereka tidak tahu sebenarnya di antara ini berapa orang yang diperlukan oleh sekolah Cina, sekolah Tamil dan sekolah kebangsaan. Jadi apa yang berlaku ialah apabila mereka ambil calon masuk ke latihan perguruan, mungkin lebih ramai guru Melayu yang apabila mereka lepas daripada maktab perguruan, mereka tidak boleh ajar di sekolah Cina ataupun sekolah Tamil. Jadi ini akan menyebabkan akhirnya sekolah Cina ataupun sekolah Tamil makin kekurangan guru sambil sekolah kebangsaan mungkin mengalami kelebihan guru. Kadang-kadang untuk mengatasi ini, Kementerian Pendidikan akan tambah jawatan dan apabila jawatan ditambah untuk menyelesaikan lebihan guru di aliran sekolah yang tertentu, sekolah aliran yang lain akan menghadapi keadaan yang lagi tenat, lagi teruk dari segi kekurangan guru.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian, memandangkan bahawa harapan negara bergantung pada generasi muda dan masa depan generasi muda bergantung pada para pendidik, orang Cina sebenarnya menggelar guru sebagai jurutera jiwa manusia oleh kerana mereka yang akan membentuk jiwa manusia. Maka kesimpulannya ialah masa depan negara banyak bergantung pada kualiti para pendidik. Maka saya syorkan bahawa di bawah apa jua keadaan, kita mesti pastikan kualiti guru negara kita tidak dikompromikan. Pada saya, biarlah kekurangan bilangan guru, jangan sesekali kekurangan kualiti guru tetapi kualiti guru yang saya maksudkan bukanlah dari segi pencapaian akademik semata-mata. Orang yang mendapat 11A+ tidak semestinya menjadi guru yang baik dan orang yang dapat mungkin 5A+ tidak semestinya menjadi guru yang kurang baik daripada orang yang dapat 11A+.

Maka saya syorkan bahawa, kualiti yang diperlukan bagi seseorang guru ataupun pendidik yang baik antaranya termasuklah dedikasi, inovasi, kesabaran serta sikap dan perangai yang boleh diteladani oleh anak-anak murid mereka. Sekiranya kita perlu bergantung pada guru sementara, jangan kita penuhkan jawatan guru terlatih yang tidak berdedikasi. Guru sementara yang tidak baik boleh diberhentikan ataupun digantikan pada bila-bila masa tetapi sekiranya kita melatih seorang guru terlatih yang tidak berkaliber ataupun tidak sabar, tidak berdedikasi, dia boleh merosakkan beribu-ribu anak murid sepanjang hayat perkhidmatan beliau.

Tuan Yang di-Pertua, saya setuju bahawa mata-mata pelajaran yang menggunakan bahasa Cina sebagai bahasa pengantar harus diajar oleh guru-guru yang berkelayakan bahasa Cina sahaja. Akan tetapi saya kurang setuju bahawa semua guru Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris di dalam sekolah Cina juga perlu berkelayakan bahasa Cina.

■1210

Tiga faktor utama kejayaan belajar sesuatu bahasa ialah banyak mendengar, banyak bertutur dan banyak menulis. Jadi, apabila kita gunakan guru yang berkelayakan bahasa Cina, mungkin orang itu berharap bahawa bahasa mengajar cikgu akan gunakan cara *translation*, cara penterjemahan. Pada saya ini bukanlah satu kaedah mengajar yang baik kerana ini akan mengurangkan peluang untuk murid mendengar bahasa yang mereka belajar. Misalnya kalau cikgu gunakan bahasa Cina untuk *translate* dan ajar bahasa Inggeris, jadi mungkin di dalam satu waktu selama 40 minit, 10 minit cikgu akan gunakan bahasa Mandarin dan cuma 30 minit sahaja untuk bahasa Inggeris. Selepas waktu sekolah murid langsung tidak ada peluang untuk mendengar bahasa Inggeris. Pada saya ini bukan satu kaedah yang baik. Kita harus berikan murid lebih banyak untuk mendengar bahasa yang mereka hendak belajar. Jadi, saya berharap dari segi ini kita haruslah bersikap profesional.

Tuan Yang di-Pertua, prestasi SPM dan STPM dalam beberapa tahun kebelakangan ini seolah-olah mencerminkan peningkatan prestasi yang sangat ketara. Sekarang setiap tahun kita ada begitu ramai calon SPM dan STPM yang mendapat 11A, 5A dan sebagainya. Akan tetapi adakah ini membuktikan bahawa wawasan kita menjadikan pendidikan di negara kita bertaraf dunia sudah menjadi hakikat? Apakah sebab-sebabnya calon-calon yang berprestasi tinggi itu tidak menjadi rebutan universiti-universiti yang terkenal di peringkat dunia? Bahkan saya baru-baru ini difahamkan bahawa sudah dua tahun kita tidak ada pelajar daripada Malaysia yang masuk ke satu universiti yang terkenal. Kita harus berhati-hati. Jangan lahirkan golongan yang berkepala besar, yang fikir mereka tiada perbandingan, yang fikir seluruh dunia mesti hormat mereka dan berilah kepada mereka segala-gala yang mereka tuntutan.

Saya sebenarnya dapati daripada pemerhatian saya sekarang kita sudah mula melahirkan generasi muda seperti itu yang saya tidak tahu mereka itu betul-betul layak untuk 11A ataupun tidak. Akan tetapi mereka sudah fikir bahawa negara hutangkan mereka, negara mesti memberikan mereka biasiswa dan berikan semua kepada mereka. Kadang-kadang calon seperti itu dia masuk ke profesion yang tertentu dan apabila dia menjadi doktor dan sebagainya, dia tidak semestinya menjadi seorang doktor yang baik. Ada yang kurang bersimpati dengan pesakit dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa sekarang sistem latihan guru diuruskan oleh dua kementerian. Kementerian Pelajaran – mereka melatih guru yang belum mempunyai ijazah dan guru lepasan ijazah, mereka dilatih oleh Kementerian Pengajian Tinggi. Jadi, ini kadang-kadang mendatangkan masalah yang tertentu, misalannya kurang koordinasi di antara dua kementerian. Jadi kita sekarang dapati bahawa ada keadaan kekurangan guru di sekolah tetapi sambil itu juga ada cikgu pelatih yang belum mendapat jawapan dan masih menganggur. Jadi, saya merayu kepada kerajaan bahawa sebolehnya kita gabungkan latihan dan penempatan guru ini di sebuah kementerian iaitu Kementerian Pelajaran sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Barisan Nasional memang banyak menyumbang, banyak berkhidmat kepada rakyat. Kita sudah banyak membuat perkara yang menguntungkan rakyat. Akan tetapi kadang-kadang banyak kerja dan sumbangan kita itu akan dirosakkan oleh seorang dua kakitangan kerajaan yang tidak peka terhadap sensitiviti kaum, agama dan budaya berbilang kaum. Perbuatan salah oleh seorang dua kakitangan kerajaan itu boleh menghapuskan banyak usaha dan kesan-kesan positif yang dicurahkan oleh ahli-ahli politik daripada Barisan Nasional. Bab 'D', Perintah Am harus dikaji semula untuk memasukkan *clause* yang menghalang kakitangan kerajaan dari perbuatan ataupun cakapan yang menyebabkan ketegangan perhubungan antara kaum ataupun agama. Misalnya baru-baru ini seminar agama yang dianjurkan oleh Jabatan Pelajaran dan Jabatan Agama Negeri Johor mendatangkan banyak masalah kepada Barisan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan transformasi. Kerajaan Barisan Nasional sudah melaksanakan banyak program transformasi nasional termasuklah Program Transformasi Kerajaan, Transformasi Ekonomi, Transformasi Politik dan Transformasi Luar Bandar. Kegigihan kerajaan dan kesungguhan pegawai-pegawai kerajaan, kerjasama rakyat jelata diperlukan untuk merealisasikan program-program transformasi tersebut. Kalau tanpa pelaksanaan yang berkesan, kita tidak akan nampak kesan transformasi khususnya rakyat tidak akan terasa.

Tuan Yang di-Pertua, tiada manusia yang sempurna tetapi pada saya Najib adalah lebih sempurna daripada Anwar. Tiada parti yang sempurna tetapi struktur dan mekanisme Barisan Nasional adalah lebih berkesan daripada Pakatan Rakyat. Walaupun Pakatan Rakyat sentiasa menegaskan sistem politik dwi parti seperti di negara-negara maju yang tertentu tetapi di negara-negara tersebut parti pembangkang ada *shadow Cabinet* nya. Walau bagaimanapun, Pakatan Rakyat, sehingga ke hari ini rakyat masih tidak tahu siapa yang akan menjadi Perdana Menteri sekiranya mereka berjaya masuk ke Putrajaya. Para pengundi berhak untuk tahu siapa yang akan menjadi Perdana Menteri sekiranya parti pembangkang menjadi kerajaan. Bukan itu sahaja bahkan Pakatan Rakyat tidak berani memberitahu rakyat siapakah yang akan menjadi Perdana Menteri kerana di antara parti-parti komponen mereka tidak ada satu persetujuan.

Ini bermakna keadaan mungkin kecoh apabila PAS, PKR dan DAP masing-masing merebut kuasa. Ini adalah bahaya kepada negara. Di samping itu, Pakatan Rakyat juga sehingga hari ini tiada rancangan program yang jelas menyatakan cara-cara mereka akan mentadbirkan negara kita. Walaupun mereka kata mereka ada buku jingga tetapi kandungan buku jingga itu berbeza daripada apa yang parti-parti komponen mereka janjikan kepada para pengundi. Misalnya ada parti-parti di dalam Pakatan Rakyat yang menyatakan bahawa hak keistimewaan bumiputera harus di hapuskan tetapi di dalam buku jingga mereka tidak sebut.

Begitu juga dengan berkenaan dengan pendidikan bahasa Cina langsung tidak disebut. Bahkan ada juga parti komponen Pakatan Rakyat yang menyatakan bahawa buku jingga itu bukan Quran dan tidak perlu dilaksanakan sepenuhnya. Jadi kalau begitu apa gunanya buku jingga itu? Mereka mempunyai ideologi masing-masing. PAS ingin hendak tubuhkan negara Islam mengikut cara PAS sendiri.

■1220

Pakatan Rakyat hendak Anwar Ibrahim menjadi Perdana Menteri untuk menyelamatkan beliau sendiri manakala DAP berangan-angan pemimpinnya akan menjadi Timbalan Perdana Menteri. Dalam beberapa tahun ini, Malaysia telah berjaya mengekalkan kadar pertumbuhan yang agak baik walaupun keadaan ekonomi antarabangsa adalah tidak menentu.

Pada masa yang sama, keadaan politik di Malaysia boleh dikatakan lebih stabil berbanding dengan keadaan yang dilalui di Timur Tengah. Kejayaan Malaysia dalam dua aspek ini dicapai dengan usaha kerajaan dan warganegara Malaysia bersama-sama. Setiap warganegara sesebuah negara ingin melihat negara tersebut mencapai kecemerlangan khususnya pada peringkat antarabangsa. Saya mendukung saranan Tuanku yang bertema transformasi yang juga menjadi sasaran dan matlamat kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam beberapa tahun ini kerajaan telah mengambil beberapa langkah untuk mengukuhkan demokrasi dan meningkatkan peluang orang ramai untuk menyertai proses demokrasi ini. Sebagai contoh, Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak telah melaksanakan perubahan kepada undang-undang yang dianggap telah menindas kebebasan rakyat. Langkah-langkah ini meningkatkan saluran untuk rakyat mengambil bahagian dan proses demokrasi. Kebebasan ini diimbangkan dengan kepentingan menjaga keamanan dan kemakmuran negara. Boleh dikatakan selama ini, negara ini telah berjaya menjaga keadaan yang harmoni. Oleh itu kita perlu berusaha untuk memastikan bahawa keadaan ini berterusan. Setiap warganegara Malaysia mempunyai peranan tersendiri dalam membina dan meningkatkan status negara ini. Matlamat program transformasi adalah supaya negara kita dapat mencapai status negara berpendapatan tinggi dan membolehkan setiap warganegara menikmati rahmat dan kekayaan yang dikurniakan kepada negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, transformasi ini bukan sahaja usaha kerajaan melalui program-program seperti GTP dan ETP tetapi usaha perubahan insan dan seluruh masyarakat Malaysia. Masyarakat dan warganegara adalah antara harta kekayaan sesebuah negara dan usaha kerajaan untuk memajukan keadaan mereka adalah satu usaha yang patut dipuji.

Oleh itu tumpuan kerajaan kepada pendidikan adalah penting dan berpatutan. Dari segi tadika hingga ke tahap pengajian tinggi, kita patut berusaha untuk memastikan bahawa pendidikan yang diterima oleh anak-anak kita adalah yang terbaik mungkin. Pendidikan yang berkualiti tinggi akan membawa faedah yang tidak terperi kepada belia dan perjalanan kerjaya mereka...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Celah, boleh mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh mencelah Yang Berhormat?

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ini soalnya kerana Yang Berhormat telah menyebut tentang kepentingan pelajaran dalam pembangunan negara. Saya melihat Tuan Yang di-Pertua, pelajaran ini haruslah dilihat daripada tiga segi:

- (i) pembinaan watak pelajar,
- (ii) pembinaan tenaga sumber manusia, *human resource development*, dan
- (iii) pembinaan negara bangsa.

Barangkali dari segi pembinaan sumber manusia, bolehlah kita katakan kita berjaya tetapi bagaimana pada pandangan Yang Berhormat daripada segi pembinaan watak dengan berleluasanya mat rempit, dengan berleluasanya penjenayah-penjenayah muda tetapi itu barangkali tidak teruk sangat. Lebih teruk saya rasa ialah fungsi pelajaran dan pendidikan dalam pembinaan negara bangsa dengan kurangnya berjaya kita, kalau tidak hendak sebut gagal dalam memasyarakatkan Bahasa Kebangsaan di kalangan orang-orang muda, dengan wujudnya sistem pendidikan pelbagai bahasa di negeri ini sehingga usaha-usaha untuk pembinaan negara bangsa itu nampak amat tidak berjaya setakat ini.

Kita berjaya barangkali dari segi pembangunan sosioekonomi tetapi dari segi pembinaan negara bangsa, sistem pendidikan kita memerlukan *revamp* atau ubah suai yang radikal. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Tunggu dahulu Yang Berhormat, saya ada pengumuman. Ahli-ahli Yang Berhormat, turut hadir bersama di Dewan yang mulia ini pada tengah hari ini ialah rombongan dari *Kwara State House of Assembly of Nigeria* yang diketuai oleh Honorable Professor Muhammad Ghana Isa, Timbalan Speaker Dewan. Dewan Negara mengalu-alukan kehadiran mereka, terima kasih. Okey, teruskan Yang Berhormat... [*Tepuk*]

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada Yang Berhormat Profesor. Itu berkenaan dengan pembentukan watak, sebenarnya banyak faktor. Oleh kerana pendidikan, ada pendidikan formal dan informal. Mungkin dari segi pendidikan formal, kita sudah curahkan banyak usaha dan ada kejayaan yang tertentu tetapi mungkin dari segi pendidikan tidak formal, khususnya pendidikan keluarga. Kita dapati bahawa sekolah tidak sama dengan kilang. Kilang apabila ia beli bahan mentah, ia dapat daripada satu sumber yang ia puas hati dengan mutunya tetapi sekolah kena terima anak murid dari pelbagai keluarga. Setiap individu adalah berbeza. Tidak ada dua orang murid yang sama walaupun mungkin daripada keluarga yang sama, daripada latar belakang yang sama.

Ini merupakan satu cabaran besar kepada cikgu. Saya sendiri sebagai seorang cikgu, saya tahu. Murid memang berbeza. Saya berikan contoh, misalnya ada dua orang murid yang mungkin dari segi markah, mereka boleh masuk ke kelas 'A' atau kelas 'B'. Kalau dia masuk ke kelas 'A', dia di belakang kelas 'A'. Kalau dia masuk ke kelas B, dia di depan kelas 'B'.

Jadi, mungkin dua orang murid ini walaupun lebih kurang serupa tetapi perangai mereka berbeza. Murid 'A' apabila saya masukkan dia ke kelas 'A', dia rasa bangga dia di kelas 'A'. Dia akan rajin, dia akan cuba dan dia akan lebih berjaya. Akan tetapi mungkin murid 'B', saya masukkan juga dia ke kelas 'A' walaupun prestasinya lebih kurang serupa, di situ dia rasa dia di belakang. Dia rasa hampa dan dia tidak akan cuba. Mana mungkin saya masukkan murid itu ke kelas 'B', dia rasa dia ada peluang untuk dapat tempat pertama, dia akan rajin, dia akan bersungguh-sungguh.

Ini cuma satu contoh sahaja. Ini yang saya katakan sebenarnya usaha cikgu dan pendidik perlu juga sokongan daripada ibu bapa. Kadang-kadang ibu bapa yang tidak faham pendidikan. Banyak kali saya pergi ke sekolah untuk rasmikan Mesyuarat Agung PIBG. Saya selalu berikan nasihat kepada ibu bapa, saya kata, sepatutnya ibu bapa dan cikgu hendaklah berdiri di tempat yang sama, memainkan peranan yang serupa. Jangan ibu bapa anggap cikgu sebagai musuh. Sepatutnya ibu bapa kena anggap cikgu itu sebagai ibu bapa anak itu, murid juga anak mereka semasa mereka di sekolah.

Saya selalu nasihatkan kepada cikgu juga, saya kata, jangan hanya apabila ada masalah yang apabila murid melakukan kesalahan, barulah kita jemput ibu bapa ke sekolah.

Jadi, apabila ibu bapa terima telefon, dapat surat sahaja, mereka sudah takut, sudah ada *mental block*, kenapa saya kena pergi ke sekolah, apa kesalahan yang anak buat dan dia belum pun sampai ke sekolah, belum masuk pintu sekolah, dia sudah berfikir apa alasan saya hendak berikan. Macam mana saya hendak menentang cikgu.

■1230

Maka saya selalu nasihatkan bahawa sebagai seorang pendidik kita harus mempunyai hubungan yang baik dengan ibu bapa walaupun misalnya saya berikan contoh. Saya pernah menjadi guru besar dan ada seorang murid yang sangat nakal. Kenakalannya itu boleh dikatakan *beyond imagination, beyond imagination*. Jadi murid itu apabila dia dipindahkan ke sekolah saya di kampung Yang Berhormat Gan Ping Sieu, Kluang semasa saya mengajar di Chung Hwa 2. Ada seorang murid dia mohon pindah ke sekolah saya. Saya tengok alamatnya dia tidak perlu pindah. Dia lebih dekat dengan sekolah asalnya. Jadi kenapa dia pindah? Emaknya berbohong tetapi nasib baik bapanya berterus-terang. Dia kata, "anak saya banyak sekolah di sekolah asal itu sampai sekolah tidak boleh terima dia. Saya kata, "Saya boleh terima" dengan syarat bahawa ibu bapa terima saya sebagai bapa di sekolah dan saya boleh buat apa jua demi mendidik anak itu, demi mengubah sikap anak itu dan bapanya setuju. Budak itu baru masuk sekolah dua hari sahaja dia sudah mula pukul kawannya. Dua hari tahu di sekolah baru.

Saya panggil dia duduk dan saya rotan dia. Kemudian dia nangis. Saya tanya, "Kenapa menangis". Dia kata, "Sakit". Saya kata, "You sakit kerana you buat salah tetapi kawan yang tidak bersalah pun sakit juga". Bukan sahaja hukuman yang saya berikan. Bahkan saya suruh *monitor* ketua kelas berikan perhatian kepada murid itu. Saya kata kalau dia buat yang baik dan yang tidak baik beritahu saya. Jadi selepas satu minggu saya dapati dia tidak ponteng, *homework* dia serahkan tiap-tiap hari. Satu hari saya panggil dia ke *office* saya. Saya buat satu surat kepada ibu bapa, sampulnya saya dengan sengaja tidak *seal* supaya dia boleh baca. Saya panggil dia ke *office* saya, saya serahkan surat itu dan kata, "Berikan kepada ayah anda". Budak itu memang takut oleh kerana selama itu setiap kali kalau cikgu panggil atau guru besar panggil mesti ada hal yang hendak mengadu kepada ibu bapa. Dia keluar daripada *office* sahaja, dia sudah cuba baca surat saya. Di luar jangkaan dia, saya sebenarnya puji dia kata dia sudah seminggu menjadi budak yang baik.

Ahli Yang Berhormat, cuba bayangkan budak itu selama itu tidak pernah dipuji oleh siapa-siapa dan khususnya datang daripada seorang guru besar yang begitu garang. Jadi dia memang tidak tahu macam mana. Kenapa saya dapat pujian dan selepas itu dia tidak berani jahat lagi, tidak berani ponteng sekolah. *Homework* nya walaupun dia tidak boleh buat dengan baik, mungkin dia salin daripada kawan tetapi dia hantar *homework* nya tiap-tiap hari. Jadi dari segi itu sebenarnya keluarga adalah sama penting dengan sekolah bahkan saya selalu tegaskan bahawa keluarga adalah lebih penting kerana enam tahun yang pertama itu anak-anak kita mendapat pendidikan daripada keluarga dan selepas enam tahun mungkin dia sudah ada perangai yang tertentu. Sehingga di satu keluarga saya tanya ibu bapa kalau awak ada dua, tiga orang anak tidak boleh jaga, macam mana hendak harap cikgu jaga 40 orang murid satu kelas dan seorang cikgu kena ajar berapa kelas.

Jadi pada saya, kalau sekiranya sekolah dan juga keluarga, ibu bapa bersama-sama bekerjasama untuk jaga anak murid kita akan lebih berjaya. Sebenarnya saya sangat sokong kepada..., saya selalu rasa bahawa generasi muda kita sebelum mereka berkahwin, mereka harus diberikan kursus. Akan tetapi saya tahu masa dahulu kerajaan pernah bercadang hendak mengadakan kursus tetapi ada juga tentangan daripada rakyat. Ini yang saya tidak faham. Saya kata, "*Cikgu hendak ajar anak you buat setahun ataupun enam tahun kena berkursus tiga hingga empat tahun tetapi you hendak jaga anak daripada kecil tidak payah berkursus*". Bukan semua ibu bapa tahu macam mana hendak mendidik anak mereka. Jadi saya sebenarnya rasa bahawa kita perlu wajihkan bahawa semua orang muda sebelum kahwin kena berkursus dari segi macam mana hendak jaga anak, dari segi kewangan keluarga, perhubungan suami isteri dan sebagainya.

Jadi berkenaan dengan sistem pendidikan profesor... [Merujuk kepada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah] Yang Berhormat sudah tahu jawapan saya.

Saya banyak kali sudah sebut bahawa seperti tadi saya pun sebut walaupun kita ada sekolah Cina, sekolah kebangsaan, sekolah Tamil bagaimana pun sukatan pelajaran kita adalah sama. Yang berbeza cuma budak Muslim dia belajar mata pelajaran agama, manakala budak Cina dan budak India ambil pendidikan moral. Itu sahaja dan selepas itu 85 peratus agama sekolah menengah SMK. Di situ mereka juga ada peluang untuk ini. Pada saya, Bahasa Malaysia juga memang diwajibkan di semua sekolah cuma kaedah mengajar bahasa Malaysia sama ada berkesan ataupun tidak berkesan. Itu yang penting. Kalau cikgu yang baik, cikgu yang mempunyai kaedah mengajar yang baik khususnya tadi saya sebut satu kualiti cikgu ialah inovasi. Inovasi dari segi kaedah mengajar. Oleh kerana saya kata bukan semua murid boleh terima kaedah yang sama. Seorang cikgu tidak boleh menggunakan kaedah yang sama untuk semua murid. Dia mesti mempelbagaikan kaedahnya mengikut keperluan dan mengikut perangai muridnya.

Jadi pada saya itu bukan masalah dan di Dewan ini ramai Ahli Yang Berhormat kaum Cina yang datang daripada sekolah Cina. Saya percaya termasuk Yang Berhormat Tuan Gan Ping Sieu juga, Yang Berhormat Datuk Dr. Wee Ka Siong, saya sendiri dan ramai lagi datang daripada sekolah Cina tapi kami tidak ada masalah untuk bergaul dengan Melayu, dengan India dan dengan sesiapa dan kami juga tidak ada masalah dari segi penggunaan bahasa Malaysia. Memanglah kalau kata lemah memang saya setuju apabila kita belajar lebih bahasa mungkin penguasaan tidak begitu baik. Walau bagaimanapun, dari segi penggunaan selagi kita boleh menyampaikan fikiran kita dengan berkesan dan bahasa Malaysia saya fikir cukup. Mungkin kalau Profesor hendak saya berpantun saya tidak pandai tetapi sekurang-kurangnya saya boleh sampaikan buah fikiran saya...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya mengakuilah saya kagum dengan penguasaan Bahasa Malaysia Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang. Itu saya tidak nafikan tetapi yang saya timbulkan sekarang ialah generasi muda terutama di kalangan orang Cina sekarang sangat sedih. Saya berkali-kali dipanggil, umur saya sudah 65 dekat 70 tahun saya dipanggil oleh seorang muda berumur 19 tahun, "engkau", "kamu", "awak". Jadi saya melihat ini sebagai satu kegagalan dalam pembelajaran dan pengajaran Bahasa Malaysia kepada generasi muda Cina sekarang. Jadi seakan-akan berlaku kemunduran kita dalam usaha pembentukan bahasa.

Saya dengan Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang boleh bergurau dengan bahasa berpantun dan kita tidak akan merasa tersinggung tetapi tidak berlaku pada sekarang. Itu yang saya takutkan. Tadi saya menyebut tentang..., saya kagum mengenai bagaimana *innovativeness* Yang Berhormat lakukan hingga seorang anak yang begitu nakal boleh menjadi baik. Satu pengubahsuaian atau *innovation* yang patut dipuji dan patut dicontohi oleh guru-guru dan ibu bapa yang lain. Saya rasa perkara yang amalan kemahiran Yang Berhormat mengubah perangai atau tingkah laku pelajar berkenaan patut di *transfer*, dipindahkan kepada guru-guru lain, sekolah lain, sistem lain. Itu daripada segi pembinaan watak. Dari segi ini memang saya puji, sekolah Cina dari segi menanamkan disiplin kepada pelajarannya banyak orang kata banyak dipuji.

■1240

Akan tetapi mengenai penguasaan bahasa itu saya rasa kita patut *on record* di Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, menyatakan bahawa pada masa ini penguasaan bahasa kebangsaan di kalangan generasi muda Cina sekarang banyak yang sangat menyedihkan. Malah di Dewan Rakyat sendiri, ada seorang *reporter complaint* kepada saya bagaimana ini dengan bahasa begini hendak menjadi wakil rakyat? Akan tetapi itu cerita lainlah, saya tidak mahu menyentuh mengenai perkara itu tetapi yang lebih saya tumpukan sekarang ialah usaha kita untuk memastikan penguasaan bahasa Malaysia yang baik, penguasaan bahasa kebangsaan yang baik di kalangan angkatan muda kita terutama di kalangan generasi muda para pelajar Cina.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey teruskan. Masih lama lagi ke Yang Berhormat?

Tuan Khoo Soo Seang: Tidak lama lagi, tinggal sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Berapa minit agak-agaknya?

Tuan Khoo Soo Seang: Saya boleh habis sebelum pukul 1 petang.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, sila teruskan.

Tuan Khoo Soo Seang: Okey, terima kasih kepada Yang Berhormat Profesor. Tadi di dalam hujahan saya tidak sebut bahawa ada pihak-pihak yang sekarang mereka kata di sekolah Cina mereka mahu semua cikgu yang faham bahasa Cina sahaja untuk mengajar, itu yang saya tidak setuju. Ini adalah kerana saya juga sama pandangan Yang Berhormat Profesor, saya tahu dan sedar tentang masalah ini. Oleh sebab ini adalah dari segi bahasa dan bahasa Cina tidak salah kalau kita panggil cikgu sebagai.., dan bahasa Cina ini, awak boleh guna atau siapa-siapa walaupun kepada ibu bapa masih boleh menggunakannya. Akan tetapi dalam bahasa Inggeris pun tidak ada masalah, bahasa Inggeris *also you can use the word 'you' they call teacher*, cuma dalam bahasa Malaysia berbeza. Ini yang berlaku semasa saya menjadi guru besar di sekolah Cina, saya buat kursus bagi murid-murid saya. Saya beritahu kepada mereka misalnya kalau hendak panggil cikgu mesti menggunakan perkataan cikgu dan sebagainya. Misalnya kalau hendak menerima sesuatu daripada cikgu berbangsa Melayu mesti menggunakan tangan kanan dan sebagainya.

Oleh sebab mungkin budak-budak Cina tidak sedar bukan kerana mereka biadab, mereka cuma tidak sedar dan saya juga menegaskan kepada cikgu-cikgu Melayu saya bahawa ini adalah tanggungjawab cikgu untuk mengajar murid-murid berbangsa Cina supaya mereka tahu. Cikgu jangan terima kalau budak Cina panggil cikgu awak, jangan terima. Beritahu kepada mereka dan tidak perlu menghukum mereka, sebaliknya beritahu dan jelaskan kepada mereka dengan baik dalam bahasa Malaysia jika hendak memanggil cikgu gunakan perkataan cikgu dan sebagainya. Ini yang patut diterangkan. Saya juga pernah memberitahu kepada guru Bahasa Malaysia saya, saya kata kalau anak murid tidak boleh menguasai Bahasa Malaysia tetapi cikgu itu selepas mengajar di sekolah selama tiga tahun, dia boleh bertutur dalam bahasa Mandarin. Pada saya, anak murid saya lebih berjaya daripada cikgu dari segi pelajaran dan mengajar bahasa. Murid-murid pula yang mengajar cikgu untuk bertutur dalam bahasa *Mandarin* dalam dua tahun, manakala dalam enam tahun cikgu Melayu takkan tidak boleh mengajar murid-murid berbangsa Cina bertutur dengan baik dalam bahasa Malaysia. Apa kekurangannya? Inilah yang saya selalu katakan kita mesti berinovatif dalam kaedah pengajaran. Kalau kita mendapati kaedah tertentu kurang berkesan kita kena fikirkan kaedah yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, impian untuk tanah air tercinta tidak terhad kepada mencapai taraf negara berpendapatan tinggi tetapi untuk mewujudkan masyarakat di mana tiada seorang pun yang ketinggalan. Kita berusaha bukan sahaja untuk mencapai keunggulan di pentas dunia, tetapi untuk menyumbang kepada perkembangan dunia yang kini masih hanya menjadi impian. Oleh yang demikian, perkembangan Malaysia ke arah teknologi hijau merupakan langkah yang tepat pada masanya. Teknologi hijau dianggap sebagai teknologi masa hadapan, langkah terbaik untuk mengatasi masalah kekurangan bahan api fosil dan perubahan iklim yang merisaukan. Sekiranya Malaysia mengamalkan, mengambil posisi untuk menjadi peneroka dalam bidang teknologi hijau, ia bukan sahaja membawa manfaat ekonomi tetapi perubahan lain yang akan meningkatkan taraf hidup di negara ini.

Tidak dapat dinafikan bahawa bidang teknologi hijau berpotensi membawa manfaat ekonomi kepada negara ini. Pembukaan bidang ini membuka peluang pekerjaan untuk penyelidikan, usahawan perniagaan, sektor perkilangan, sektor teknologi hijau berupaya membuka peluang baru kepada golongan daripada pelbagai bidang. Selain peningkatan teknologi, tumpuan untuk teknologi hijau akan meningkatkan kesedaran tentang isu-isu alam sekitar. Malaysia telah dikurniakan dengan ekologi yang kaya dengan pelbagai jenis spesies dan hanya boleh didapati di beberapa tempat khas di dunia ini. Kita patut berusaha untuk memastikan bahawa kekayaan alam sekitar ini dilindungi dan dikaji. Hutan penyelidikan bukan sahaja menjadi sumber kajian untuk universiti khususnya yang terletak di Sabah dan Sarawak, tetapi juga menjadi salah sebuah tarikan pelancong. Pelancongan adalah antara sektor yang paling penting untuk ekonomi negara itu dan patut dipupuk.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kita lakukan sekarang merupakan langkah-langkah ke arah masa hadapan yang diingini. Kita mesti ingat bahawa kejayaan transformasi melibatkan setiap warganegara Malaysia. Kerajaan mesti meningkatkan usaha untuk memupuk kepercayaan rakyat dan melibatkan mereka dan projek pembinaan negara ini. Hanya dengan perpaduan dan stabiliti, barulah boleh sesebuah negara itu berjaya bagi mencapai agenda pembangunannya. Maka dengan kata-kata tersebut, saya ingin mohon mencadangkan usul Menjunjung Kasih Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa perasmian Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Parlimen Kedua Belas ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang. Seterusnya diminta Yang Berhormat Tuan Boon Som a/l Inong menyokong dan berucap. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Boon Som a/l Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Tunggu dahulu Yang Berhormat, sebelum itu saya meminta mana-mana Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin berucap membahaskan Titah Ucapan Diraja pada hari ini, sila hantarkan nama-nama Yang Berhormat kepada saya sekarang supaya senang kita menguruskan masa kita pada hari ini. Terima kasih. Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Boon Som a/l Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih

Tuan Boon Som a/l Inong: Buat hari pertama menjalankan tugas sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara. Semoga Dewan ini lebih ceria, lebih cantik dan lebih berseri.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Tuan Boon Som a/l Inong: Terima kasih. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan jutaan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat kerana memberikan peluang kepada saya untuk menyokong usul Menjunjung Kasih Titah Diraja pada Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Parlimen Kedua Belas pada 12 Mac 2012 yang lalu. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mempersembahkan setinggi-tinggi junjungan kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Badlishah dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Aminah di atas pertabalan baginda berdua Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong yang Ke-14. Saya serta seluruh rakyat Negeri Kedah turut merasa bangga di atas pelantikan dan pertabalan Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong buat kali yang kedua.

■1250

Ini mencatatkan sejarah negara dan institusi yang menjadi lambang kedaulatan negara Malaysia serta sistem Raja Berperlembagaan dan amalan Demokrasi Berparlimen di negara ini. Pelantikan ini juga bersejarah kerana ketika kali pertama Tuanku ditabalkan sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Perdana Menteri Malaysia ketika itu ialah Tun Abdul Razak. Kini, ketika Tuanku ditabalkan buat kali yang kedua, anaknya pula menjadi Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu pencapaian kepada Tuanku, rakyat dan negeri Kedah sepatutnya membangun sejajar dengan pencapaian Tuanku itu. Hasrat itu hanya boleh menjadi kenyataan sekiranya kerajaan yang memerintah negeri Kedah adalah kerajaan yang sama dengan Kerajaan Pusat masa sekarang.

Jika tidak, Kedah dan rakyatnya akan terus ketinggalan. Apatah lagi dengan kemelut yang melanda kerajaan negeri Kedah, perebutan kuasa dalam kalangan pemimpin, kerugian akibat terbantutnya projek yang dijalankan oleh kerajaan negeri, peningkatan jumlah rakyat yang kehilangan pekerjaan akibat pelabur berpindah dari kawasan perindustrian Kulim Hi-Tech berikutan kegagalan anak syarikat kerajaan negeri menguruskannya. Ini adalah bukti kegagalan yang tidak cekap kerajaan dan Pakatan Rakyat negeri Kedah ini.

Begitu juga dengan Kolej Universiti Insaniah (KUIN) yang kini berdepan dengan krisis keyakinan pelajar dan kakitangan terhadap rektornya. KUIN bukan sahaja tidak dapat membayar gaji dan bonus kakitangan tetapi juga mempunyai tunggakan hutang walaupun sedikit, sebanyak RM60,000 dengan salah sebuah klinik panelnya menyebabkan kemudahannya dibekukan buat sementara waktu. Kini kakitangan KUIN tidak dapat lagi menggunakan kemudahan itu dan terpaksa mengeluarkan duit sendiri ketika mendapat rawatan di klinik berkenaan. Jika jumlah sekecil itu pun tidak dapat dibayar, bagaimanakah dengan pinjaman bank sebanyak RM350 juta dengan bayaran RM44 juta setahun, kampus baru KUIN di Kuala Ketil yang sedang dibina.

Inilah merupakan sebuah syarikat baru-baru ini dilaporkan menyaman KUIN sebanyak RM3 juta kerana kegagalan KUIN membayar kos perkhidmatan asrama dan pengangkutan yang disediakan oleh syarikat itu untuk 300 orang pelajar KUIN di kampus Sungai Petani dan juga kegagalan syarikat-syarikat GLC di bawah Kerajaan Negeri Kedah. Ini amat menyedihkan.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Mohon mencelah.

Tuan Boon Som a/l Inong: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Timbalan Menteri Yang Berhormat Senator Boon Som a/l Inong. Kebetulan dalam sidang Dewan Undangan Negeri pada 7 April yang lalu, saya hadir dan perkara ini telah ditimbulkan oleh ADUN-ADUN daripada parti pembangkang, yakni UMNO, MCA dan juga GERAKAN di dalam Dewan Negeri. Perkara ini telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Besar termasuklah hutang RM60,000 dan bagaimana kerajaan... Sebenarnya hutang RM320 juta untuk pembinaan KUIN itu bukanlah KUIN. Akan tetapi dihutang oleh satu GLC dengan jaminan oleh kerajaan negeri dan Yang Berhormat Menteri Besar telah menjelaskan bagaimana hutang-hutang tersebut boleh dibayar.

Di mana sebelum ini pun, kerajaan negeri telah berhutang dengan Kerajaan Pusat untuk membina Wisma Darul Aman, Blok 'E' yang ada sekarang ini lebih daripada RM28 juta setahun. Oleh kerana kerajaan akan tamat selesai hutang itu pada tahun ini, dan hasil balak yang dahulunya RM8 juta, telah meningkat pada RM80 juta pada tahun 2011, dan wang inilah akan dijelaskan hutang-hutang tersebut. Saya rasa terkilan kerana Yang Berhormat Senator Boon Som a/l Inong sepatutnya hadir dalam sidang tersebut untuk mendapatkan maklumat dan penjelasan yang lengkap mengenai isu-isu yang dibangkitkan ini. Terima kasih.

Tuan Boon Som a/l Inong: Terima kasih. Mengenai hasil balak, saya ada daripada pengarah perhutanan negeri Kedah bahawa pembalakan makin meluas. Jadi, pendapatan RM80 juta itu adalah kerana pembalakan itu semakin meluas dan semakin tidak dijaga kawasan hutan negeri Kedah ini. Rakyat negeri Kedah seharusnya menilai mengenai pencapaian kerajaan...

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Sekali lagi, sekali lagi saya minta penjelasan. Luas itu berapa luas?

Tuan Boon Som a/l Inong: Nanti saya akan beri. Nanti saya akan beri. Ada catatan dengan Datuk Zaini sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, kemajuan dan kemakmuran yang dicapai oleh negara kita pada hari ini adalah hasil kerjasama dan perpaduan rakyat pelbagai kaum yang terdapat di negara ini.

Tanpa perpaduan, hampir mustahil kita akan dapat menikmati kejayaan seperti yang di kecapai sekarang. Walau bagaimanapun, sejak akhir-akhir ini keamanan, kerjasama dan perpaduan yang dipupuk sejak negara mencapai kemerdekaan sudah mula berkocak. Sudah ada pihak yang cuba meniup api permusuhan dalam kalangan rakyat dengan memainkan sentimen perkauman yang sempit demi mencapai matlamat dan cita-cita politik peribadi dan kelompok masing-masing. Malah kita sudah ada pihak yang berani mempertikaikan kontrak sosial yang sudah dipersetujui pemimpin-pemimpin terdahulu yang menjadi asas kepada perpaduan yang kita bina selama ini.

Oleh itu, usaha untuk mengekalkan perpaduan yang ada menjadi cabaran besar kepada kita. Tugas dan tanggungjawab ini harus dipikul oleh semua pihak. Dalam hal ini, Kementerian Pelajaran telah melakukan usaha terpuji apabila memperkenalkan mata pelajaran Sivik dan Kewarganegaraan pada tahun 2003 di sekolah rendah dan menengah dengan tujuan untuk memberikan kesedaran kepada pelajar-pelajar mengenai hak dan tanggungjawab mereka dalam masyarakat pelbagai kaum seperti pentingnya patriotisme dan menyumbang kepada kesejahteraan dan keharmonian negara. Subjek ini diajar untuk murid tahun empat sehingga pelajar tingkatan lima.

Menekankan empat prinsip pendidikan yang penting iaitu Belajar untuk Mengetahui, dengan izin, *Learning to Know*; Untuk Hidup Bersama, *Learning to Live Together*; dan Belajar untuk Membentuk Peribadi, *Learning to Be*. Prinsip Belajar untuk Hidup Bersama Masyarakat merupakan asas dalam mengekalkan keamanan dan keharmonian serta amat bersesuaian dengan latar belakang masyarakat berbilang kaum di negara kita. Menerusi prinsip ini, perpaduan dalam keluarga, komuniti dan masyarakat dapat dipupuk.

Subjek ini juga dikatakan memainkan peranan penting dalam kurikulum kebangsaan sama ada di peringkat rendah mahupun menengah. Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan di peringkat rendah dinyatakan bertujuan melahirkan murid yang dapat menunjukkan perasaan bangga dan cinta akan negara. Memberi tumpuan aspek perkembangan diri serta hubungan dengan orang lain dan persekitaran.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Boon Som a/l Inong: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua: Jam kita sekarang tepat pada pukul 1.00 tengah hari. Maka, saya perlu menangguhkan Dewan ini dan kita sambung lagi pada pukul 2.30 petang nanti. Yang Berhormat boleh sambung lagi nanti.

Tuan Boon Som a/l Inong: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

2.30 ptg.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, sebelum kita berhenti tengah hari tadi, Yang Berhormat Boon Som sedang berucap. Saya minta Yang Berhormat Boon Som terus beri ucapan sebagai penyokong dan selepas itu saya juga mohon kerjasama dari semua Ahli Yang Berhormat, pertama sekali selepas itu saya hendak benarkan kepada wakil pembangkang lah.

Oleh kerana Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali tidak ada, so saya harap salah seorang boleh bercakap dan seterusnya kita buka dan itu saya ada nampak tidak ramai sekarang ini. Tolong beritahu siapa yang hendak berucap pada hari ini. Biasa kalau berucap hari ini dapat lama sedikit. Sudah dekat-dekat esok semua berpusu-pusu, agaknya masa itu pun sudah tidak mengizinkan.

Saya lebih menggalakkan kalau boleh Yang Berhormat cuba kemukakan nama-nama siapa yang hendak berucap hari ini, senang saya hendak buat satu pertimbangan untuk menentukan perjalanan Dewan kita. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Boon Som mulakan.

2.33 ptg.

Tuan Boon Som a/l Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berbalik pada subjek Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan, ia juga dikatakan memainkan peranan penting dalam kurikulum kebangsaan sama ada di peringkat rendah mahupun menengah. Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan di peringkat rendah dinyatakan bertujuan melahirkan murid yang dapat menunjukkan perasaan bangga dan cinta akan negara, memberi tumpuan aspek perkembangan diri serta hubungan dengan orang lain dan persekitaran serta menjadi wahana bagi orang lain dan persekitaran, serta menjadi wahana bagi mewujudkan perpaduan dan menghormati pelbagai budaya masyarakat di negara ini.

Pada peringkat menengah pula, subjek ini memberi penekanan kepada hubungan murid dengan masyarakat, peranan hak dan tanggungjawab sebagai warganegara serta memupuk nilai yang perlu untuk membentuk individu-individu yang dapat menyumbang kepada masyarakat dan negara. Bagaimanapun, pelaksanaannya pada peringkat sekolah tidak menunjukkan bahawa subjek ini adalah penting. Hal ini terbukti berdasarkan jumlah masa yang diperuntukkan untuk subjek berkenaan hanyalah dua waktu sahaja dalam seminggu atau bersamaan 60 minit tempoh seminggu di sekolah rendah, 80 minit seminggu di sekolah menengah berbanding subjek-subjek teras atau kritikal yang lain.

Selain itu, subjek ini juga hanya diuji dalam peperiksaan pada peringkat sekolah tetapi tidak diuji dalam peperiksaan awam seperti UPSR, SPM dan STPM. Bahkan saya mendapat maklumat bahawa ada sekolah yang tidak menjalankan projek khidmat masyarakat yang ditetapkan sebagai salah satu komponen penting dalam kurikulum Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan. Pelajar sekolah menengah sepatutnya menjalani kerja amali itu di luar waktu persekolahan sekurang-kurangnya sepuluh jam setahun dan menyediakan laporan mengenainya.

Saya juga mendapat maklumat bahawa peruntukan yang diberikan untuk subjek berkenaan digunakan untuk subjek-subjek lain yang dirasakan lebih penting dan kritikal untuk menjamin pelajar mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan. Ada sekolah yang bertindak mengajar subjek berkenaan untuk tempoh empat atau lima bulan yang pertama sahaja untuk pelajar yang berada pada Tahun 6, Tingkatan 3 dan Tingkatan 5 atas alasan untuk memberi fokus kepada persediaan untuk menghadapi peperiksaan UPSR, PMR dan SPM.

Selaras dengan langkah yang sedang dibuat oleh Kementerian Pelajaran untuk mengkaji semula sistem pendidikan di negara kita, saya berpendapat subjek Sivik dan Kewarganegaraan sepatutnya turut diuji dalam peperiksaan awam seperti UPSR, PMR, SPM dan STPM dan lulus subjek ini dijadikan syarat untuk kemasukan ke institusi pengajian tinggi dan agensi latihan kemahiran awam sebagai bukti komitmen dan kesungguhan kita untuk melahirkan insan seperti dihasratkan dalam falsafah pendidikan kebangsaan iaitu rakyat Malaysia yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek, berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Saya percaya jika pelajar mempelajari dan menghayati kandungan Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan ini, perbuatan menjejak pemimpin negara dan Raja-Raja Melayu seperti dilakukan oleh segelintir wakil rakyat dan parti pembangkang ketika Majlis Pertabalan Yang di-Pertuan Agong yang berlangsung baru-baru ini sudah tentu tidak akan terjadi. Perbuatan biadab dan tidak beradab segelintir wakil rakyat itu sungguh memalukan dan sama sekali tidak sejajar dan tidak mencerminkan sikap yang sepatutnya ada pada seorang pemimpin dan wakil rakyat.

Sikap sedemikian benar-benar bertentangan dengan prinsip lima Rukun Negara iaitu kesopanan dan kesucilaan. Ketika anak-anak kita yang berada di bangku sekolah diajar dan sentiasa diperingatkan supaya menjaga tingkah laku ketika berada dalam majlis, malangnya mereka yang dipilih sebagai wakil rakyat pula menunjukkan akhlak yang sangat rendah nilainya.

Sikap yang tidak beradab seperti ini juga ditunjukkan wakil rakyat terbabit didapati berleluasa dalam masyarakat kita. Kita boleh lihat misalnya ketika lagu *Negaraku* dimainkan dalam majlis rasmi, ada pihak yang tidak berdiri tegak menghormati lagu kebangsaan. Apabila diminta berdiri menyanyi lagu *Negaraku*, ada yang diam dan ada pula yang menyanyi dalam keadaan yang sama sekali tidak bersemangat.

■1440

Sikap seperti ini jelas menunjukkan tidak adanya semangat patriotisme. Saya juga hairan dengan segelintir masyarakat yang memandang remeh terhadap Bahasa Kebangsaan sedangkan Bahasa Kebangsaan adalah alat perpaduan. Perkara ini sangat serius kerana selepas 54 tahun negara kita mencapai kemerdekaan, masih ada lagi rakyat Malaysia yang tidak boleh membaca dan bertutur dengan fasih dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, aktiviti bagi menerapkan dan memupuk perpaduan juga perlu digiatkan menerusi kegiatan kokurikulum dan kurikulum seperti Program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan iaitu RIMUP yang pernah dilaksanakan sebelum ini serta perkhemahan 1Malaysia yang membabitkan pelajar pelbagai kaum dan sekolah pelbagai aliran dan berbagai program lagi termasuk kegiatan sukan. Misalnya sekolah boleh mengadakan acara jemputan hari sukan sekolah dengan menjemput sekolah pelbagai aliran lain di kawasan berhampiran untuk mengambil bahagian menerusi acara ini. Pelajar di sekolah yang majoriti pelajarinya daripada satu kaum sahaja berpeluang berinteraksi dan bergaul dengan pelajar pelbagai kaum dari sekolah lain, dengan itu akan menggalakkan mereka memahami dan menghormati budaya hidup rakan-rakan mereka yang berlainan kaum.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu pihak media massa terutama media elektronik juga mempunyai peranan yang penting dalam mempromosi dan menggalakkan ke arah persefahaman antara kaum dan perpaduan dalam kalangan rakyat negara ini. Tayangan filem dan rancangan yang menggalakkan persefahaman dan saling menghormati antara kaum yang berlainan patut diperhebatkan. Kita patut menggalakkan lebih banyak filem-filem sedemikian dihasilkan oleh karyawan filem tempatan. Kita sepatutnya mencontohi seniman Tan Sri P. Ramlee yang berjaya mengumpulkan pelakon berbagai bangsa serta mengetengahkan tema persefahaman dan perpaduan kaum lewat filem-filem arahnya. Bahkan filem-filem komedi arahnya berjaya menarik ramai peminat hanya dengan jenaka selamba tanpa menyentuh sensitiviti kaum dan agama.

Kehebatan Tan Sri P. Ramlee adalah keupayaan filem-filemnya menarik minat berbagai kaum dan semua lapisan masyarakat di negara ini hinggalah kanak-kanak yang dilahirkan pada alaf 21 yang tidak pernah berjumpa dan melihat Tan Sri P. Ramlee turut tertarik dan meminati filem-filem arahnya. Mungkin sangat patut bagi mana-mana universiti dengan ini mengambil langkah menubuhkan institut atau institusi pengajian bagi mengkaji pemikiran Allahyarham Tan Sri P. Ramlee.

Tuan Yang di-Pertua, guru memainkan peranan penting dalam proses pendidikan peredaran masa menyebabkan perubahan dan cabaran terhadap profesion perguruan. Namun, pengajaran dan pembelajaran guru nampaknya tidak banyak berubah walaupun teknologi sudah pun berkembang. Masih ramai guru yang bergantung kepada pendekatan menulis di papan hitam dan bercakap atau *chalk and talk*, dengan izin, menyebabkan suasana pengajaran menjadi hambar dan kerja di lapangan untuk memberi pendedahan kepada murid untuk mengaplikasikan atau membuat penyelidikan pelajaran yang diajar di dalam kelas tidak dapat dilaksanakan.

Antara punca kebarangkalian ini guru terpaksa mengejar untuk menghabiskan sukatan pelajaran yang terlalu luas skopnya di samping pertambahan tugas bukan pengajaran dan pembelajaran. Jika tidak habis, pelajar sudah tentu tidak dapat menjawab soalan bagi topik tertentu yang ditanya dalam peperiksaan. Hal ini mungkin menjadi sebab pelajar tidak mendapat keputusan yang baik atau cemerlang dan ketika itu guru akan dipersalahkan. Sesuai dengan langkah Kementerian Pelajaran untuk mengkaji semula sistem pendidikan negara, saya ingin mencadangkan agar skop kandungan sukatan pelajaran yang ada dikaji semula supaya tidak terlampau luas dan untuk guru menjadi mangsa untuk menyediakan bahan bantu mengajar yang menarik dan melaksanakan tugas lapangan supaya murid dapat menimba pengalaman pembelajaran secara praktikal.

Selain itu, murid juga mempunyai lebih banyak masa untuk membabitkan diri dalam kegiatan kokurikulum yang sangat penting bagi membantu mereka meneroka potensi dan bakat yang ada pada diri mereka serta pelajar berinteraksi di antara sama lain. Ketika ini murid-murid terlalu dibebankan dengan tugas akademik, keghairahan ibu bapa untuk melihat anak mereka berjaya dalam pelajaran pula membuat anak-anak sibuk dengan kelas tuisyen selepas tamat waktu persekolahan. Akibatnya, zaman kanak-kanak sepatutnya memberi peluang mereka meneroka dan menimbang pengalaman di persekitaran mereka berlalu begitu sahaja. Akhirnya, kita menghasilkan pelajar seperti robot yang bergeliga otaknya tetapi tawar hati dan perasaannya, tidak ada jiwa, tidak pandai bergaul dan berinteraksi dengan manusia di sekeliling. Oleh itu, pembelajaran seterusnya menjadi proses yang menyeronokkan bukannya menekankan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan Barisan Nasional telah melakukan banyak usaha untuk memberi perhatian kepada semua rakyat negara ini sama ada kaum majoriti mahupun minoriti. Walau bagaimanapun, masih ada ruang yang boleh ditingkatkan dalam menjaga kebajikan masyarakat minoriti. Sehubungan itu, saya ingin mengulangi cadangan supaya kerajaan menubuhkan sebuah Jabatan Hal Ehwal Masyarakat Minoriti seperti Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. Program pembangunan yang lebih terancang dan tersusun khusus untuk mereka termasuk masyarakat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi kah, panjang kah lagi?

Tuan Boon Som a/l Inong: Panjang Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi?

Tuan Boon Som a/l Inong: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Okey. Silakan.

Tuan Boon Som a/l Inong: ...Yang mencakupi bidang pendidikan, latihan, keusahawanan, kepimpinan kemasyarakatan, sukan sosial, kebolehan belia, wanita dan sebagainya dapat dilakukan sejajar dengan hasrat untuk merapatkan jurang pencapaian antara penduduk negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat Siam dengan ini sangat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah sudi turun padang untuk berjumpa dengan anggota masyarakat Siam dari seluruh negara dalam Program Karnival Kasih Perdana Menteri yang berlangsung di Kedah pada bulan Februari lalu. Dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengulangi penjelasan bagi kedudukan masyarakat Siam sebagai bumiputera yang berkelayakan, seperti mereka melayakkan mereka menikmati berbagai kemudahan yang diperolehi bumiputera lain. Kelayakan masyarakat Siam miliki tanah rizab Melayu, melabur dalam amanah saham bumiputera, menjadi ahli dan ketua cawangan UMNO, menganggotai jawatankuasa kemajuan serta ahli Bank Rakyat adalah antara bukti masyarakat Siam diiktiraf sebagai bumiputera.

Malangnya disebabkan masih ramai pegawai dan kakitangan kementerian, jabatan agensi kerajaan belum jelas mengenai status masyarakat Siam bumiputera, maka selalu timbul salah faham mengenai status bangsa mereka dan menjejaskan peluang mereka untuk menikmati hak mereka sebagai bumiputera termasuk dalam bidang pendidikan, perniagaan dan pembelian rumah.

Berikutan penjelasan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya berharap Ketua Setiausaha Negara dapat membantu mengeluarkan surat pekeliling kepada semua ketua dan kakitangan Kementerian, jabatan dan agensi kerajaan untuk memaklumkan mengenai status kedudukan masyarakat Siam sebagai bumiputera. Dengan itu, masyarakat Siam sepatutnya mendapat layan sama seperti masyarakat bumiputera yang lain.

Berikutan penjelasan yang dibawa oleh – maafkan saya Tuan Yang di-Pertua. Selain itu, selain isu status, satu lagi isu yang lebih dihadapi oleh masyarakat Siam ialah kekhilafan Jabatan Pendaftaran Negara berhubung dengan istilah bahasa Thai yang diumumkan dalam surat beranak dan kad pengenalan sebab ia merujuk kepada bangsa Siam.

■1450

Bagaimanapun saya berterima kasih kepada pihak jabatan berkenaan yang telah mengambil langkah membetulkan kekhilafan itu. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Tan Sri Mahmood Adam kerana selepas perjumpaan dengan masyarakat Siam di Kedah pada 27 November 2011, masyarakat Siam kini boleh memohon untuk membuat pertukaran daripada istilah “bangsa - Thai” kepada “bangsa Siam” di dalam kad pengenalan dan surat mereka secara percuma.

Saya difahamkan proses permohonan itu telah berjalan dengan lancar selepas pengumuman itu. Namun begitu, kira-kira tiga bulan yang lalu, saya mendapat aduan proses pertukaran itu menjadi rumit seperti pemohon perlu mengangkat sumpah, mengisi tiga jenis borang, melalui proses siasatan terhadap latar belakang termasuk ibu bapa serta mengemukakan surat mati ibu bapa jika ibu bapa sudah meninggal. Saya berharap Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Pendaftaran Negara mengkaji semula prosedur berkenaan kerana kerumitan itu boleh memberi gambaran kurang baik kepada kerajaan amnya, Kementerian Dalam Negeri serta Jabatan Pendaftaran negara khususnya. Terutama pula isu mengenai istilah bangsa Thai bukanlah kesilapan masyarakat Siam, sebaliknya berpunca daripada penggunaan yang dibuat tanpa merujuk dan berbincang dengan pemimpin masyarakat Siam sendiri.

Selain itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian Kementerian Dalam Negeri dan Jabatan Pendaftaran Negara prosedur permohonan mendapat kad pengenalan bagi anak yang lahir hasil perkahwinan anak antara lelaki rakyat tempatan dengan warga asing di luar negara. Masalah timbul apabila anak-anak ini dilahirkan sebelum pasangan berkenaan berdaftar perkahwinan mereka di negara ini.

Walaupun anak mereka boleh mendapat surat beranak di negara ini, anak-anak itu menghadapi masalah ketika hendak membuat kad pengenalan. Ini menjejaskan peluang mereka untuk menduduki peperiksaan awam seperti Penilaian Menengah Rendah dan sijil SPM. Ada kes di Perlis, permohonan anak ini di tolak sebanyak tiga kali. Kes ini pernah dilaporkan dalam akhbar tempatan. Sekarang ini dibimbangi menjejaskan tumpuan anak-anak terbabit kepada pelajaran mereka dan peluang mereka menduduki peperiksaan berkenaan. Sekali gus, sudah tentu menjejaskan peluang mereka untuk melanjutkan pelajaran di peringkat lebih tinggi serta mendapat pekerjaan. Sehubungan itu, saya memohon kementerian dan jabatan terbabit untuk mempertimbangkan, mengkaji semula prosedur bagi mempermudah urusan permohonan.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pelajaran menyatakan kerajaan sedia mempertimbangkan untuk melaksanakan pelajaran bahasa Punjabi di sekolah sekiranya terdapat permintaan dan bilangan pelajar yang mencukupi untuk mempelajarinya. Sekiranya dilaksanakan, ia akan memberikan generasi muda Sikh menguasai bahasa ibunda sementara kaum lain dapat mempelajari bahasa Punjabi bersesuaian dengan semangat 1Malaysia. Sebagai wakil dan anggota masyarakat minoriti di negara ini saya mengalu-alukan pengumuman ini. Langkah itu sebenarnya selari dengan Perkara 152, dalam Perlembagaan Persekutuan yang menjamin hak rakyat negara ini untuk mempelajari atau belajar bahasa lain termasuk bahasa kaum lain.

Di negara ini, selama ini bagi pihak masyarakat Siam, saya juga ingin memohon Yang Amat Berhormat Menteri Pelajaran untuk turut mempertimbangkan bagi menggubal dan mengajar subjek Bahasa Siam di sekolah bantuan penuh kerajaan terutamanya di negeri Perlis, Kedah, Perak dan Kelantan di mana ramai rakyat masyarakat Siam tinggal di negeri tersebut yang mempunyai 15 orang lebih pelajar keturunan Siam. Seperti yang termaktub di dalam Akta Pendidikan 1996 serta diajar sebagai subjek elektif kepada pelajar bangsa lain yang berminat mempelajari bahasa Siam.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa sedih dan tindakan segelintir anak muda yang membuang masa dan tenaga mereka mengadakan demonstrasi pada 14 April 2012 untuk mendesak supaya pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dimansuhkan. Saya percaya anak-anak muda ini telah diperalatkan oleh kelompok yang terdesak untuk mencapai cita-cita politik peribadi mereka. Kelompok ini memang terdesak kerana terbukti janji-janji mereka selama ini sudah memakan diri sendiri. Jadi, sekarang mereka cuba menuding jari kepada pinjaman PTPTN pula. Pada hal, terbukti pinjaman itu telah berjaya memberi manfaat kepada ramai pelajar terutama golongan miskin yang ibu bapanya berpendapatan rendah untuk melanjutkan pelajaran di institut pengajian tinggi.

Isu mereka bangkitkan ternyata memakan diri sendiri akibat terlalu rakus untuk memburukkan orang lain, mereka lupa melihat di dalam diri sendiri. Hari ini mereka terjerat dengan isu PTPTN yang mereka mahu mansuhkan. Mereka terlupa ketika cadangan penubuhan dibentangkan di Parlimen, pemimpin pembangkang termasuk Lim Kit Siang dan anaknya Lim Guan Eng menyokong kuat pelaksanaannya. Dato' Seri Anwar Ibrahim sendiri lupa bahawa PTPTN ditubuhkan ketika beliau memangku jawatan Perdana Menteri dan menjadi Menteri Kewangan. Jelaslah bahawa pembangkang amat bimbang dengan kelemahan mereka sekarang dan terpaksa mengadakan atau membesarkan cerita hanya untuk mendapat perhatian dan sokongan.

Parti pembangkang tahu kewujudan mereka tidak lagi relevan jika gagal mencipta cerita sensasi. Semakin hampir kepada Pilihanraya Umum Ke-13, mereka semakin menggelabah dan terkial-kial mencari peluang terakhir untuk merampas kuasa. Oleh sebab itu mereka terpaksa sanggup melakukan apa sahaja. Tuan Yang di-Pertua, jika pembangkang benar-benar berhasrat untuk memansuhkan pinjaman PTPTN atau alasan untuk memberikan pendidikan percuma, Kerajaan Negeri Selangor sepatutnya menunjukkan contoh terlebih dahulu. Buktikan tindakan menerusi Universiti Industri Selangor iaitu UNISEL yang dimiliki oleh kerajaan negeri sebagai penasihat ekonomi kepada Kerajaan Negeri Selangor yang bernilai RM1. Kerajaan negeri Dato' Seri Anwar sepatutnya memberi nasihat itu kepada Kerajaan Negeri Selangor terlebih dahulu. Mansuhkan semua yuran pengajian di Unisel, dengan itu sudah tentu pelajar-pelajar yang tidak perlu memikir untuk membuat pinjaman pendidikan dari PTPTN atau sumber lain. Kata orang, "*jangan cakap tidak serupa bikin*".

Sebenarnya, Kerajaan Barisan Nasional sudah lebih awal lagi melaksanakan pendidikan percuma sebelum di suarakan oleh Ketua Pembangkang. Buktiannya, kerajaan telah memansuhkan semua yuran persekolahan dan yuran peperiksaan awam seperti UPSR, PMR, SPM dan STPM. Pada masa yang sama, semua pelajar di negara ini mendapat bantuan pinjaman buku teks untuk tempoh selama sekurang-kurangnya 11 tahun. Adakah negara lain di rantau ini membuat demikian? Itu belum lagi mengambil kira pelbagai jenis bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Barisan Nasional kepada pelajar-pelajar miskin dan kelainan upaya.

Dalam Belanjawan 2012, Perdana Menteri telah mengumumkan pemberian bantuan khas awal persekolahan sebanyak RM100 seorang kepada pelajar-pelajar di seluruh negara yang akan memasuki tahun satu hingga tingkatan lima pada sesi persekolahan tahun ini. Untuk tujuan itu kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM530 juta untuk pemberian bantuan berkenaan kepada 5.3 juta pelajar seluruh Malaysia...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagi?

Tuan Boon Som a/l Inong: Ada lagi dalam 10 minit.

Tuan Yang di-Pertua: Ya?

Tuan Boon Som a/l Inong: 10 minit.

Tuan Yang di-Pertua: Cuba ringkas sikit lagi.

Tuan Boon Som a/l Inong: Okey, okey. Ini belum lagi mengambil bantuan yang diberikan kepada kelompok-kelompok pelajar tertentu seperti Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin, Rancangan Makanan Tambahan, Skim Baucar Tuisyen, Baucar Buku RM200, kemudian pakaian seragam, kokurikulum percuma atau pelajar miskin. Begitu juga dengan pemberian Biasiswa Kecil Persekutuan dan banyak lagi. Semuanya ada 23 jenis bantuan persekolahan yang diberikan oleh pelajar-pelajar negara ini.

Dalam hal pinjaman PTPTN, kita patut mengingatkan bahawa pelajar tidak pernah dipaksa menerima pinjaman berkenaan. Bahkan, PTPTN telah menawarkan untuk memberi pengecualian membayar balik pinjaman berkenaan iaitu mereka hendaklah belajar bersungguh-sungguh dan mencapai keputusan cemerlang seperti ditetapkan oleh PTPTN. Ketika itu, PTPTN akan menukar status pinjaman mereka kepada biasiswa. Mereka tidak perlu membuang masa berdemonstrasi mendesak memansuhkan pinjaman PTPTN. Sebaliknya, menggunakan masa yang ada untuk belajar bersungguh-sungguh supaya dapat memenuhi syarat yang ditetapkan oleh PTPTN.

■1500

Pada hemat saya, PTPTN perlu menggunakan skim pembiayaan balik pinjaman MARA yang lebih mesra pelajar dan sangat bertimbang rasa. Dengan itu lebih ramai pelajar yang boleh menikmati pelbagai potongan diskaun untuk menggalakkan mereka tekun belajar. Jika pelajar yang mendapat kelulusan yang baik diberi potongan tertentu, saya percaya lebih ramai akan menumpukan kepada pelajaran berbanding dengan menghabiskan masa berhibur dan berdemonstrasi.

PTPTN sebagai organisasi yang berkait rapat dengan kerajaan tidak harus menjadi seperti bank yang mengenakan pelbagai caj dan faedah yang membebankan pelajar. PTPTN perlu mempunyai strategi yang berkesan untuk menjadi sebuah organisasi yang berdikari pada masa yang akan datang. PTPTN harus mengambil langkah seperti MARA yang mempunyai cabang pelaburan sendiri bagi mengumpul dana untuk organisasi dan aktiviti mereka atau sekurang-kurangnya mencontohi modul pengurusan dan pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang mampu mendapat keuntungan bagi menampung kos operasi, membayar dividen kepada penyimpan.

PTPTN patut diberi dana khas kerajaan untuk melabur dalam industri yang tidak berisiko tinggi tetapi mempunyai pulangan sederhana, dengan itu kos pengurusan PTPTN dan kerugian daripada pemberian diskaun kepada pinjaman pelajar boleh ditampung dari sumber keuntungan pelaburannya bukan daripada pinjaman pendidikan itu sendiri seperti yang berlaku sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, keputusan Pilihan Raya 2008 sebenarnya merupakan satu *wake up call*, dengan izin, kepada Kerajaan Barisan Nasional yang merupakan satu peringatan supaya kita tidak terus leka dan merasa selesa dengan kuasa yang ada. Ia memberi amaran bahawa kuasa itu boleh berpindah ke tangan sungguhpun selama ini kerajaan telah melakukan pelbagai pembangunan untuk rakyat di negara ini. Peka dengan amaran itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah melakukan tindakan pantas dengan memperkenalkan Program Transformasi serta Model Ekonomi Baru bagi memastikan pengurusan kestabilan, keamanan dan kemakmuran serta pembangunan yang kita nikmati sekarang hingga mencapai wawasan menjadi Malaysia negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Hasil perubahan dan pembaharuan yang dilakukan sepanjang dua tahun lalu itu telah menunjukkan hasil yang amat memberangsangkan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya bagi lagi dua minit. Cukup Yang Berhormat, cukup?

Tuan Boon Som a/l Inong: Okey, okey. Kita ambillah iktibar daripada kejadian yang berlaku di rantau ini seperti yang berlaku di Thailand dan Filipina.

Perubahan kepimpinan negara yang kerap menyebabkan keadaan politik tidak stabil serta menjadi hambatan kepada pembangunan negara. Kita lihat pula apa yang berlaku di Timur Tengah, kejadian yang menimpa negara seperti Afghanistan, Iraq, Mesir di mana keadaan tidak stabil yang berterusan sehingga hari ini. Sepatutnya, sudah cukup untuk menjadi pengajaran kepada kita akibat terpengaruh dengan pelbagai janji dan sogokan akibat dibakar hati perasaan mereka dan bertindak atas dasar emosi.

Tindakan mengguling dan mengubah kerajaan yang dilakukan mereka ternyata tidak membawa kebaikan seperti yang diharapkan sebaliknya menambahkan lagi kesengsaraan dan derita rakyat. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, saya mengajak seluruh rakyat Malaysia termasuklah rakan-rakan dari pihak pembangkang supaya memainkan peranan kita secara membina dan progresif. Janganlah membangkang hanya kerana berada di pihak pembangkang. Sebaliknya berilah teguran secara membina apabila wujud kelemahan dan akuilah serta berilah sokongan terhadap kebaikan yang dilakukan oleh kerajaan.

Cukuplah kita berpolitik sewaktu musim pilihan raya, tetapi apabila masing-masing sudah memenangi Kerusi yang ditandingi, tumpukan masa dan tenaga untuk berkhidmat kepada masyarakat dan negara...

Tuan Yang di-Pertua: Okey, gulung Yang Berhormat.

Tuan Boon Som a/l Inong: Dengan kata-kata ini Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Sekarang Yang Berhormat di depan saya ada lagi enam orang Ahli Yang Berhormat ingin berucap. Sekarang tanpa membuang masa, saya mempersilakan Yang Berhormat Hajah Mumtaz dan seterusnya Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Hussin. Silakan Yang Berhormat.

3.05 ptg.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Naw: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya untuk sama-sama membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah pun dibaca pada 12 Mei 2012... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Dalam surah *al-Fatihah* yang selalu kita fahami sebagai satu ayat yang merupakan antara kunci bahawa pada suatu hari kita akan kembali kepada Allah yang akan memberikan kita keputusan, bukan berdasarkan pada undang-undang manusia tetapi berdasarkan pada undang-undang agama.

Hari tersebut, semakin hari semakin rapat dengan kita dan sehubungan tersebut saya ingin merujuk apabila mana kita sebut tentang Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah memulakan ucapan dengan *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*. Perkara ini disebut berkali-kali daripada permulaan Parlimen lagi bahawa apabila asas kepada negara ini, negara ini negara demokrasi berparlimen yang mempunyai raja sebagai tonggak.

Jadi sehubungan tersebut, saya menyokong perkara yang disebut oleh rakan Yang Berhormat Tuan Boon Som a/l Inong tadi berkenaan bahawa cukuplah kita berpolitik. Ketika berpolitik untuk parti dalam masa pilihan raya itu ketika kita belum memilih. Akan tetapi, dalam keadaan apabila rakyat telah membuat keputusan seharusnya semua pihak menghormati keputusan yang telah dibuat oleh rakyat. Dalam kita hendak mencapai satu keputusan, perkara yang paling asas kepada pilihan raya kepada sebuah negara pada pentadbiran negara berdemokrasi ialah pengundian.

Saya ingin memohon kepada semua pihak yang terbabit khususnya SPRM untuk memastikan kalau sekiranya sekarang ini dilabelkan, dimomokkan dan ramai yang terkeliru dan kita percaya bahawa wujud di mana ada pengundi yang dipanggil pengundi hantu, yang mana sebagaimana biasa pihak SPRM akan mengatakan tidak wujud.

Polemik mengenai pengundi hantu ini seharusnya dicegah dan dipastikan dapat bukan hanya kita menghapuskan pengundi hantu dalam daftar pemilih negara kita, tetapi SPRM mesti mewujudkan budaya pengundi malaikat.

Apabila kita hendak mengundi, kita hendak pengundi yang betul-betul kerana perkara yang kotor, prosedur yang kotor sudah tentu tidak sah. Bukan hanya menyebabkan kerajaan yang wujud tidak sah tetapi kerajaan ini akan membawa kepada pemimpinya, menteri-nya, wakil rakyatnya dan kerajaan sendiri itu kepada api neraka. Pembalasan dan kaitan dengan akhirat ini perkara ini bukan perkara yang main-main. Neraka, syurga adalah projek Allah. KPI dan rujukan kita adalah agama sebagai *ad-din*. Kita akan ingat bahawa perkara ini mungkin nampak senang pada peringkat sekarang tetapi apakah kesan kepada makanan, gaji dan apa yang kita bawa balik kepada anak dan isteri ataupun kepada suami kita. Pengundi hantu memalitkan kitaran yang sah atau tidak sah, batal atau tidak batal secara keseluruhan kepada pentadbiran, pegawai-pegawai dan sekiranya kita tidak nampak sebagai contoh saya ingin sebut. Dengan wujudnya pertambahan pengundi sebanyak 29,000 di Parlimen Kota Raja, saya dengan ini minta pihak yang berkenaan agar memberikan jawapan yang munasabah bagaimana di satu kawasan Parlimen yang pada tahun 2008 dimenangi dengan majoriti 20,000, pada tahun 2012 peningkatan pengundi baru adalah 29,000. Hanya satu kawasan Parlimen.

Jadi, perkara ini menyebabkan berlaku ketidakpuasan hati dan hari ini juga dalam *Sinar Harian* ada seorang pakcik yang memberitahu bahawa rupa-rupanya selama ini segala bantuan, segala permohonan yang diminta pada pihak kerajaan tidak dapat ditunaikan dan hari ini barulah beliau tahu apabila semak di JPN, didapati beliau telah pun mati sebelum ini. Patutlah namanya tidak keluar sebagai pengundi pada pilihan raya sebelum ini kerana beliau telah mati. Pakcik ini kata dia masih lagi hidup.

Jadi kes-kes sebegini berlaku bukan hanya sekali, berkali-kali dan dapat disahihkan. Jadi saya pohon agar perkara ini diberikan perhatian kerana faktor pemangkin dan faktor penolak. Kita kena jadikan Islam sebagai asas pada kawalan kualiti dengan penuh kesedaran. Kita kena ingat apa yang berlaku dalam negara kita ini, kita ada ramai kedutaan asing yang melihat dan memantau pergerakan kita, di mana maruah, integriti dan di mana nilai ketamadunan negara kita di mata orang asing.

Bukan hanya kepada rakyat tetapi juga kepada orang asing bagaimana kita memantau dan memastikan bagaimana hendak dipilih itu dalam sistem sekarang ini, kita nampak dari sudut laporan media tidak seimbang. Sekarang diberikan parti-parti yang sah. Kalau mereka memilih bagilah mereka pilih tetapi cara hendak pilih ini pastikan orang yang betul kerana kita ingat apabila disebut ada orang yang bukan warganegara yang tiba-tiba didaftarkan sebagai pengundi, mereka ini tidak kesetiaan kepada negara. Kalau mereka ini diberi ruang untuk menentukan hala tuju kepada negara akan timbul masalah yang lebih banyak kepada negara kita. Ramai yang hari ini tidak boleh bercakap Bahasa Melayu pun, tiba-tiba mereka boleh menjadi pengundi. Kita juga difahamkan bahawa yang masuk kadang-kadang ke dalam negara kita ramai yang tidak keluar balik.

■1510

Jadi saya pohon perkara ini jangan dibuat penafian secara total, tetapi kerana perkara ini disedari oleh rakyat kerana bantahan yang dibuat di peringkat negeri-negeri yang dibayar RM10 untuk bantahan banyak terbukti memang benda tersebut betul dan perkara ini disedari oleh rakyat hasil daripada culaan, hasil daripada semakan dan juga hasil daripada pengakuan daripada mantan-mantan pegawai tinggi kerajaan khususnya berkaitan dengan tentera. Seharusnya hari ini tindakan yang dibuat harus ditubuhkan kertas siasatan dan suruhanjaya khas untuk membetulkan atau pun menyemak kembali apa yang telah didakwa oleh mantan pegawai-pegawai tinggi kerajaan.

Oleh kerana kita faham masing-masing hendakkan kerajaan yang bersih, apa pun pilihan rakyat sebagai tuan dan sebagai Parlimen kita yang mewakili negeri, kita yang mewakili negara, kita yang mewakili kawasan, jangan sampai negara ini rakyat hilang kepercayaan kepada integriti ini. Jangan sampai negara kita jadi macam negara Mesir, negara Libya dan negara Yaman.

Saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah kepada Tuan Yang di-Pertua yang pagi tadi pun telah saya sebut kepercayaan ini, kehilangan integriti ini saya percaya boleh wujud dalam kes daftar pemilih. Ini kerana dalam kes yang paling penting sebagai contoh saya sudah sebut pagi tadi, rekod buku *Parlimen 50 Tahun* pun pihak Parlimen boleh terlepas pandang dan boleh tertukar atas satu pelantikan. Pelantikan kerajaan negeri dibuat pelantikan *Federal*, pelantikan Pusat dibuat pelantikan kerajaan negeri. Untuk buku yang hendak buat yang mengambil masa dan diselidik berpuluh-puluh kali pun, dengan keadaan yang begitu terhad mereka boleh ketinggalan 13 nama daripada Senator-Senator yang mewakili Pakatan Rakyat, apatah lagi hendak mendaftarkan pengundi seluruh Malaysia yang begitu ramai, ini kerana apa? Ini perkara menunjukkan ketidakseriusan atau mungkin kesengajaan ataupun mungkin *technical error*. Akan tetapi kalau satu nama, saya percaya itu *technical error*. Akan tetapi kalau 13 nama daripada empat negeri, saya tidak percaya ini *technical error*. Saya pohon perkara ini - ini perkara berlaku secara bukti. Saya minta sebagai Parlimen, tolonglah buktikan kita punya integriti, sebagai SPRM yang menjaga daftar pemilih. Buktikan, kita hendak hantar orang yang betul sebagai pengundi, biarkan mereka memilih yang mana parti yang mereka percaya sebagai kerajaan.

Berhubung dengan kes yang baru-baru ini kita lihat kalau kita perkara ini dibuat dipandang enteng. Kalau yang dilantik itu batal, Parlimen ini juga batal, Dewan Negara ini juga batal, Dewan Rakyat juga batal, dan kesemua gaji yang kita terima adalah gaji yang haram dan batal. Saya pohon.

Sebelum ini kita tidak pernah mengalami *tsunami* - mengalami *tsunami* hanya di beberapa negeri mungkin berlaku di Kedah dan di Pulau Pinang pada 2004. Akan tetapi baru-baru ini *tsunami* yang hampir-hampir berlaku. Gegaran dapat dirasakan di seluruh negara. Kita hendaklah belajar, perkara ini adalah satu peringatan daripada Allah dan tidak ada mana-mana kuasa yang boleh menahan bila Allah yang sebagai tuan punya bumi mengarahkan kepada bumi dan bumi yang takut kepada Allah ini akan menggetarkan, akan melontarkan semua yang telah pun berbuat jahat ini kerana kita akan berhadapan masing-masing di kubur kita sebagai orang yang akan menghadap Allah SWT.

Berkenaan dengan kes bila mana Islam ini sebagai Islam *wasatiyyah*. Saya pohon kepada pihak yang menjaga kementerian ini untuk bertanya kepada pihak kerajaan bila mana kita lihat dalam laporan bulan lepas, satu akhbar memaparkan bahawa terdapat tiga orang gadis yang telah menari tiang yang mereka ini telah didakwa di bawah akta-akta kesalahan kecil dan mereka didenda dengan RM25 atau 14 hari penjara. Perkara ini menjadi satu momokan, satu kekecewaan yang saya rasa sudah sampai masanya akta bidang kuasa Mahkamah Syariah itu ditingkatkan dan kalau melibatkan Mahkamah Majistret untuk perkara ini, pohon dibuat pindaan. Jumlah RM25 pada tahun 2012 dengan keadaan akhlak yang sebegitu adalah amat-amat memalukan.

Kita difahamkan orang yang telah terlibat telah buka beg tunjuk kepada wartawan duit yang dia dapat hasil daripada dia menari tiang, berpuluh-puluh keping duit RM50. Jadi apa perasaan sebagai orang Islam 65 peratus di seluruh Malaysia, saya rasa kita patut ada maruah. RM25 ini hanya cukup untuk beli *prepaid*. Bagaimana kita boleh mengatakan bahawa orang ini akan insaf dengan RM25 dengan keadaan mereka menari tiang dalam keadaan separuh bogel. Saya pohon agar perkara ini diberi perhatian dan kalau ini disebut *wasatiyyah*, *wasatiyyah* ini bukan bermaksud aurat pun kena *wasatiyyah*, boleh buka separuh dan boleh buka separuh.

Wasatiyyah ini adalah yang terbaik. Islam ini adalah yang terbaik. Islam suruh sembahyang lima waktu, itu yang terbaik, bukan suruh sembahyang 50 waktu. Jadi bukan bermaksud kalau tidak sembahyang 3 atau 2 waktu itu, *wasatiyyah*. Jadi dalam konteks ini pemahaman kita kepada Islam yang sebenar harus kita fahami kerana ini merupakan tonggak kepada negara kita.

Saya juga kesal dengan ada tindakan pihak-pihak yang telah membuat perkataan "Allah", menukar perkataan 'alif' dengan perkataan "satu" - satu **الله** (*illah*). Bagi saya ini walaupun ini tindakan yang dibuat mungkin gurauan, tetapi bagi saya ini penghinaan kepada nama "Allah" dan saya pohon agar perkara ini diberi perhatian sungguh-sungguh.

Walaupun hendak letak "1" kepada semua perkara, tetapi janganlah nama "Allah" ini dipermainkan dalam keadaan tersebut.

Saya ingin juga membangkitkan kepada pihak Yang Berhormat dan rakan-rakan semua dalam Parlimen ini bahawa saya bersyukur kepada Allah SWT kerana saya telah pun dapat berkhidmat di Parlimen dari tahun 2006 sehingga sekarang tahun 2012. Dengan dapat melihat tiga orang Speaker dan juga tiga Yang di-Pertuan Agong. Dalam kes yang melibatkan Yang di-Pertuan Agong, sebagai tonggak tertinggi dalam Parlimen, saya merasa kesal akan beberapa perkara yang telah berlaku yang melibatkan Yang di-Pertuan Agong sebagai contoh yang telahpun saya sebutkan sebelum ini tentang keberangkatan pulang Yang di-Pertuan Agong daripada negeri Terengganu yang kita tidak buat pada bulan yang lepas.

Saya terkilang lagi sekali dalam minggu lepas kami semua sebagai senator Dewan Negara telah dipanggil untuk majlis bacaan Yasin membabitkan Yang di-Pertuan Agong. Bila dibaca al-Quran yang dibuat dalam edisi khas, yang dibuat di luar dengan bertinta emas, bila dibaca didapati bukan hanya satu, tetapi tujuh tempat telah tertinggal perkataan. Bukan tertinggal huruf, bukan tersalah baris tetapi tertinggal sebagai contohnya... [Membaca satu ayat dari surah Yasin] Perkataan, "...*mustaqarrillaha...*" tidak ada; perkataan, "*ahyai'naaha..*" tidak ada; perkataan, "*aa'da...*" tidak ada; perkataan, "*yarji'un...*" tidak ada; dan saya cukup kesal. *Alhamdulillah* perkara ini sempat ditarik balik dengan aduan, tetapi ini adalah edisi khas Yasin yang dibuat sempena pertabalan Agong. Kalau hendak buat Titah Diraja yang begini pun kita ulang berkali-kali, kita semak, bagaimana mungkin al-Quran? Saya tidak faham, ini al-Quran, Yasin dibuat dalam keadaan ini. Saya pohon kalau perkara ini dibuat, sudah pun berlaku ditarik balik, saya hendak tanya kepada pihak yang berwajib, pertama - pihak manakah yang telah menyemak?

Apapun yang dikeluarkan oleh JAKIM... Ini dikeluarkan oleh JAKIM, Jabatan Perdana Menteri dan oleh Masjid Negara. Kalau sebelum ini saya tidak ada apa-apa keraguan atas apapun yang dibawa oleh JAKIM berkenaan ayat al-Quran, tetapi bermula dari saat saya melihat Yasin tertinggal tujuh perkataan, saya tidak akan terima lagi apa-apa yang dibuat oleh JAKIM tanpa saya semak. Oleh kerana ini yang tertinggi, di Parlimen tertinggal rekod, di JAKIM tertinggal Yasin. Apa lagi yang mereka harus tinggalkan untuk buktikan mereka ada integriti?

Saya pohon perkara ini diberi perhatian dan saya cukup kesal juga kenapa dalam Yasin ini tidak dibuat terjemahan. Kalau kita beli Yasin di luar ada terjemahan tetapi untuk Yasin sempena pertabalan Agong tidak ada terjemahan. Hanya ada Yasin sahaja dan bila perkara ini ditarik balik, di belakang Yasin in ada doa khas sempena Pertabalan Agong Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang ke-14. Jadi bila Yasin itu ditarik balik, sudah tidak ada orang bacalah doa ini kepada Yang di-Pertuan Agong.

Jadi sebagai orang yang ada dalam Parlimen, saya rasa saya wajar untuk tegur perkara tersebut. Saya minta juga hendak tahu daripada pihak yang berwajib, berapakah kes aduan seperti ini yang telah pun dikesan berlaku membabitkan penerbitan daripada pihak kerajaan berkenaan dengan ayat al-Quran? Sebagai edisi khas, saya ingin tanya, berapakah kos percetakan, berapakah al-Quran yang telah dicetak dan perkara ini bagi saya satu kehilangan kenangan kepada orang Islam yang baca Yasin di hari tersebut kepada Seri Paduka Baginda dan Permaisuri, bagaimana pihak berwajib itu hendak menggantikan kembali. Adakah pihak yang telah pun membuat kesalahan itu didenda? Bagaimana kita hendak mengembalikan perkara tersebut sebab ini perkara penting. Saya percaya kalau buku atur cara pun empat kali disemak.

Katakanlah buku atur cara yang tertulis atas nama "Tun", tetapi ditukar dengan perkataan "tong". Saya percaya buku tersebut akan ditarik balik. Akan tetapi dalam keadaan ini, al-Quran dibuat begini, tidak apa-apa mohon maaf daripada pihak yang terbabit. Saya pohon perkara ini diberikan perhatian kerana ini menghilangkan *izzah* Islam. Walaupun orang Islam 65 peratus seluruh Malaysia, bila berlaku perkara ini integriti - katakanlah tidak ada siapa mengadu, di hari tersebut ada kedutaan asing yang baca, apa maruah Malaysia?

Ketika itu dipandang bahawa tidak mampu - bukan hendak *tashih* kan al-Quran, tetapi hendak *tashihkan* *Yasin* pun kita tidak ada kemampuan di peringkat yang tertinggi, pada hari yang terpenting yang kita hendak dapatkan keberkatan kepada Yang di-Pertuan Agong dalam negara kita.

■1520

Saya pohon juga tentang fungsi-fungsi penyemakan ini, unit yang terbabit. Kalau tidak ada unit, pohon diadakan unit dan saya pohon agar ini tidak lagi berlaku pada masa-masa yang akan datang kerana ini adalah maruah negara, ini adalah kesucian agama Islam sebagai agama rasmi dalam negara ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Yang di-Pertuan Agong yang baru dilantik dan juga kepada Timbalan Yang di-Pertuan Agong yang dilantik yang berasal daripada negeri Kelantan, Sultan Muhammad V, Sultan Kelantan.

Berkenaan dengan DSA, kita juga dijemput untuk menghadiri satu pameran di *Defense Services Asia* (DSA) yang dilaksanakan dua, tiga hari lepas dan saya ingin tanya kepada kementerian yang terbabit, kenapa pameran ini tak dibuka kepada umum.

Saya faham ada mungkin perkara yang membabitkan peluru yang mungkin perkara ini khusus untuk orang tertentu. Akan tetapi yang membabitkan kereta, yang membabitkan jentera-jentera lain, saya rasa sepatutnya boleh diberikan untuk dilawat oleh anak-anak muda kita terutama yang terlibat dengan badan-badan beruniform. Saya cukup kesal kerana bila saya melawat, tempat itu bagus sangat dan ini memberikan suntikan semangat yang tinggi kepada anak-anak muda untuk mempertahankan negara. Mereka kita habiskan berapa bilion, RM30 *million* kita habiskan untuk PLKN untuk hendak membangkitkan semangat negara tetapi apabila pameran membabitkan perkara seperti ini, mereka tidak boleh lihat. Jadi saya rasa ini satu kerugian. Ada mungkin seksyen tertentu yang kita terpaksa tutup tetapi dengan kawalan, saya rasa banyak benda yang kita boleh buka dan saya pohon agar pada masa-masa akan datang, perkara ini dibuka kepada umum supaya masyarakat boleh melihat dan menilai secara umum.

Berkenaan dengan GST, tadi kita difahamkan oleh Timbalan Menteri Kewangan bahawa 4.3 juta rakyat Malaysia telah didapati layak untuk menerima Bantuan Rakyat 1Malaysia dan difahamkan tadi juga bahawa 92 peratus daripada penerima ini datang dari Kelantan. Jadi soalan saya ialah kalau kerajaan menyedari sudah semak dan didapati daripada 26 juta rakyat Malaysia, 4.3 juta adalah rakyat yang pendapatan isi rumah tidak sampai RM3,000, adakah sekarang saat yang terlalu kondusif untuk kerajaan memperkenalkan GST dan kalau diberitahu bahawa penerima di Kelantan adalah 92 peratus, adakah kerajaan ingin mengecualikan Kelantan daripada orang yang terpaksa membayar GST kalau GST ini dilaksanakan di peringkat kerajaan pusat sebab tidak guna kita maklumkan kalau kita memang sudah sedar orang tidak mampu bayar, kita tidak payah beratkan lagi keadaan yang telah pun berlaku kepada rakyat.

Begitu juga dengan kes melibatkan FELDA. Pagi tadi kita dengar jawapan daripada Timbalan Menteri yang mengatakan bahawa penyenaian dan pengapungan FGVH tidak ada kaitan dengan GSA. Saya ingin tanya kepada pihak yang berkenaan, atas dasar apakah pihak FELDA telah meminta daripada kerajaan, kerajaan negeri untuk mendapatkan 880,000 ekar tanah daripada kerajaan, kerajaan negeri seluruh Malaysia kerana kita difahamkan bahawa penubuhan FELDA di bawah seksyen 35 adalah bermaksud untuk menguruskan tanah-tanah yang diberikan oleh kerajaan negeri bagi kepentingan peneroka. Jadi atas seksyen manakah FELDA ini ditubuhkan, bagaimana FELDA sebagai bukan entiti peneroka dan bukan entiti koperasi boleh memiliki tanah yang telah pun dipohon kepada kerajaan-kerajaan negeri atas dasar untuk memajukan dan diberikan tanah kepada peneroka.

Kita bimbang sebagaimana berlaku kepada BERNAS, bagaimana pihak kerajaan boleh memberikan jaminan bertulis kepada semua peneroka dan kepada semua pemegang saham dalam KPF bahawa kepentingan negara ini tidak akan jatuh kepada risiko pemilikan kepada warga asing sebagaimana yang telah pun terjadi kepada BERNAS.

Kita ingin melihat juga dan ingin tahu juga sekarang ini mengapa nilai KPG yang selalunya diterima oleh peneroka-peneroka FELDA melibatkan antara 18 dan 19 dan ada negeri KPG mereka dibayar dengan nilai 16 tetapi kita difahamkan bahawa orang-orang yang membuat ataupun mengusahakan tanaman kelapa sawit tidak terbabit dengan kerajaan, nilai KPG mereka mencapai tahap 27kpg. Jadi kalau orang di luar boleh capai 27, kenapa orang yang berada dalam FELDA dengan benih yang sama, mereka cuma dapat antara 18 hingga 19 kerana antara satu nilai KPG dengan KPG yang lain ini sebenarnya nilai yang cukup tinggi kepada peneroka.

Dalam masa kita mengapungkan FGVH, apakah keperluan sehingga kita terpaksa mengapungkan dan menjual aset-aset yang dinamakan tanah kerana kita harus sedar bahawa komoditi utama dalam negara kita ialah kelapa sawit. Perniagaan yang melibatkan petroleum sebagaimana yang telah pun dibuat oleh Petronas ini, ini berlaku saat-saat akhir ini baru harga dia naik tetapi harga komoditi yang telah pun menjadi teras kepada negara kita adalah komoditi yang melibatkan kelapa sawit. Jadi kita hendak tanya kenapa perlu perkara ini diapungkan di saat ini kerana kita tidak mahu mengambil sebarang risiko bahawa tanah-tanah ini akan dipajakan kepada orang-orang yang tidak perlu. Saya juga ingin tanya tentang mekanisme pemilihan perwakilan untuk EGM bagi meluluskan pengapungan FGVH kerana kita difahamkan yang hadir adalah lebih kurang 1,200 sedangkan jumlah peneroka FELDA seluruh negara difahamkan berjumlah lebih kurang 220,000.

Jadi justifikasi yang bagaimanakah dan pemilihan yang bagaimanakah yang telah pun dibuat untuk menjadi wakil dalam EGM tersebut dan saya difahamkan juga ada dakwaan mengatakan bahawa pelantikan pengerusi baru FELDA dibuat dalam mesyuarat ALP dan ia bukan dibuat dalam EGM. Jadi saya ingin tahu tentang kesahihan perkara tersebut dan adakah perkara ini sah daripada sudut undang-undang dan saya juga ingin tanya adakah kerajaan bersedia untuk membayar semua tunggakan kepada Tabung Tanam Semula yang telah pun tertunggak kepada peneroka sebelum mereka membayar durian runtuh kepada peneroka yang dikhabarkan akan dibayar pada bulan enam dan sebagaimana kita lihat pemberian BR1M telah menimbulkan banyak masalah. Berkali-kali terpaksa buat rayuan dan ada yang dapat, ada yang dua kali dapat, ada yang tidak dapat langsung sedangkan yang terima ini, jumlah duit yang diterima adalah sedikit. Jadi apakah jaminan durian runtuh yang akan diberikan kepada 220,000 ini tidak mengalami masalah yang sama?

Saya juga ingin bertanya kepada kerajaan khususnya membabitkan Kementerian Kesihatan tentang fungsi juruurut. Berdasarkan kepada laporan tahunan 2010 yang membabitkan Majlis Sukan Negara, kita difahamkan untuk tahun 2010, terdapat 10,098 atlet yang telah mendapat khidmat terapi manual daripada juruurut sepanjang tahun 2010. Ini melibatkan orang yang terlibat dalam sukan tetapi sebenarnya di kampung-kampung, di desa-desa ramai juruurut-juruurut yang merupakan orang-orang perempuan yang terlibat secara separa kerja ini yang memberi khidmat kepada masyarakat, mereka ini tidak diberikan pengiktirafan oleh kerajaan. Saya pohon ingin bertanya kerana saya difahamkan mereka pernah dipanggil oleh Kementerian Kesihatan untuk diberi taklimat sebagai ejen yang akan memaklumkan kepada pihak Kementerian Kesihatan sekiranya terdapat bila mereka mengurut, dapat tahu ada ketulan-ketulan di payudara yang memungkinan ada kes pegasanan kanser kepada pihak wanita.

Saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan agar memastikan dan mengendalikan serta memberikan imbuhan yang sepadan sebagai bantuan bulanan kepada pihak juruurut-juruurut di seluruh negara. Ini kerana kita faham dan kita tahu mereka ada kemahiran cuma kalau mereka ini melibatkan aspek-aspek spiritual, harus dipastikan tidak mempunyai unsur-unsur kesesatan. Mereka ini harus diberi latihan dan pengkajian agar khidmat ataupun warisan urut Melayu ini akan dianggap dan dipatenkan sama seperti kemahiran untuk tradisional Thai dan juga tradisional untuk orang Cina. Mereka ada urut Cina, mereka ada urut Thai. Sepatutnya untuk urut Melayu punya pun dipatenkan dan dijadikan antara satu *service base* baru negara kita.

Saya harap mungkin pihak ILP boleh membuat kursus-kursus untuk kemahiran urut untuk melahirkan juru urut lelaki, juru urut perempuan dan bukan melahirkan 'mat lembut' ataupun yang melibatkan dengan pengaruh-pengaruh seks. Kita mahu ini diberikan perhatian. Bukan hanya juru urut ini hanya dapat dinikmati oleh orang yang terlibat dengan sukan.

Saya juga ingin menyatakan kepada pihak Yang Berhormat dan Dewan yang mulia bahawa baru-baru ini semasa saya hadir untuk perhimpunan Asia Pasifik di Tokyo, pihak negara Indonesia telah menyatakan bahawa mereka agak terkilan bila mana kita berjanji untuk membuat penggunaan Bahasa Melayu di peringkat antarabangsa sebagai rumpun Asia, tiba-tiba pada saat pembentangan kita menggunakan bahasa Inggeris. Jadi saya pohon agar kita boleh membuat satu ketetapan dan boleh membuat satu *stand* bagaimana kita mesti memastikan untuk peringkat dunia, kita sebagai rumpun Asia boleh menggunakan Bahasa Melayu walaupun kita akan bercakap menggunakan teks kerana ini penting dalam agenda dunia yang begini besar, masing-masing harus ada integriti dan jati diri. Jadi saya pohon agar perkara ini diberi tindakan yang sewajarnya.

■1530

Saya juga ingin meminta kepada pihak kerajaan sebagaimana yang telah pun disebut oleh Duli Tuanku berkenaan dengan kepentingan wanita di dalam negara. Kita lihat dalam negara yang ada 65 peratus orang Islam yang ada 50 peratus wanita, tidak ada pusat sukan yang mesra gender yang dipastikan dan dipantau oleh kerajaan. Kita pohon agar ada gimnasium, ada kolam renang, ada stadium yang mesra gender bukan sahaja mesra wanita. Ada hari tertentu untuk wanita dan ada pada hari tertentu untuk lelaki. Kenapa mesra gender ini terhad kepada tandas dan bilik mandi sahaja?

Kalau kita boleh berkongsi stadium, kita boleh berkongsi gimnasium, kita boleh berkongsi kolam renang, sepatutnya kita boleh kongsi tandas. Apa masalah? Akan tetapi kalau tandas kita tidak boleh kongsi, kenapa kita boleh berkongsi kolam renang? Jadi dalam konteks ini, penggunaan perkataan mesra gender ini harus *diapply* kepada semua tempat tersebut kerana bagi saya ini penting untuk jati diri dan untuk maruah wanita kerana kita kena hormat. Sebagai hak asasi wanita yang bertudung, mereka ada hak asasi mereka tersendiri.

Saya juga hendak bertanya kepada pihak kerajaan berkaitan dengan budaya dan menu makanan tidak sihat di kalangan warganegara, kerana kita lihat harga makanan yang berkhasiat sebagai contohnya susu, yogurt, buah-buahan dalam negara kita cukup mahal. Hari ini harga sekilo pisang adalah RM4. Hendak makan pisang pun susah, hendak makan buah pun susah. Kita boleh makan yang murah kalau yang tidak *fresh* tetapi kalau yang *fresh* semua mahal. Jadi kita beritahu anak kita jangan makan snek, jangan makan snek ringan tetapi makan makanan yang berkhasiat tetapi kita yang bergaji mungkin RM4,000, kita boleh belilah satu kilo pisang untuk anak kita tetapi kalau kita gaji RM500, tidak bercakap soal pisang.

Ini penting saya minta kalau boleh pihak kerajaan memberikan langkah-langkah untuk menurunkan harga pembekalan makanan yang berkhasiat seperti susu, yogurt, harga makanan-makanan lain yang baik dan juga untuk memastikan bekalan makanan organik direndahkan. Sekarang ini makanan organik yang sihat ini hanya boleh dinikmati oleh orang kaya.

Saya juga pohon agar seni kulinari dan seni *kodawari* yang diamalkan oleh Jepun sebagai langkah kita pandang ke Timur sebelum ini sepatutnya diajar di sekolah. Anak-anak kita bukan lagi macam anak-anak kita dahulu yang hanya cukup makan nasi dengan ikan tetapi hari ini mereka hendak makan nasi dengan ikan dengan ayam yang dihias dan dihidang cantik dan perkara ini hanya boleh didapati di hotel-hotel dan di tempat-tempat *resort* sedangkan anak-anak ini hendak makan begitu di rumah. Ibu tidak akan boleh buat kalau ibu tidak faham. Perkara ini saya pohon seni kulinari dan *kodawari* ini diajar di peringkat sekolah supaya perkara ini akan menjadi satu budaya kepada masyarakat. Masyarakat akan faham bahawa bila hendak makan, mereka dihormati, dibuat dihias cantik supaya ini menarik makanan kepada anak-anak.

Saya juga memohon agar harga untuk suplemen, ubat-ubatan ataupun vitamin suplemen dan alat penyusuan direndahkan, dikontrol oleh kerajaan dan direndahkan. Saya ingin bertanya, adakah benar bahawa alat-alat penyusuan yang membabitkan penyusuan ibu sebenarnya mempunyai harga cukai yang mahal? Saya pohon pihak-pihak kementerian untuk memberikan jawapan.

Berkenaan dengan pendidikan keibubapaan, tadi ada Yang Berhormat telah sebut pendidikan keibubapaan dan pengurusan diri. Saya percaya bahawa untuk pembantu rumah, tadi jawapan yang diberikan oleh Menteri nampak sukar untuk kita dapatkan sama ada dari Filipina ataupun Indonesia ataupun Vietnam. Jadi penting sekarang untuk dimasukkan di dalam aktiviti kokurikulum ataupun aktiviti kurikulum sendiri tentang bagaimana anak-anak ini harus diajar untuk pengurusan diri secara praktikal. Di sekolah kita, kita mungkin ajar boleh kotorkan sebab di sana ada makcik akan tolong sapu ataupun kita boleh kotorkan apa benda sebab mak kita boleh basuh. Jadi dalam konteks ini kita pohon pendidikan keibubapaan dan pengurusan diri ini dijadikan subjek khas untuk membantu ibu-ibu dan untuk memberikan jati diri juga kepada anak-anak yang belajar di sekolah.

Saya juga ingin meminta pihak Kementerian Kewangan, kita difahamkan sebahagian besar daripada gaji-gaji yang diterima oleh orang yang terlibat dalam negara kita sebagai pengguna ini, 50 peratus dihabiskan untuk membayar kereta. Daripada kajian yang saya buat, saya dapati bahawa untuk seluruh dunia sekarang ini, sudah banyak negara yang menolak *Rule 78* untuk pembayaran semula harga-harga kereta dan daripada 50 negeri yang ada di US, di Amerika Syarikat, 19 negeri telah pun mengharamkan penggunaan *Rule 78* sebagai *based* ataupun sebagai asas untuk pengiraan bagi pembayaran balik harga kereta.

Jadi kalau negara seperti US boleh mengharamkan dan membatalkan kerana penggunaan *Rule 78* yang dijadikan asas dalam pembayaran ataupun pinjaman kereta ini merupakan satu penganiayaan kepada rakyat, saya pohon pihak kerajaan tolong beri perhatian. Ini kerana kalau harga rumah kita boleh bayar berasaskan kepada baki rumah, kenapa untuk harga kereta kita gunakan bayaran ansuran *prorate*, bukan makin lama makin rendah. Jadi perkara ini harus diberi perhatian.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak Bank Negara khususnya berkaitan dengan polisi dan sekatan serta peratusan untuk kadar upah bagi sistem perbankan Islam dan harga jual semula yang dibolehkan pada sistem perbankan Islam. Ini kerana kita difahamkan banyak sistem-sistem yang digunakan pada hari ini sama ada *Mudharabah*, *Bai' Bithaman Ajil*, *Murabahah*, *Musyarakah*, mereka mengambil untung melebihi sistem konvensional.

Jadi saya ingin bertanya kepada pihak yang terbabit kadar yang tertinggi, kadar siling yang diputuskan oleh pihak Bank Negara. Jangan lepas perkara tersebut sebab kita hendak tunjuk Islam ini benda yang adil, benda yang *wasatiyyah*. Jadi jangan sampai kita buat pembiayaan Islam tetapi tidak ada kadar yang siling tiba-tiba mereka jual lebih berkali-kali ganda berbanding dengan sistem konvensional. Jadi sebagai ada Majlis yang kontrol, sebagai ada pihak yang *supervise*, yang memantau perkara tersebut, saya pohon dibuat sekatan siling kepada mana-mana perbankan yang ingin menawarkan mana-mana produk Islam supaya kadar upah dan harga jual semula kepada pengguna dibuat dalam keadaan yang munasabah.

Saya juga ingin bertanya kepada pihak Kementerian Pendidikan berkenaan dengan tunggakan gaji guru yang difahamkan hari ini hanya dibayar dengan kadar 71 peratus dan saya ingin bertanya *balance* 29 peratus lagi bila akan dibayar, ataupun kenapa tidak dibayar? Ada juga rungutan daripada sebuah sekolah, SMK Taman Yarl, Kuala Lumpur, di mana guru-guru yang beragama Islam telah diwajibkan untuk menghadiri ceramah yang dibuat oleh *brother* dan perkara ini sebenarnya telah berlaku berkali-kali. Ini rungutan yang telah dikeluarkan oleh guru-guru dan saya pohon dalam kes yang membabitkan enakmen kawalan pengembangan agama di kalangan orang bukan Islam kepada orang Islam, kenapakah kes seperti ini didiamkan?

Jadi seharusnya pihak kementerian memastikan tidak ada ceramah oleh *brother* ini kepada mana-mana guru Islam dalam sekolah tersebut.

Kita juga ingin bertanya kepada pihak yang terbabit berkenaan dengan adakah sekarang ini diberikan peralatan IT dan *WiFi* kepada masjid-masjid negeri? Ini kerana dalam kes kita hendak memastikan Islam itu berkembang kepada semua orang Islam dengan cara yang baik, kebergantungan kemampuan kita untuk ikut kepada perkembangan teknologi adalah penting.

Saya juga hendak bertanya tentang radio IKIM. Satu dekad, sudah lebih daripada 10 tahun radio IKIM, sehingga kini saya dapati *channel* nya, siarannya, salurannya masih lagi terhad. Bilakah perkara ini akan dibuat lebih meluas kerana hari ini kita sudah ada *TV Hijrah* yang disiarkan dalam Astro. Jadi kalau boleh hendak tahu juga tentang, kalau perkembangan sepuluh tahun itu, kenapa masih lagi di tahap yang sama, dan adakah kerajaan bercadang untuk membuat satu lagi akademik Aswara bagi melahirkan seniman-seniman untuk siaran Islam? Ini Aswara yang khas untuk Islam sebagaimana kita tengok macam *Akademi Imam Muda* untuk penyiaran dan medium latihan teknologi dakwah yang tinggi kepada negara kita.

Begitu juga tentang Kementerian Kewangan berkenaan dengan *redemption sheet*. Kita difahamkan untuk bahagian perumahan, pinjaman perumahan di dalam negara kita, sekiranya mana-mana pegawai kerajaan yang telah mengambil pinjaman daripada pihak Kementerian Kewangan dan mereka yang hendak membuat *refinance* ataupun membuat pinjaman semula dengan bank-bank, didapati tempoh untuk mendapatkan penyata bayaran harga tebusan terlalu lama, memakan masa antara satu hingga enam bulan. Jadi saya ingin tanya kepada pihak yang terbabit, kenapakah perlu satu hingga enam bulan? Kalau ikut sebenarnya, sekarang ini semua komputer. Sepatutnya minta terus boleh *apply* dan boleh keluar seperti slip gaji. Mengapa pula untuk *redemption sheet* ini lama sangat hendak dikeluarkan? Bagaimana hendak dikira sampai begitu panjang masa yang diambil sebab ini bagi saya satu perkara yang tidak patut berlaku pada kerajaan yang elektronik.

Sebagaimana kita lihat negara-negara maju, jadual pergerakan pengangkutan awam dikemaskini dengan cepat dalam *internet*. Dalam negara kita, sistem sebagaimana ERL pun kalau kita hendak tengok jadual perjalanan dia dalam *internet* pun *slow*. Jadi kalau ERL yang *express* yang hanya satu hala sahaja ke *airport*, ke KLIA, tidak boleh kita akses dengan cepat, bagaimana dengan sistem-sistem lain?

■1540

Saya pohon dalam kerajaan e-Elektronik ini, pastikan bukan hanya ERL, bukan hanya kereta api tetapi juga bas. Sebenarnya kita boleh tahu pergerakannya dan kita boleh *update* kan perkara ini dalam *internet* supaya pengguna yang hendak gunakan perkhidmatan LRT, segala-gala yang berkaitan dengan teknologi ini dapat melihat dan melayari jadual pergerakan kenderaan awam ini dalam tempoh yang cepat.

Saya pohon agar semua pihak-pihak pengangkutan awam yang menjual tiket, yang bila kita hendak beli tiket khususnya yang berkaitan dengan kapal terbang, mereka minta nombor *hand phone*. Akan tetapi apabila mereka lewat, mereka tidak maklum pun dalam SMS. Dimaklumkan tetapi kadang-kadang terlalu lewat. Saya minta dimaklumkan paling tidak dua jam lebih awal dan ini digunakan. Buat apa ambil nombor telefon tetapi tiba-tiba tidak hantar. Bila kita sampai di sana okey, tengok *delay*. *Delay* bagi mereka mungkin sebab kapal terbang tetapi *delay* bagi kita banyak kerja yang kita boleh buat kalau *delay* ini.

Jadi, saya pohon perkara ini diberikan satu perhatian dan saya juga bagi pihak wanita seluruh negara ingin menyatakan kesedihan dan bantahan secara rasmi bagi pihak wanita atas tindakan Perdana Menteri menjadi Menteri Wanita di abad ini dalam Malaysia. Sedangkan saya percaya di pihak Barisan Nasional pun ramai calon-calon yang layak yang sepatutnya, sekurang-kurangnya boleh dilantik sebagai pemangku. Kita merasa segan di sebelah Thailand kita ada Perdana Menteri wanita. Dalam negara kita, Menteri Wanita kita adalah Perdana Menteri lelaki. Jadi, saya pohon perkara ini dinyatakan juga oleh pihak-pihak NGO seluruh negara dan di seluruh dunia.

Saya tidak tahu bagaimana kita hendak hadapi peringkat dunia bila perkara ini berlaku sedangkan di masa yang sama kita ada ramai lagi Ahli-ahli Dewan Negara, Ahli-ahli Dewan Rakyat yang sebenarnya boleh memangku jawatan ini kalau tidak boleh dilantik sebagai Menteri penuh pun.

Saya juga memohon agar pihak yang berwajib memastikan rakyat Malaysia yang beragama Islam bukan hanya faham perkara yang membatalkan wuduk, tentang perkara yang haram di makan tetapi juga faham tentang perkara yang membatalkan akidah. Saya juga ingin menyatakan secara rasmi bantahan saya terhadap serangan yang dibuat oleh samseng kepada pelajar-pelajar yang telah berhimpun secara aman yang bukan hanya menyerang pelajar-pelajar lelaki dan perempuan sehingga saya difahamkan terdedah aurat tetapi juga menyerang pihak polis dalam kes ini.

Jadi, kita sudah luluskan Rang Undang-undang Akta Perhimpunan Aman. Mereka hendak bantah, duduk dalam keadaan aman, mereka tidak bergaduh, tidak ada senjata, kita harus benarkan. Akan tetapi jika ada keadaan-keadaan seperti ini yang menyerang mereka secara tiba-tiba dan sampai bukan serang pelajar, serang sampai polis-polis pun. Saya minta perkara ini betul-betul diberikan perhatian oleh pihak yang berwajib. Saya juga hendak tanya kepada pihak kerajaan berkenaan dengan PTPTN. Berapakah jumlah biasiswa yang telah dikeluarkan kepada penuntut-penuntut universiti di seluruh negara berbanding dengan pinjaman PTPTN. Berapa juga kos yang telah pun diberikan oleh pihak kerajaan khususnya yang berkaitan dengan biasiswa untuk menghantar pelajar-pelajar kita ke luar negara.

Yang terakhir, berkaitan dengan teknik ataupun kaedah pendekatan untuk menjadikan pelajar-pelajar kita pelajar yang berminda kelas pertama. Kita difahamkan sekarang ini antara teknik yang digunakan ialah untuk mengoptimumkan penggunaan otak kanan yang kebanyakannya digunakan di peringkat sekolah-sekolah taska di peringkat rendah. Akan tetapi, di peringkat sekolah rendah, sekolah menengah, universiti, pascaijazah penggunaan otak kanan ini jarang diberi perhatian. Saya pohon agar pihak Kementerian boleh memberikan jawapan yang menyeluruh berkenaan dengan penggunaan otak kanan kerana kita tidak mahu melahirkan pelajar yang hanya statik kepada *exam oriented* sahaja, yang membabitkan penghafalan ataupun kefahaman dari sudut teori ilmu tetapi bukan memahami manusia ini harus dilayan sebagai manusia secara individu dan secara insaniah.

Yang terakhir di Kelantan ada satu agensi, namanya KADA. KADA ini bertugas untuk mengendalikan dan menyelenggarakan berkaitan dengan padi. Saya difahamkan untuk keluasan bagi tanah-tanah yang dimajukan oleh KADA, walaupun mereka memiliki berekar-ekar tanah kebiasaannya untung untuk satu tahun yang diterima oleh pelabur-pelabur atau pun tuan-tuan punya tanah ini kebiasaannya jarang sampai kepada RM1,000. Jadi, kalau di Sekinchan Selangor pendapatan petani ini tinggi tetapi untuk kes yang melibatkan KADA ini, pendapatan tahunan walaupun tanah berekar jarang sampai kepada jumlah RM1,000 setelah di tolak semua perkara termasuklah kita difahamkan untuk alat-alat yang digunakan untuk pertanian semuanya disewa bukan dibeli.

Sebagai contohnya alat-alat ataupun kenderaan yang digunakan untuk menuai padi-padi tersebut disewa berpuluh-puluh ribu yang menyebabkan semua kos-kos ini ditolak semua sampai akhirnya yang diterima oleh tuan punya tanah tidak sampai RM1,000. Jadi, saya pohon perkara ini diberi perhatian oleh pihak yang berwajib dan saya mendoakan bahawa *insya-Allah* negara kita akan kekal menjadi sebuah negara yang aman di bawah pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda yang di-Pertuan Agong Yang Keempat Belas. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Untuk makluman semua Yang Berhormat, kita ada satu usul untuk dibentangkan. Silakan Yang Berhormat Menteri.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

3.45 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 7.30 malam dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 24 April 2012.”

Timbalan Menteri Belia dan Sukan II [Tuan Gan Ping Sieu]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin.

3.46 ptg.

Tuan Ahmad bin Hussin: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Pertama sekali saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberi izin kepada saya untuk membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Menurut Perkara 60, Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong boleh memberi ucapan dalam mana-mana Majlis Parlimen atau dalam kedua-dua Majlis Parlimen bersama.

Saya bangkitkan perkara ini kerana tahun lepas ada seorang Ahli Parlimen yang tidak peka, yang telah bertanya siapa yang menulis titah ucapan ini. Saya telah menjawab melalui Perkara 60. Bukan yang tulis tetapi adakah yang mempunyai kuasa. Jadi, yang tulis bukan boleh bercakap di sini tetapi yang berkuasa adalah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan tahun ini tidak dibangkitkan pun. *Alhamdulillah* di Dewan Rakyat, saudara Karpal Singh dan anaknya Gobind Singh Deo. Dia tidak faham perlembagaan. Kita kena ajar sedikitlah.

Perkara yang kedua, oleh sebab kita bincang soal-soal negara, kita bincang soal-soal bahasa, bangsa, negara yakni agenda ilmu dalam pembangunan negara, kesejahteraan sesebuah negara, maka kita tidak boleh lari dengan Perkara 4(1), dalam Perlembagaan. Mesti tertakluk dalam Perkara Perlembagaan Persekutuan. Kita tidak boleh lari kerana dalam Perkara 4(1) disebut dengan jelas perlembagaan adalah undang-undang tertinggi. Mana-mana undang-undang yang diluluskan selepas hari merdeka yang bercanggah dengan perlembagaan adalah terbatal setakat yang bercanggahan itu. Oleh itu, kita boleh cakap apa sahaja. Kita adakan demonstrasi kah, kita hendak forum kah tetapi ada had-had dan batas-batasannya.

Dalam Perkara 8, kita membicarakan soal sama rata Tuan Yang di-Pertua iaitu *equality*. Yang ini kita harus faham. Ianya bukan *equality* dari segi pembahagian harta. Dia bukan sama dari segi pembahagian tanggungjawab. Ianya dari segi undang-undang kita adalah sama rata.

■1550

Jadi, saya tidak mahu benda ini difahamkan oleh rakyat bahawa kita ini semua sama. Mana mungkin Tuan Yang di-Pertua, kita sama dengan Raja. Jadi, sama rata di sini ialah jika sekiranya kita membuat satu kesalahan yang sama dan kita diadili oleh satu seksyen yang sama. Itu makna sama rata. Oleh itu kita kena selesaikan perkara ini sebab kita tidak bergaduh. Jangan semua hendak tuntutan semua benda sama rata. Sebab itulah Kerajaan Barisan Nasional dengan jelas telah memperjuangkan kesaksamaan dan bukannya kesamarataan. Barisan Nasional cukup jelas kerana Barisan Nasional cukup faham Perkara 8(1) dalam Perlembagaan Persekutuan. Ambil Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan. Dibangkitkan soal perhimpunan oleh mahasiswa dan kita pun mahasiswa juga. Kita tidak buat kerja itu.

Dalam Perkara 10, Perlembagaan Persekutuan cukup jelas, Tuan Yang di-Pertua. Kebebasan bercakap, kebebasan berhimpun, kebebasan menubuhkan persatuan. Akan tetapi ada sekatan-sekatan yang harus kita pelajari. Pertama, untuk kepentingan keselamatan Persekutuan, persahabatan dengan negeri-negeri, menjaga ketenteraman awam, keistimewaan Parlimen, elak menghina mahkamah, fitnah. Kita tidak boleh buat fitnah. Perbuatan mengapi-api, diakui suatu kesalahan dan akhlak. Walaupun kita bebas, dalam Perlembagaan disebut dengan jelas, bercakap bebas, berhimpun bebas dan menubuhkan persatuan bebas. Tubuhlah persatuan apa pun tetapi ada had-had, *limitation*, dengan izin.

Perkara 45 dalam Perlembagaan Persekutuan ini jelas tentang pelantikan Ahli-ahli Dewan Negara. Saya di sini, di Dewan yang mulia, di ucapan yang hampir akhir ini, Tuan Yang di-Pertua, kita tambahlah seorang lagi Ahli di negeri-negeri. Kalau sekarang, kita ada dua orang lantikan negeri dan kita boleh lihat bahawa ada *clause* dalam Perlembagaan Persekutuan. Tuan Yang di-Pertua, Perkara 45(4). Parlimen boleh dengan undang-undang menambah bilangan Ahli-ahli yang akan dipilih bagi tiap-tiap satu negeri hingga tiga orang. Ini seksyennya. Ini jelas. Jadi, kawan-kawan kita yang lambat sampai Parlimen, boleh cepat sikit. Tambah seorang untuk tiap-tiap negeri. Saya ingat setuju... [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, saya ingat seksyen ini kita gunalah. Mintalah pindaan dan sebagainya. Semua akan sokong walaupun saya tidak ada lagi. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut perkara ini kerana saya hendak sebut awal 2006 tetapi saya sebut hari ini. Perkara 43(3) dalam Perlembagaan Persekutuan disebut dengan jelas. Jemaah Menteri adalah bersama-sama bertanggungjawab kepada Parlimen. Apa maknawinya, apa maknanya? Selain itu disebut Tuan Yang di-Pertua, oleh Datuk Rahman, jawablah soalan-soalan Ahli Parlimen dengan berhemah, bersemangat. Jawablah soalan-soalan ini. Bila jawab dengan berhemah, jawab dengan tepat dan berkesan, dia akan menaikkan kredibiliti kerajaan itu sendiri. Ini bermakna tanggungjawab bersama. Inilah seksyen 43(3) dalam Perlembagaan Persekutuan. Ingat Menteri-Menteri kata apa?

Seterusnya, oleh sebab saya adalah pegawai awam dulu, sebagai seorang bekas Pegawai Tadbir dan Diplomatik. Saya di sini hendak beritahu secara terbuka, penjawat awam di Malaysia ini amat-amat bertuah berbanding dengan penjawat-penjawat awam di negara-negara lain. Sebab itulah hasrat DAP untuk mengurangkan bilangan penjawat awam jika mentadbir negara ini selepas PRU 13 adalah sesuatu yang harus ditentang oleh semua penjawat awam. Mana boleh buang? Ekoran kenyataan Tony Pua, ini adalah satu penghinaan kepada seluruh kakitangan kerajaan. Saya cuma hendak cadangkan di Dewan yang mulia ini, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Dengan izin, "*How to improve civil service*", yakni *proposal for Commission to study weaknesses*". Itu yang saya cadangkan di Dewan yang mulia ini. Apa salahnya kita cari supaya di akhir natijah, kerajaan ini akan menjadi *first class policy* dan *first class delivery*. Kalau sekarang disebut *first class policy*, *third class delivery*. Disebut tetapi saya tidak kata macam itu. Saya cuma baca akhbar sahaja. Jadi, eloklah Suruhanjaya mengkaji kelemahan pentadbiran awam dan juga semua, khasnya *PTD officer* perlu tambah kemahiran dalam khidmat mereka. Jadi, *PTD service* ini bukannya - dulu *elite service* pada zaman saya tahun 80-an tetapi sekarang ini elit juga tetapi tunjukkan kebolehan, amalkan bersih, cekap dan amanah. Baru kerajaan kuat. Ini satu, Tuan Yang di-Pertua.

Saya baca surat khabar pada 25 Mac. Dato' Zulkifli Noordin. Dia ditawarkan ganjaran lumayan untuk memfitnah Perdana Menteri dan isteri. Ini surat khabar. Kalau hendak tanya, jangan tanya saya. Tanya Dato' Zulkifli Noordin. Dulu Keadilan sekarang BEBAS. Apa yang dia suruh buat? Dia tulis sini, mendakwa pernah diberi tawaran lumayan oleh pihak tertentu untuk mengaibkan Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dan isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor dalam kes pembunuhan warga Mongolia. Ini disebut oleh seorang *lawyer* yang menjadi peguam bela Dato' Sri Anwar dalam kes liwat yang pertama. Antara tugasnya ialah mendapatkan pengakuan bersumpah daripada Perdana Menteri dan isteri selain diminta membuat suratakuan bersumpah bahawa Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dan Datin Seri Rosmah terlibat dalam pembunuhan tersebut. Ini serius. Ganjaran yang ditawarkan memang boleh menggoncangkan iman. Ini kata Dato' Zulkifli bin Noordin. Fitnah yang kedua yang diminta dibuat oleh Dato' Zulkifli bin Noordin ialah apa?

Pada tahun 2004, beliau diminta mengaibkan Yang Berhormat Padang Rengas dengan menggunakan kes pembunuhan Darren Kang di mana anak Yang Berhormat yang bernama Nadim ditohmah terlibat dalam pembunuhan tersebut. Ini serius, Tuan Yang di-Pertua. Ini yang menjadi masalah kepada rakyat. Betulkah, tidak betulkah? Jadi, saya harap perkara ini dibersihkan dan kita panggil Dato' Zulkifli bin Noordin. Apa cerita sebenarnya?

Saya minta satu lagi. Saudara saya daripada PAS mana? Ada seorang lagi. Yang lain balik sudah? Ini satu penting. Saya minta saudara sayalah, Dato' Seri Anwar untuk memohon maaf kepada Mat Sabu. Ini penting. Saya pula ini. Orang Barisan Nasional. Kenapa ya? Apa Dato' Seri Anwar kata kepada Mat Sabu? Pemimpin-pemimpin PAS sanggup bertindak sesuka hati membelakangkan ajaran Islam.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya mencelah sedikit? Hendak mencelah sedikit boleh?

Tuan Ahmad bin Hussin: Silalah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya sebenarnya begini. Dua malam yang lalu, dalam kereta saya, saya mendengar ucapan Mat Sabu yang mengata Dato' Seri Anwar Ibrahim dengan kata-kata yang kata orang, *'tidak terpatuk dek ayam, tidak tersudu dek itik'*. Saya malu hendak ulang di sini apa kata dia itu.

■1600

Oleh kerana itu, siapa yang patut minta maaf pada siapa ini? Adakah Dato' Seri Anwar Ibrahim patut minta maaf pada Tuan Haji Mohamad Sabu minta maaf kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim. Sebab Yang Berhormat dengar itu Dato' Seri Anwar Ibrahim mengata Haji Ahmad Sabu tetapi yang saya dengar kaset itu ada dalam kereta saya kalau hendak pinjam boleh pinjam dalam RM10 boleh *onmlah*. Akan tetapi dia mengata, mengata perkataan macam-macam malah tadi apabila Yang Berhormat menyebut menggunakan 'R' bergulung-gulung itu saya teringat macam mana cara Ahmad Sabu mengejek Dato' Seri Anwar Ibrahim dengan menggunakan 'R' dan sebagainya. Jadi saya hendak tahu siapa yang patut minta maaf pada siapa sebenarnya ini?...

Tuan Ahmad bin Hussin: Sabar ya...

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih pada Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Biar saya baca yang pertama dahulu, apa kata suara Anwar yang Dato' tadi Ahmad Sabu, saya Anwar dan di mana?

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Siapa depan, siapa belakang?

Tuan Ahmad bin Hussin: Kita akan jawab sekali Tuan Yang di-Pertua.

Seorang Ahli: [Ketawa]

Tuan Ahmad bin Hussin: Tentang Ahmad Sabu ya, pemimpin-pemimpin PAS sanggup bertindak sesuka hati. Membelakangkan ajaran Islam sehingga pemimpinnya yang berkhawat dengan isteri orang terus dianggap sebagai pejuang Islam. Di mana Anwar kata, Anwar berkata depan puluhan ribu manusia ketika berucap dalam perhimpunan rakyat di padang Pandamaran di Telok Intan, Perak pada 20 Mac 1995. Jadi saya hendak bersihkan Mohammad Sabu ini dahulu sebab dia Timbalan Presiden PAS parti Islam! Islam ini mulia! *Ad-din as a way of life*, dengan izin. Mana boleh cerita ini, Anwar cakap, tarik balik! Saya katalah. Walhal Mohammad Sabu pun berkata macam itu juga jadi dua kali lima, lima kali dua sepuluh! Sama sahaja.

Kita balik pada orang miskinlah. Kita mari sini, kita hendak selesaikan Tuan Yang di-Pertua hal orang miskin bukan orang kaya. Orang kaya kita tidak mahu bincang sudah. Kita hendak bincang orang miskin... [Disampuk] Itu Yang Berhormat sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua: Cukuplah Yang Berhormat... [Ketawa]

Tuan Ahmad bin Hussin: Okey, tentang kemiskinan pula, Sarawak paling ramai miskin tegar Tuan Yang di-Pertua, ini surat khabar. Kata Tun Dr. Mahathir dengan izin, "We observed that to the hard core poor group we give all SOCSO assistance and we even build homes for them. I challenge anyone who can prove other nations in the world who have the same programmed to take for the people the way we have done". Jelas tidak ada satu dalam dunia ini yang menjalankan program untuk membantu orang-orang susah macam yang ada di Malaysia. Ini pada tahun 1987, 1988, 1989 semasa Mantan Perdana Menteri menjadi Perdana Menteri, Program Pembangunan Rakyat Termiskin telah dilancarkan. Di mana pada masa itu, 350 orang rakyat miskin dan untuk menentukan termiskin ialah RM175 dua orang anak, suami isteri dan sekarang sudah jadi RM400 lebih baru miskin dan RM1,500 sekarang pun sudah miskin.

Jadi makna sudah naik taraf perjuangan kerajaan dari dahulu sampai sekarang dan sekarang saya minta satu. Saya cadangkan di Dewan yang mulia ini untuk memperkembangkan e-Kasih itu sendiri iaitu daftar orang-orang miskin tegar. Inilah punca kepada kita tidak sampai untuk bantu mereka yang benar-benar perlukan bantuan. Jadi saya cadangkan supaya:

- (i) program atau projek ditujukan terus kepada keluarga termiskin. Bagi tujuan ini daftar e-Kasih yang mengandungi nama keluarga-keluarga termiskin yang mengandungi nama ahli keluarga, pekerjaan dan pendapatan perlu digunakan; dan
- (ii) berpandukan kepada daftar e-Kasih, agensi-agensinya pelaksana kesemua sekali sendiri harus pergi menawarkan bantuan kepada keluarga termiskin dan tidak lagi menunggu mereka datang tampil memohon bantuan seperti yang dilakukan sekarang.

Kalau benar kita hendak turun hendak bermain di padang yang luas kita kena turun, kerajaan kena turun, agensi kena turun cari orang-orang yang miskin tegar. Kalau tidak, sampai bila pun kita tidak dapat selesaikan *majority of them*, dengan izin. Kalau dahulu kita boleh buat, masa PPRT kita boleh buat, kalau seseorang itu mengandungi kita kata, doktor, *nurses* pergi rumah buat *checking* bagi bantuan, segala bantuan susu, baik minyak baik segala makanan kita bagi. Kenapa sekarang kita tidak boleh buat? Kita harap bangun, turun cari mereka-mereka ini.

Bagi bantuan yang disebut yang disebut tadi, saya amat setuju iaitu kalau tahun ini kita bagi RM500 tahun depan pun kita bagi RM500. Ini kerana kita jangan berhenti sekerat jalan sebab kita hendak hadapi pilihan raya, kita hendak tolong mereka selesa hendak mengundi sihat tubuh badan dan fikiran lapang, anak sekolah pun okey, ketua keluarga pun okey dan akhirnya mereka akan dengan ikhlasnya akan mengundi pihak kerajaan, *insya-Allah*.

Bagi petani Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cadangkan dua, tiga perkara ini penting. Kerajaan harus timbang untuk beri subsidi harga padi tanpa had luas kawasan ini penting. Sebab ada tanah kerajaan, ada tanah usaha, ada tanah tidak ada geran, ada tanah dalam permohonan, ada tanah TOL. Mereka ini hanya mendapat bantuan baja dan sudah sampai masanya semua tanah-tanah yang saya sebut tadi termasuk yang bergeran. Ke semua sewajarnya diberi subsidi harga padi kepada mereka. Ini cadangan yang cukup baik. Ini bermakna kita benar-benar menolong tiap-tiap petani yang mana telah berusaha untuk memberi kita makan.

Kedua, saya cadangkan tanah-tanah yang telah diusahakan berpuluh-puluh tahun ini direhatkan beberapa masa. Mungkin setahun, mungkin dua tahun ikut tempat-tempat yang sesuai. Akan tetapi apabila direhatkan, kita harus ikut kerajaan Jepun kita bayar satu relung dalam mungkin RM1,300 satu hektar, RM4,500 tidak ada masalah. Kalau kita tidak rehat tanah, tanah tidak akan jadi subur dan dalam jangka panjang kita tidak boleh dapat 10 metrik tan satu hektar, tidak boleh dapat sampai bila pun tidak boleh. Ini saya sebut dalam Dewan yang mulia ini, tetapi kalau kita rehatkan tanah setahun, dua, maka traktor boleh masuk dengan mudah, jentera boleh masuk dengan mudah. Kalau sekarang disebut 'jerluh', ia masuk ke dalam, hilang habis traktor. Kacau ini. Ini untuk petani.

Kemudian, *matching grant* untuk petani apa dia *matching grant*? Ini orang Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, kita harus tambahkan *matching grant*. Ini kerana bagi negara-negara maju semua petani-petani ada jentera, boleh beli sendiri. Katalah jentera itu RM5,000, petani RM2,500, kerajaan RM2,500. Kalau RM10,000, petani RM5,000 dan kerajaan RM5,000 ini *matching grant* kita kena bagi, kita kena tambah seluruh negara. Biar semua petani-petani berusaha kuat untuk mengeluarkan pengeluaran padi secukupnya bagi bank padi di Malaysia, jadi kita tidak payah import.

■1610

Akan tetapi apa pun kita tidak buat. Berapa puluh bilion kita keluarkan duit untuk import beras. Bagi nelayan, saya hendak cadangkan semua kawasan nelayan kita adakan perumahan yang cukup selesa bagi mereka. Kalau kita benar berjuang untuk rakyat, '*rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan*', 1Malaysia, kita kena tolong nelayan-nelayan luar bandar. Nelayan memberi nyawa, darah, air mata untuk dapatkan ikan, kita kompelin ikan mahal dan sebagainya, mereka susah. Jadi sekarang saya minta perumahan nelayan nombor. Satu. Kedua diesel. Diesel kita samakan, laut dalam, tepi pesisiran, asalkan dia nelayan, kita bagi RM1.30, selesai masalah. Sekarang ini *complaint* laut dalam mahal sangat. Jadi adalah - dan kalau sekarang kita bagi RM200 kepada nelayan, kita tambah. Apa salahnya, tambah RM100 lagi, RM300 kepada nelayan-nelayan. Ini nelayan mesti dengar, mereka sokong kerajaan, jangan takut.

Gerakan koperasi. Ini penting Tuan Yang di-Pertua. Kita ada sembilan ribu lebih koperasi yang berdaftar dan kita ada 6.7 juta ahli. Saya hendak minta dua perkara sahaja kepada kerajaan. Di hari yang mulia ini, di Dewan yang mulia ini, satu, ANGKASA dijadikan Bank Koperasi Islam Malaysia. Ini amat-amat menyentuh hati perasaan tiap-tiap ahli koperasi. Ini cara hendak tawan rakyat, bukan sembang sahaja, bukan retorik sahaja, buktikan, bagi lesen. Bank Koperasi Islam Malaysia, sekarang saya nampak payah sangat, ada sebab-sebab tertentu. Saya ingat soal peribadi kita buang, kita bagilah kepada ANGKASA. Saya harap bila saya keluar dari Dewan ini, saya dengar kerajaan membuat keputusan positif untuk menolong seluruh enam juta lebih manusia. Mereka akan berasa bangga apabila dapat bank koperasi. Dia akan pergi bank itu saja, dia tidak pergi CIMB, dia tidak pergi RHB, dia tidak pergi dah Hong Leong, dia pergi kepada bank dia sendiri.

Kedua, saya minta, ini penting. Cukup-cukup penting dan menyayat hati kalau kita buat macam ini. Jangan beri bank kod potongan gaji, jangan. Saya tidak setuju sekali-kali dan rakyat luar bandar tidak setuju, koperasi tidak setuju kalau kita bagi bank jadi kaya kaya kaya, yang koperasi jadi bankrap bankrap bankrap, jangan. Balik ke asal, jangan bagi, jangan bagi dia potong. Kita bagi kepada ANGKASA sahaja. Ini penting sebab bank ini boleh bagi orang bankrap bila-bila masa. Kalau koperasi 60 peratus, kalau *take home pay*, dengan izin, 60 dia bagi, kalau kurang dia tidak bagi. Bank dia tidak peduli. Gasak-gasak, hang hendak susah, hang hendak muflis, hang hendak bankrap, dia tidak ambil tahu. Dia kira hendak makan duit sahaja, sebab itu tiap-tiap bank RM4 bilion untung. Ini apa cerita?

Inilah perkara yang kita, kerajaan kita bagi perhatian serius kepada cadangan yang kedua yang cukup baik ini. Itu koperasi, nelayan, koperasi, petani.

Ini kerajaan Perlis..., kembang saya tidak habis lagi. Kerajaan Perlis, melalui MPI, saya mintalah untuk dijual kilang simen yang ada di Bahau dan ada di Bukit Ketri di Perlis. Bagilah untuk jual kepada negeri Perlis dan kita akan beli dalam harga RM1.2 bilion. Surat kita hantar kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan saya berharap, merayu sungguh-sungguh. Sekarang kilang simen untung antara RM80 juta dan RM100 juta. Jadi kalau Kerajaan Negeri Perlis dapat 10 peratus syer, kita sudah ada RM8 juta sampai RM10 juta tiap-tiap tahun dan kita boleh bayar hutang-hutang kita dengan Kerajaan Persekutuan. Itu bahagian itu sahaja.

Okey, Bersih 1.0, 2.0 dan 3.0, kita tidak tahu Bersih ini banyak mana lagi, yang hendak datang ini kita tidak tahu, 100 pun boleh jadi. Orang yang terdesak ini, 100 pun dia buat. Jadi saya hendak beritahu macam mana boleh jadi "Bersih". Rupanya Bersih mula di Perlis, ini dia gambarnya... [Menunjukkan sekeping gambar] Yang naik atas bas dahulu, semua yang kena tangkap di Sungai Dua, ada dengan saya. Saya hendak minta Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan untuk *check* tengok siapa dalam ini. Semua ini tidak *clear*, nampak gigi saja. Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan, nanti saya hendak jumpa di luar. Bersih ini mula di Perlis, dia bawakan dokumen-dokumen dan dia masuk dalam masjid kerajaan negeri. Dia bagi di dalam itu selepas sembahyang Jumaat, lepas itu baru dia kena tangkap di Sungai Dua.

Saya hendak sebut di sini macam mana Bersih boleh wujud. Bersih boleh wujud kerana Yang Berhormat Dato' Seri Anwar Ibrahim telah menggunakan Ambiga sebagai 'budak suruhannya' sahaja. Seorang *lawyer* boleh jadi terbodoh dengan Yang Berhormat Dato' Seri Anwar. Yang Berhormat Dato' Seri Anwar berjanji kalau Ambiga sanggup bekerjasama dengannya, maka sebagai balasan, Ambiga akan menjadi calon mewakili Pakatan Rakyat dalam Pilihan Raya Ketiga Belas nanti. Ini Yang Berhormat Dato' Seri Anwar sudah buat janji dengan Ambiga. Apa tugas Ambiga? Pertama sekali membawa dua pucuk surat untuk diberikan kepada Hillary Clinton, Setiausaha Negara Amerika Syarikat dan *First Lady* Obama. Inilah yang kita lihat Ambiga pergi menerima bintang kebebasan wanita. Apa beliau buat? Senator wanita ini apa, tidak berjuang? Ambiga berjuang? Beliau dapat Bintang di Amerika dan Perancis untuk kelabukan mata kita. Surat Yang Berhormat Dato' Seri Anwar dalam itu disebut - macam mana saya tahu, tanya Yang Berhormat Dato' Seri Anwar. Jangan tanya saya, tanya Yang Berhormat Dato' Seri Anwar.

Beliau kata beliau telah dianiaya. Komplot hendak menjatuhkan beliau. Ini ada satu rangkaian yang membunuh karier beliau. Oleh itu, bagilah untuk Bersih dan bagilah untuk pembebasan beliau. Akhirnya beliau dibebaskan, tidak kena mengena dengan kerajaan pun. Jadi sekarang, saya hendak beritahu Yang Berhormat Dato' Seri Anwar ini sebagai ejen negara luar, telah diperbodohkan melalui Ambiga. Jadi sebab itulah kita lihat kuasa-kuasa besar telah menekan Malaysia pada satu masa dahulu. Yang Berhormat Dato' Seri Anwar mendapat satu untuk Bersih, satu lagi untuk pembebasan diri beliau. *So* kalau Yang Berhormat Dato' Seri Anwar tidak puas hati, beliau boleh jumpa saya. Saya boleh jumpa dengan beliau *anytime, any place, anywhere* dengan izin, tidak ada masalah. Berani cakap berani buat. Kalau saya berani cakap, saya berani buat. Beliau boleh *call anytime*. Saya hendak beri nombor telefon kepada beliau.

Tentang SPRM. Saya hendak *quote and unquote* Dato' Nalla. Akan tetapi Yang Berhormat Dato' Seri Anwar perlu jelaskan Akuan Murad, tajuknya. Akuan berkanun bekas Penolong Gabenor Bank Negara Datuk Abdul Murad Khalid, Allahyarham ya, 15 tahun yang lalu bahawa Yang Berhormat Dato' Seri Anwar terlibat dalam mengawal 20 akaun induk melibatkan nilai RM3 bilion sehingga kini masih menjadi tanda tanya. Saya harap SPRM masuk *check* lihat sebab saya sudah sebut secara rasmi. Betulkah Yang Berhormat Dato' Seri Anwar ada punca kewangan sampai RM3 bilion? Atas tekanan Murad, kebetulan telah menarik balik kata Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan. Ini saya baca surat khabar. Dato' Nalla boleh jumpa saya.

Pada 26 Oktober 1999, Abdul Murad mendedahkan dalam akuan berkanunnya bahawa Yang Berhormat Dato' Seri Anwar mengawal sebanyak 20 akaun induk yang diuruskan oleh kroni-kroninya membabitkan aset, saham dan wang bernilai lebih RM3 bilion. Jadi sebab itulah kita tidak hairan, setiausaha sulit beliau pun boleh beli saham berjuta-juta. Mana duit? Duit kapur duit kerajaanlah. Masa itu mereka kontrol Kementerian Kewangan. Sekarang ini kalau mereka hendak jumpa Tuan Yang di-Pertua, saya ada, *anytime*.

Kita sumpah, saya hendak minta satu lagi. "*Wallahi Wabillahi Watallahi*", saya minta Majlis Fatwa Kebangsaan diminta untuk meneliti dengan mendalam untuk elak kekeliruan umat Islam iaitu apa garis panduan peraturan bersumpah dalam Islam. Dr. Ismail Ibrahim, bekas Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan mengatakan sumpah adalah di antara dia dengan Allah SWT. Kalau dia melakukan dengan ikhlas, orang lain tidak harus mempertikaikannya. So, saya minta Anwar sumpah. Saya sumpah, Anwar sumpah. *One-by-one*.

■1620

Kemudian rayuan kes Saiful. Saya rasa ini penting kerana notis difailkan pada *last date*, pukul 4.30 petang. Saya ingat sudah tidak ada, sudah habis Tuan Yang di-Pertua tetapi ada, sebab apa? Notis Rayuan ini difailkan atas dasar undang-undang tanpa ikut emosi. Bukan emosi. Kerajaan ini tidak ikut emosi. Kalau ada fakta undang-undang, dia *appeal*. Ini maknanya kita beri keadilan bukan sahaja kepada Anwar tetapi kita beri juga kepada Saiful. Akan tetapi *Bar Council* kata apa dengan izin, "*Don't appeal sodomy to verdict*". Ini *Bar Council* kata seorang, seorang lagi *lawyer* S. Surendran. Tidak ada asas Peguam Negara rayu. Kemudian Karpal Singh kata apa? "*Desak Peguam Negara tidak rayu keputusan*".

Jadi ini benar-benar yang tidak faham. Dalam sistem *separation of powers* dengan izin, pengasingan kuasa, mana boleh *lawyer* yang membela dia juga meminta supaya jangan kerajaan *appeal*. Tidak ada. Ini kerja bodoh. Ini *lawyer* bodoh. Karpal Singh boleh saman saya. Saya kata dia bodoh dan dia dapat dekat sejuta. Anwar bayar pada dia. Bayar di mana? *Bank of London!* Karpal tidak tahu mengenai ini. Dia tidak bodoh dan dia tidak tahu kita tahu. Kita pun tidak bodoh, kerajaan ini tetapi kita tidak cakap. Di dalam Dewan yang mulia saya cakap. So Anwar boleh nafikan hari ini kata betul atau tidak dia bayar. Saya bersyukur Tuan Yang di-Pertua kerana sekarang Mahkamah Rayuan sudah ada lima hakim. Kalau dahulu tiga orang hakim, sekarang sudah lima orang. Hendak buat apa? Saya harap kelima-lima orang hakim ini nanti apabila membicarakan kes Anwar, Karpal Singh dan Mat Sabu berhati-hatilah. Jangan takut.

Takut hanya kepada Allah kalau dia hakim Islam, dan bukan Islam kena takut kepada Tuhan dia. Saya tidak kata hendak bagi kena atau tidak sebab rayuan telah dibawa tetapi satu tanda tanya berilah keadilan sebenar-benarnya. Tegakkan keadilan sebagaimana dalam *Federal Constitution*. Bagi mereka saya cadangkan satu lagi untuk mewujudkan 'mahkamah perlembagaan' sebagaimana di Thailand. Di Thailand SMS kepada Raja kena 20 tahun. SMS sahaja. Entah siapa curi dia punya *handphone*, dia tidak peduli. Kenapa tidak jaga? Ini *you* punya.

Jadi kalau di Thailand kerana SMS hina Raja sahaja kena 20 tahun, kalau di Malaysia saya harap tidak terlepas mereka yang telah menghina Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak. Ha! Baru dia tahu! PTPTN, saya bersetuju dengan fatwa mengatakan haram tidak bayar PTPTN. Hutang tidak bayar, siapa ajar? Ini Anwar ajar. Dia hendak bagi mati orang Islam semua. Dia hendak perbodohkan Islam ini. Kalau kita tidak bayar hutang, roh kita tercangkuk di sana tidak tahulah di had aras yang ke berapa, tahu? Ini yang dia ajar. Dia ajar kita jadi bodoh dan kita lari daripada kehendak-kehendak Islam. Mana boleh hutang tidak bayar. Tidak ada dalam Islam, orang Melayu hanya hutang tidak bayar, hanya dia seorang sahaja. Dia kata jangan bayar. Hendak ikut lagi? Bodoh kalau ikut! Saya ada satu atau dua sahaja lagi. Berapa minit lagi hendak bagi?

Timbalan Yang di-Pertua: Berapa minit lagi Yang Berhormat perlukan?

Tuan Ahmad bin Hussin: Sedikit sahaja. Bukan senang hendak cakap Anwar bodoh.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya bagi Yang Berhormat 10 minit lagi boleh?

Tuan Ahmad bin Hussin: Boleh?... *Alhamdulillah*. Untuk menyatakan bahawa kita sebenarnya benci kepada Israel, kita kata macam itulah senang sebab saya hendak baca di sini "bahawa Dewan ini kita biasa buat mengambil maklum mengenai isu pencerobohan Israel terhadap Lubnan dan Palestin serta menyelesaikan krisis Israel-Palestin yang semakin meruncing".

Kita buat dalam Dewan. Kita tidak cakap di luar Dewan. Puak-puak lain dia cakap di luar. Habis *stage* dia naik, seluruh negara tetapi bila dalam Dewan tidak cakap. Kita cakap dalam Dewan. Kita bawa dalam Dewan Tuan Yang di-Pertua dan kita memang menentang seratus peratus. Oleh sebab itulah pada masa *Asia Pacific Parliamentary Forum* kita telah bersetuju bawa soal Gaza, soal *survival* orang Palestin ialah soal nombor satu dan pada masa itu mereka tertanam negara Kanada untuk menentang kita.

Apa kita buat? Saya jurucakap untuk *terrorism* untuk Malaysia. Kita bersetuju kita tidak sains langsung. Deklarasi. Malaysia kata kita tidak akan sains. Kalau tidak sains deklarasi pada hari itu kerana mereka tidak setuju tentang Gaza. Mana boleh? Esok Parlimen Palestin bila dia mesyuarat tengok Malaysia tidak sokong. Apa, mana muka kita, maruah kita, Perdana Menteri kita, Menteri Kabinet kita, dan rakyat? Kita tidak setuju dengan perjuangan Palestin ini. Jadi kita bersetuju pada hari itu. Saya bagi tahu Timbalan Speaker pada masa itu kita jangan sains. Kemudian Timbalan Speaker kata kalau tidak sains, saya pun setuju. Saya jumpa dengan Indonesia. Indonesia kata kalau Malaysia tidak sains kita tidak akan sains. Kita jumpa dengan Brunei Darussalam, Brunei pun kata kita pun sokong. Akhirnya kita dipanggil oleh Speaker Dewan Singapura, Abdullah Tarmugi dan minta kita tolong sains dan hendak rekod di situ bahawa tahun depan di Mongolia, kita tidak hendak perkara ini berlaku.

Oleh sebab itulah akhirnya barulah Timbalan Speaker kita sains. Jadi maknanya kita tegas dalam menentukan nasib masa depan Palestin. Jadi yang kata kita menyokong – mereka kata FELDA ini berniaga dengan Israel. Siapa ajar mereka ini, siapa cerita pada dia? Sebenarnya kapal itu Tuan Yang di-Pertua, dia pergi ke Pelabuhan Israel. Memang betul. Bukan pergi jual di situ. Cuma hendak *corner* masuk pergi Palestin. Orang Palestin yang order barang-barang itu untuk orang Gaza. Ini yang dia pusing balik. Dia ingat kita ini bodoh. Jadi janganlah kita terikut-ikut dengan mainan pembangkang yang sentiasa membangkang dalam semua keadaan. Saya ucapkan tahniah kepada Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak dengan kata-kata tentang FELDA.

Saya hendak menutup ini... Oh! Yang Berhormat Mumtaz binti Md. Nawi minta saya bercakap. PAS minta saya cakap. Saya hendak cakap juga sebab nanti Yang Berhormat Mumtaz binti Md. Nawi duduk di luar. Dia kata apa Yang Berhormat. Dia kata Yang Berhormat tolong cerita tentang apa jadi pada industri minyak kelapa dara? Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2006 saya telah membentangkan industri minyak kelapa dara dalam Parlimen ini tetapi Parlimen di sanalah... *[Ketawa]* Jadi itulah saat-saat pertama Malaysia terdedah dengan *virgin coconut oil* dan akhirnya industri itu telah berkembang di seluruh dunia.

Malaysia sudah. Dunia lain pun ikut. Masa itu Amerika, Filipina, Singapura. Malaysia tidak ada lagi. Setitik pun tidak ada boleh buat *virgin coconut oil*. Bila saya kata bila makan *virgin coconut oil*, habis biji manis. Kulit terang benderang. Cantik sampai bila-bila. Semua orang Kementerian Pertanian pun tulis surat pada Pak Lah. Pak Lah bagi RM22 juta. Tanam kelapa. Seorang bangun, Tuan Yang di-Pertua dan dia tanya. Yang Berhormat, yang kata minyak kelapa dara ini adakah dibuat daripada kelapa muda? Saya ingat lagi Datuk Rashid. Saya kata Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya kelapanya tua tetapi minyaknya dara.

Saya berakhir dengan kata-kata Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak. Ini datang daripada hati Dato' Sri. Apa Perdana Menteri kata tentang FELDA? *"Saya tidak akan mengkhianati legasi FELDA ini apatah lagi saya sebagai anak kepada pengasas FELDA, sudah tentu tidak akan mengkhianati perjuangan ayahanda saya yang telah membina FELDA dengan bersusah payah, dengan jerih perit. Pengorbanannya yang telah dilakukannya bertahun-tahun adalah menjadi matlamat saya untuk melakukan yang terbaik supaya legasi Tun Razak bukan sahaja dipertahankan tetapi juga ditambah nilai mengikut kesesuaian masa"* - Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak. Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

■1630

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Ahmad Hussin. Yang Berhormat begitu ghairah sekali, begitu bersemangat sekali berucap. Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya Yang Berhormat Hajah Rohani binti Abdullah.

4.31 ptg.

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: *Bismillahir Rahmaanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberi kesempatan untuk turut serta berucap menjunjung kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sebelum saya memulakan ucapan ini, izinkan saya terlebih dahulu mengucapkan syukur ke hadrat Allah SWT kerana telah dilantik sebagai Ahli Dewan Negara pada 26 Januari lalu.

Timbalan Yang di-Pertua: Tahniah Yang Berhormat.

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: Terima kasih. Saya ingin ucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Haji Ahmad bin Said, Menteri Besar Terengganu di atas kepercayaan yang telah diberikan kepada saya. *Insyaa-Allah*, saya akan jalankan tugas saya dan amanah ini sebaik mungkin selari dengan hasrat Gagasan 1Malaysia, 'Rakyat Didahulukan, Prestasi Diutamakan'.

Saya juga mengharapkan dan menghargai bimbingan dan pandangan daripada Tuan Yang di-Pertua dan juga Timbalan Yang di-Pertua berserta rakan-rakan Ahli Dewan Negara lainnya yang lebih berpengalaman. Mudah-mudahan Dewan yang mulia ini akan menyumbang kepada perundangan negara khususnya bagi memastikan negara tercinta ini menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, permulaan kalam saya ucapkan syukur ke hadrat Allah kerana diberi peluang untuk turut sama memberikan ucapan Junjung Kasih Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong yang sudi berangkat menyampaikan titah ucapan di Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Persidangan Penggal Kelima, Parlimen Ke-12 pada 12 Mac yang lalu.

Pertamanya Tuanku telah menyentuh mengenai Gagasan 1Malaysia. Sesungguhnya Gagasan 1Malaysia, 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan' yang diperkenalkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah satu gagasan penting sebagai landasan dalam membawa negara sebagai negara maju berpendapatan tinggi.

Gagasan 1Malaysia ini telah diterjemahkan dalam pelbagai produk. Inisiatif kerajaan terutama mewujudkan pelbagai produk di bawah jenama 1Malaysia adalah bertepatan dengan konsep negara Madinah yang diasaskan oleh Rasulullah SAW dan menjaga kebajikan rakyat pelbagai kaum. Kerajaan sentiasa mengutamakan kebajikan rakyat dengan mendahulukan perpaduan dan keharmonian masyarakat pelbagai kaum sehingga Malaysia menjadi teladan kepada negara di dunia ini.

Beberapa produk diperkenalkan di bawah jenama 1Malaysia seperti Klinik 1Malaysia, Kedai Rakyat 1Malaysia, Perumahan Rakyat 1Malaysia, Menu Rakyat 1Malaysia, Amanah Saham 1Malaysia, Kedai Ikan Rakyat 1Malaysia, Bantuan Rakyat 1Malaysia dan terbaru Skim Amanah Rakyat 1Malaysia iaitu SARA 1Malaysia.

Saya ingin menyentuh program Menu Rakyat 1Malaysia yang sehingga kini telah mendapat sambutan sejumlah 1,126 premis makanan seluruh negara dengan menjual sarapan pagi pada harga terendah RM2 dan makan tengah hari RM4 sehingga kini. Langkah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) ini wajar mendapat pujian kerana membantu rakyat menangani kos sara hidup yang terus meningkat khususnya di kawasan luar bandar.

Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, apakah sasaran bilangan restoran yang menyertai program MR1M ini dan nyatakan langkah kerajaan bagi menarik lebih banyak restoran menyertai program ini termasuk memastikan penyertaan pengusaha restoran dari berbagai bangsa. Saya ingin cadangkan agar program Menu Rakyat 1Malaysia ini diperkenalkan di semua kafeteria dan kantin di pejabat-pejabat kerajaan, termasuk di Parlimen ini.

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku turut menyentuh berhubung dengan Dasar Transformasi Nasional yang merangkumi pelbagai program seperti Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi, Program Transformasi Politik dan Program Transformasi Luar Bandar.

Berhubung dengan Program Transformasi ini, saya ingin menyentuh tentang sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan khususnya pihak berkuasa tempatan atau PBT yang menjadi barisan depan kerajaan. Sektor awam yang bertanggungjawab dan efektif adalah penting kerana persepsi dan tanggapan rakyat terhadap kerajaan banyak terbentuk melalui pengalaman mereka ketika berurusan dengan barisan depan agensi awam khususnya PBT ini. Salah satu inisiatif yang meningkatkan sistem penyampaian bagi PBT adalah Pelan Strategik Teknologi Maklumat iaitu PSTM yang merupakan komponen Pelan Transformasi Nasional supaya sistem penyampaian diperkasakan menerusi penggunaan teknologi terkini.

Bagi tempoh 2011 hingga 2015, pelan ini telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 4 Februari 2012 di Kuantan, Pahang. Kerajaan Pahang telah diberi peluang untuk membangunkan pelan strategik ini secara serentak di semua 11 PBT dengan menggunakan sumber dalaman sepenuhnya. Pelan yang dilaksanakan di Pahang dengan kerjasama Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia iaitu MAMPU, hanya dengan kos sebanyak RM100,000 sahaja berbanding jika dilaksanakan secara *outsourcing* sebanyak lebih RM1 juta menelan perbelanjaan. Memandangkan kos pelaksanaan Pelan Strategik Teknologi Maklumat yang menjimatkan ini, saya ingin mencadangkan agar program ini dikembangkan kepada semua PBT di seluruh negara.

■1640

Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, sejauh manakah pelan ini akan dilaksanakan oleh PBT di peringkat negara bagi meningkat kecekapan sistem penyampaian semua PBT. Berhubung dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) ingin saya menyentuh tentang pemasangan CCTV di kawasan PBT bagi mengurangkan kadar jenayah. Saya dapati usaha pemasangan CCTV ini adalah berkesan bagi mengurangkan kadar jenayah. Walau bagaimanapun, saya difahamkan PBT tidak dapat meneruskan pemasangan CCTV ini kerana kekurangan peruntukan. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan, sejauh manakah kemajuan pemasangan CCTV di kawasan PBT di seluruh negara dan sejauh manakah keberkesanannya dalam mengurangkan kadar jenayah serta adakah kerajaan bercadang menyediakan peruntukan khusus bagi pelaksanaan pemasangan CCTV ini di kawasan PBT.

Tuan Yang di-Pertua, berkait isu Dasar Perumahan Negara kerajaan yang ada pada hari ini adalah kerajaan yang prihatin dengan nasib rakyat dan mengotakan janji khususnya dalam menyediakan rumah untuk rakyat. Kerajaan telah mengambil inisiatif yang bersungguh-sungguh bagi memastikan setiap rakyat memiliki rumah kerana rumah adalah asas bagi pembinaan keluarga dan rakyat bahagia serta sejahtera. Kerajaan telah memperkenalkan banyak program perumahan rakyat.

Antaranya Program Perumahan Rakyat, Program Rumah Awam, Program Bantuan Rumah dan Program Rumah Mesra Rakyat serta memperkenalkan Skim Rumah Pertamaku dan Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA).

Berhubung dengan Dasar Perumahan Negara, saya ingin menyentuh berhubung dengan Skim Rumah Pertamaku. Kerajaan telah memperkenalkan skim ini pada 2011 bagi membolehkan golongan muda berumur 35 tahun dan berpendapatan RM3,000 ke bawah untuk mendapat pinjaman perumahan pembelian rumah 100 peratus tanpa perlu membayar deposit 10 peratus sekiranya harga rumah di bawah RM220,000. Saya mohon penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, jumlah peminjam yang telah menerima pinjaman ini dan jumlah pinjaman yang diluluskan sehingga kini.

Berhubung dengan Skim Rumah Pertamaku, saya ingin mencadangkan agar bank-bank yang memberi pinjaman di bawah skim ini akan memanjangkan tempoh bayaran balik kepada tempoh yang maksimum bagi meringankan beban bayaran balik pinjaman kepada mereka yang pendapatannya RM3,000 ke bawah. Berhubung dengan hasrat kerajaan bagi memastikan setiap rakyat memiliki rumah yang sesuai, saya ingin mencadangkan agar satu pangkalan data yang lebih lengkap berhubung dengan pemilikan rumah disediakan oleh KPKT dengan kerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri supaya rakyat yang tidak memiliki rumah sendiri dapat didaftarkan dalam satu pangkalan data yang lebih lengkap. Selain itu, saya ingin mencadangkan agar kerajaan menyediakan perancangan perumahan negara yang lebih komprehensif bagi memastikan setiap rakyat negara ini dapat dan mampu memiliki rumah sendiri bukan sahaja selepas berumah tangga malah seawal mula mendapat pekerjaan.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan subsidi barangan keperluan. Kerajaan juga di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak beriltizam untuk meringankan beban rakyat. Perkara asas yang sering dibangkitkan adalah rungutan rakyat mengenai masalah harga barang. Inilah yang menjadi isu yang selalu dipermainkan oleh pembangkang. Untuk meringankan beban rakyat, kerajaan terus memberikan subsidi kepada beberapa barangan utama. Kerajaan telah memberikan subsidi gula sebanyak RM567 juta, tepung gandum RM113 juta, minyak masak RM1.52 bilion, beras super tempatan 15 RM448 juta, petrol RON95, diesel dan LPG RM17 bilion dan subsidi elektrik RM150 juta.

Jumlah tanggungan subsidi kerajaan dijangka akan meningkat kepada RM19.47 bilion pada tahun ini berbanding RM18.68 bilion tahun lepas dan RM10.3 bilion pada tahun 2010. Subsidi sebenarnya membebaskan kewangan kepada kerajaan tetapi kenaikan harga barang akan juga membebaskan rakyat. Maka subsidi kerajaan kepada barang keperluan perlu diteruskan. Sebagai contoh harga sebenar tepung ialah RM1.90 sedangkan harga subsidi RM1.35. Bermaksud pemberian subsidi 55 sen. Selain itu harga sebenar gas memasak RM48.02, harga subsidinya RM26.60 di mana kadang-kadang rakyat tidak berapa tahu. Dengan pemberian subsidi sebanyak RM21.42 tanpa bantuan subsidi akan berlaku inflasi di dalam negara dan seterusnya mengecilkan kuasa belian.

Sehubungan dengan itu, kerajaan telah mengumumkan satu lagi Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) iaitu berkaitan usaha untuk memerangi kos kehidupan yang semakin meningkat, berikutan kenaikan harga barang-barang terutamanya makanan yang dilihat sebagai fenomena global dan membebaskan rakyat. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan apakah langkah kerajaan bagi membendung kenaikan harga barang selain menggunakan mekanisme subsidi. Apakah langkah kerajaan dalam meningkatkan kecekapan dari segi pengedaran barangan supaya sampai kepada pengguna. Sebagai contoh, minyak masak kadangkala sukar diperolehi pengguna bukan disebabkan oleh faktor pengeluaran tetapi faktor pengedaran yang kurang cekap. Seterusnya saya ingin mengemukakan langkah kerajaan memperkenalkan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M) bagi menangani masalah kenaikan harga barang.

Program ini telah pun memasuki fasa ketiga dengan penglibatan pengusaha-pengusaha di kawasan masing-masing. Selain itu, kerajaan juga telah memperkenalkan projek transformasi kedai runcit iaitu TUKAR. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, jumlah Kedai Rakyat 1Malaysia yang telah diwujudkan dan kedai runcit yang telah menyertai program TUKAR.

■1650

Sejauh manakah impak KR1M dan TUKAR ini dalam membantu menangani kenaikan harga barang dan seterusnya mengurangkan beban rakyat. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan kerajaan mengenai langkah yang diambil bagi meningkatkan penyertaan pengusaha kedai runcit dalam dua program ini serta galakan yang diberikan bagi menarik lebih ramai pengusaha untuk menyertainya.

Tuan Yang di-Pertua, golongan belia merupakan teras kepada sesebuah negara kerana belia adalah merupakan sumber insan atau modal insan yang penting bagi kesinambungan pembangunan masyarakat dan ekonomi negara. Belia juga adalah merupakan pemangkin kepada proses transformasi Malaysia melalui pelbagai Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) serta membangunkan Modal Baru Ekonomi. Bagi memperkasakan golongan belia, kerajaan telah memperkenalkan inisiatif bagi membangunkan individu yang lebih kompeten dengan kemahiran kepelbagaian. Saya ingin mendapatkan penjelasan lanjut daripada kerajaan berhubung dengan inisiatif ini.

Selain daripada itu, kerajaan juga memperkenalkan keutamaan untuk mewujudkan generasi belia yang terbabit secara aktif dalam kerja sukarela. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, apakah langkah yang telah diambil ke arah melahirkan belia yang aktif dalam kerja sukarela, khususnya dalam Pasukan Sukarela Awam seperti Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) dan sebagainya.

Saya juga ingin menyentuh berhubung dengan pembangunan sukan negara. Tahniah saya ucapkan kepada Kementerian Belia dan Sukan yang telah berjaya melonjakkan negara dalam arena sukan antarabangsa seperti pencapaian gemilang 59 pingat emas di Sukan SEA yang baru lalu. Malaysia telah mencapai kejayaan yang membanggakan bagi tahun 2012 dalam sukan badminton, lumba basikal, boling padang, skuasy, menembak, sepak takraw, boling, wusyu, memanah dan bina badan. Sehubungan dengan itu, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan, khususnya KBS bagi merangka kejayaan yang lebih cemerlang bagi tahun ini. Sejauh manakah kerajaan telah mengenal pasti atlet yang berpotensi dan berwibawa yang boleh diketengahkan di arena antarabangsa.

Apakah harapan Malaysia untuk memenangi pingat emas sulung negara. Selain mengharap kejayaan cemerlang dalam bidang sukan di peringkat antarabangsa, sukan juga merupakan medium untuk mengeratkan perpaduan kaum di negara ini. Jadi, apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan penyertaan pelbagai kaum dalam semua jenis sukan di negara ini. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Hajah Rohani binti Abdullah. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kita cuma ada tiga orang lagi Ahli Yang Berhormat yang akan berucap. Jadi, yang lain itu kalau hendak berucap tolong hantarkan nama kepada saya sekarang supaya senang saya mengaturnya di sini. Seterusnya, Yang Berhormat Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus.

2.55 ptg.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi ta'ala wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bertuah kerana saya dan rakan-rakan seperjuangan sekali lagi dapat kembali ke Dewan yang mulia ini untuk bersidang untuk sesi pembukaan Dewan Negara tahun 2012 ini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang menaruh penuh kepercayaan kepada saya untuk bangun mengambil bahagian berucap Titah Menjunjung Kasih Ke Bawah Duli Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah. Tuan Yang di-Pertua, adapun saya dan rakan-rakan seperjuangan sekalian dengan limpah kurnia dan izin ke hadrat Allah SWT agar ke bawah Duli Tuanku terus dikurniakan kesihatan dan kekuatan untuk terus mentadbir negara ini bagi penggal lima tahun akan datang.

Sebelum itu, saya juga ingin mengucapkan takziah di atas pemergian sahabat baik kita iaitu mendiang Yang Berhormat Senator Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan yang telah pergi meninggalkan kita baru-baru ini. Semoga keluarganya tabah menghadapi dugaan ini dan saya sendiri berasa akan kehilangan beliau.

Tuan Yang di-Pertua, ucapan perasmian oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyentuh pelbagai perkara dan isu semasa yang saya kira perlu diberikan perhatian serius oleh semua rakan-rakan di Dewan yang mulia ini tidak kira apa-apa pun fahaman politik kita. Ke Bawah Duli Tuanku menekankan kepentingan pembangunan ekonomi serta berdasarkan ekonomi yang merangkumi *Government Transformation Plan (GTP)*, *Economy Transformation Plan (ETP)*. Izinkan saya menyentuh isu pembangunan di kawasan saya sendiri iaitu Wilayah Persekutuan Labuan.

Sejak diisytiharkan Wilayah Persekutuan, Labuan telah mengalami transformasi pembangunan yang begitu ketara. Kerajaan Pusat telah membangunkan Labuan, mencerminkan komitmen yang menjadikan Labuan sebagai sebuah pulau yang maju, aman dan sejahtera. Namun sejak kebelakangan ini, saya berpandangan terdapat sedikit isu berkaitan inspirasi dan hala tuju pembangunan pulau yang indah ini. Ia berkaitan hala tuju pembangunan Labuan ini kerana pada pandangan saya pembangunan Labuan harus berteraskan ciri-ciri berikut. Manipulasi kekuatan dan kelebihan Labuan dalam konteks pembangunan ekonomi serantau dan global. Pembangunan yang mampan dan berdaya maju untuk jangka panjang yang mampu melonjakkan ekuiti ekonomi rakyat tempatan. Memperjuangkan nasib rakyat tempatan, khususnya bumiputera yang mewakili 60 peratus penduduk Labuan dan memberikan peluang kepada mereka untuk mereka menerokai bidang-bidang yang telah dikenal pasti.

Tuan Yang di-Pertua, Labuan amat terserlah dalam banyak segi. Seharusnya penggunaan secara optimum dan holistik, lokasinya yang strategik di tengah-tengah laluan perkhidmatan pelabuhan kapal Asia Tenggara, pelabuhan laut dalam, status bebas cukai (IFC) dan sebuah Wilayah Persekutuan belum lagi dipasarkan dengan berkesan sebagai satu pakej insentif untuk menarik pelabur asing. Ramai usahawan luar yang saya temui terkejut dengan kemudahan dan kelebihan yang terdapat di Labuan. Akan tetapi apa yang mendukacitakan saya ialah majoriti daripada mereka tidak mempunyai banyak pengetahuan tentang Labuan.

■1700

Ini membuktikan Labuan tidak begitu dipromosikan kepada pelaburan sasaran yang mampu menjana pembangunan Labuan. Contoh, Labuan boleh menempatkan kilang pemasangan terakhir iaitu *final assembly plan* untuk produk luar negara bagi tujuan pengeksporan semula. Peruntukan percukaian yang liberal di Labuan membolehkan mereka memaksimumkan keuntungan dan mengurangkan kos operasi dengan menggunakan insentif yang diberikan oleh kerajaan oleh konsep *Regional Distribution Centre (RDC)* dan *International Recruitment Centre*. Mereka ini boleh menubuhkan syarikat luar pesisir dan membuat pinjaman melalui bank luar pesisir di Labuan yang menyediakan pelbagai produk dan sistem percukaian yang menarik.

Pelabuhan Labuan dan syarikat strategik logistik di Labuan mempunyai kemampuan untuk memberikan khidmat sokongan yang diperlukan. Pelabur-pelabur ini haruslah mengadakan usaha sama dengan syarikat-syarikat tempatan dan melatih pekerja tempatan. Dengan itu, kepentingan rakyat tempatan akan terpelihara. Ianya sekali gus mampu memberikan peluang perniagaan dan pekerjaan yang banyak kepada rakyat tempatan. Di samping melonjakkan peranan Labuan dalam perdagangan serantau dan global. Projek-projek pelancongan yang tidak berdaya maju harus dielakkan memandangkan Labuan tidak mampu bersaing dengan produk-produk yang ditawarkan jirannya di rantau ini. Mana-mana projek yang hanya menguntungkan beberapa individu tetapi merugikan rakyat juga perlu dikaji semula.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai salah sebuah wilayah di bawah gagasan BIMP-EAGA, Labuan mampu menawarkan peluang pendedahan antara sempadan iaitu *cross border trade*.

Ia boleh membangunkan sebagai pusat pemrosesan pemasaran dan pengagihan produk keluaran BIMP-EAGA khususnya dari selatan Filipina. Pada masa yang sama, gagasan perkilangan produk runcit seperti China, Taiwan dan Korea boleh menembusi pasaran BIMP-EAGA dengan menjadikan Labuan sebagai pintu masuk produk mereka tanpa perlu menghadapi risiko keselamatan dan kos yang tinggi. Bagi memantapkan penglibatan usahawan bumiputera dalam bidang ekonomi, satu strategi bersepadu harus diketengahkan. Labuan mempunyai ramai usahawan yang berkaliber dan komited. Apa yang diperlukan ialah peluang dan suntikan modal yang selalunya menjadi halangan.

Penawaran projek-projek kerajaan haruslah mengambil kira kepentingan rakyat tempatan yang masih ketinggalan jauh. Untuk membiarkan mereka bersaing secara terbuka dengan syarikat asing dalam bidang di atas, masih di luar kemampuan mereka. Unsur-unsur diskriminasi dan pilih kasih oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab perlu dielakkan kerana ini boleh membinasakan martabat masyarakat usahawan bumiputera di Labuan.

Saya juga ingin menyarankan agar tenaga profesional pegawai kerajaan dan usahawan tempatan digembleng dengan lebih berkesan. Anak tempatan yang berkhidmat di luar Labuan harus digalakkan dan diambil peluang untuk mencurahkan bakti di pulau ini. Kita ada rakan modal insan yang cekap, berwibawa dan bersemangat waja untuk sama-sama membangunkan Labuan. Tahap pendidikan di Labuan perlu ditingkatkan. Masih ada kes pelajar tempatan yang gagal di universiti atas desakan kewangan. Usaha juga perlu dibuat bagi memastikan lepasan siswazah mendapat pekerjaan yang sesuai dan tidak dibiarkan menganggur terlalu lama.

Dalam mengejar kekayaan material, kita perlu memastikan agar generasi muda tidak terjebak dengan kegiatan yang tidak sihat. Aktiviti-aktiviti tidak bermoral harus dibendung dengan berkesan, keseimbangan perlu ada di antara kehendak duniawi dan akhirat agar umat Islam khususnya terpelihara daripada segala cabaran yang terdapat di pulau ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ambil contoh bagaimana negara-negara Barat dapat memajukan beberapa buah pulau strategik untuk menjadikan pusat kewangan pesisir pantai. Pulau Hong Kong dari dahulu lagi memang terkenal sebagai pusat kewangan bagi Asia Timur terutamanya sewaktu ia ditadbir oleh Kerajaan British. Pada waktu itu, pelbagai inisiatif dan kelebihan disediakan untuk menarik minat pelabur-pelabur asing terutamanya dengan kata-kata aluan seperti "*the China Corridor*".

Begitu juga dengan Pulau Simen yang dijadikan pusat kewangan bagi negara-negara Eropah dan Amerika. Berbilion-bilion dolar Amerika melalui institusi-institusi kewangan di kepulauan ini juga diperkaya oleh kerajaan negaranya. Ini adalah suatu yang boleh dicontohi oleh Pulau Labuan. Jadi, apakah yang menjadi tarikan terhadap pulau-pulau itu sehingga ada yang sanggup melabur wang mereka di situ, tempat yang asing jauh dari negara asal mereka? Tuan Yang di-Pertua, jawapannya ialah hanya terletak pada kaedah pengurusan dana kewangan yang lebih bijak yang boleh ditawarkan oleh pusat-pusat keperluan ini. Jika bijak pengurusannya, maka akan tinggillah pulangnya. Dengan itu, akan meningkatkan lagi status dan tarikan pusat ini di mata pelabur-pelabur antarabangsa.

Saya dapat melihat misi kerajaan dalam pembukaan Labuan sebagai pusat kewangan pesisir pantai bukan sahaja daripada perspektif negara ini malah dari sudut rantau ini juga. Oleh sebab itu, Labuan sebagai pulau yang hanya dihuni oleh beberapa ribu penghuni yang majoritinya nelayan diberi nafas baru. Digazet daripada kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan dan dijadikan sebagai sebuah Wilayah Persekutuan maka berbilion ringgit ditaburkan di serata pulau itu atau membangunkan prasarana moden seperti dermaga, jeti, pusat kewangan, jaringan komunikasi dan struktur organisasi yang membolehkan sebuah pusat kewangan pesisir pantai ditubuhkan.

Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali kita perlulah meneliti akan keperluan mewujudkan perundangan yang khusus untuk kemudahan pengurusan kewangan dan dana di Labuan. Untuk menarik pelabur asing ke Labuan, kerajaan perlulah memperuntukkan perundangan istimewa untuk mengendalikan dana di sana.

Kalau semua perundangan ini sama seperti yang terdapat di institusi kewangan di Kuala Lumpur misalnya, maka dengan itu, Labuan akan gagal menarik pelabur asing. Ini kerana Kuala Lumpur yang mempunyai semua infrastruktur dan suasana perniagaan yang boleh meyakinkan pelabur.

Walau bagaimanapun, Labuan membawa konsep pesisiran pantai ataupun *offshore* yang mana institusi pengurusan dana dan kewangan di pulau ini memainkan peranan sebagai bank penasihat kewangan setiap pelaburan dan ejen insurans, dengan izin, *all in one*. Kelebihan pusat *official* ini, dengan izin, ialah dananya mudah untuk dialihkan dan diagihkan di tempat-tempat pelaburan yang tertentu. Pelaburan ini tidaklah terhad hanya kepada pelaburan di dalam sektor ekonomi negara itu tetapi boleh dilaburkan oleh syarikat pengurusan negara-negara lain pula.

■1710

Oleh yang demikian, pusat kewangan pesisiran pantai ini menyediakan satu pusat kewangan dengan izin *one-stop*, membolehkan pelabur menikmati pelbagai bentuk habuan dengan sekali pelaburan sahaja. Konsep inilah yang dijadikan tarikan untuk Labuan. Keperluan rang undang-undang ini juga amat perlu untuk menyeragamkan undang-undang fizikal mengenai dana yang kini bertaburan di pulau ini.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, memang saya menyokong usaha untuk menarik pelaburan asing yang mana sekali gus akan menambah hasil pendapatan negara dari unsur cukai terhadap aktiviti yang dilaksanakan pengurus-pengurus dana ini di samping membawa masuk pelaburan ke negara ini. Kita juga akan dapat meningkatkan lagi tarikan Malaysia sebagai pusat penyediaan perkhidmatan kepada dunia antarabangsa terutama dari pengendalian pengurusan kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada beberapa perkara yang saya mohon sedikit penjelasan dari pihak kementerian. Bagaimana isu cukai yang didrafkan istimewa untuk Labuan? Saya berpandangan ianya mestilah berbeza dengan Kuala Lumpur. Bagaimana kerajaan bercadang manipulasi pelaburan Labuan dan syarikat logistik sebagai khidmat sokongan? Juga bagaimana kerajaan memberi jaminan menjaga kepentingan penduduk tempatan dalam pengagihan kekayaan dan peluang pekerjaan dengan menumpukan peluang dan suntikan modal pinjaman mudah? Adakah cadangan kerajaan supaya syarikat-syarikat GLC perlu digalakkan untuk mengadakan program vendor dan menjadi rakan niaga tulen dengan syarikat tempatan? Bagaimana pula industri-industri yang diwujudkan di Labuan haruslah mempunyai ciri-ciri yang boleh membantu memajukan ekonomi Labuan secara jangka panjang, projek-projek dalam sektor petrokimia, logistik, import eksport dan tambah nilai perlu diberi keutamaan kerana di sinilah terletaknya daya saing Labuan?

Tuan Yang di-Pertua, Ke Bawah Duli Tuanku juga menekankan program transformasi luar bandar hasil dari RMKe-10 termasuk pelancaran pusat transformasi luar bandar sebagai pusat integrasi perkhidmatan. Ke Bawah Duli Tuanku turut menyatakan perasaan bangga baginda dalam memperbaharui sistem penyampaian kerajaan terutamanya yang berkaitan ICT dan jalur lebar negara seiring dengan Dasar Insentif Jalur Lebar Negara yang telah mencapai tahap penebusan di seluruh negara sebanyak 63 peratus pada tahun 2011 yang lalu. Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah di atas keprihatinan kerajaan yang memperuntukkan berbilion ringgit untuk membangunkan negara supaya kualiti kehidupan rakyat bertambah baik. Di bawah NKRA dan NKE serta ETP, kerajaan bersungguh-sungguh untuk membasmi kemiskinan terutamanya golongan sasaran di luar bandar.

Saya ingin menyentuh beberapa isu berkaitan penduduk luar bandar ini. Isu pertama ialah berkaitan kemudahan ICT bagi penduduk desa. Saya bersetuju apabila kerajaan menjadikan perkhidmatan jalur lebar sebagai salah satu medium komunikasi yang penting di Malaysia. Dengan ini, masyarakat dapat bersama-sama menikmati kemajuan teknologi seiring dengan peredaran zaman dan mencapai matlamat Wawasan 2020 iaitu mewujudkan masyarakat yang berpandangan jauh dengan menggunakan dan membuat sumbangan terhadap perkembangan tamadun sains dan teknologi masa hadapan. *Internet* sememangnya memberi banyak manfaat dan kemudahan kepada kita semua.

Pelbagai maklumat dapat dikongsi bersama dan dapat meluaskan lagi minda masyarakat untuk melihat idea-idea baru dari seluruh dunia. Namun, kemudahan jalur lebar dan ICT di luar bandar kekal ketinggalan. Sekolah-sekolah di luar bandar kekurangan kemudahan komputer, jalur lebar dan *internet*. Murid terpaksa berkongsi kekurangan guru. Saya gesa agar Kerajaan Pusat menyediakan guru terlatih dan kemudahan komputer yang mencukupi.

Saya amat bersetuju dengan usaha kerajaan dalam membuat galakan terhadap penggunaan jalur lebar di Malaysia. Namun, beberapa aspek seperti kos melanggan perkhidmatan jalur lebar perlu diberi perhatian agar ia mampu dilanggan oleh mereka yang berpendapatan rendah. Bagaimanapun, isu kos juga adalah satu isu besar kerana kebanyakan golongan berpendapatan rendah tidak mampu untuk melanggan jalur lebar berkelajuan tinggi seperti 1Mbps, tetapi mereka cuma hanya mempunyai satu pilihan iaitu melanggan *streamyx* iaitu pada kadar RM60 sebulan dengan kelajuan cuma adalah 340kbs. Selain itu juga, kadang kala pengguna yang melanggan perkhidmatan tersebut juga menghadapi masalah apabila perkhidmatan jalur lebar tidak sampai kepada pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan kemudahan saranan oleh Tuanku supaya negara kita mewujudkan hubungan kerjasama global dalam konteks ini, saya bercadang agar kerajaan mencontohi negara-negara yang maju dalam bidang jalur lebar seperti Korea Selatan dan Jepun di mana negara-negara tersebut mempunyai kadar kelajuan Internet yang sangat tinggi di samping menawarkan perkhidmatan tersebut dengan harga yang berpatutan. Kemudian dalam bidang jalur lebar dan ICT ini, kita tidak boleh terlepas dan jalur lebar sedang hangat diperkatakan oleh segenap rakyat di negara kita ekoran daripada inisiatif kerajaan untuk memperluaskan perkhidmatan jalur lebar di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus. Seterusnya Yang Berhormat Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop. Silakan Yang Berhormat.

5.18 ptg.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya rasa bertuah kerana saya dan rakan-rakan seperjuangan sekali lagi dapat kembali ke Dewan yang mulia untuk bersidang bagi sesi pembukaan Dewan Negara tahun 2012 ini. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya mengambil bahagian berucap Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al Mu'tasimu Billahi Muhabuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Badlishah.

Tuan Yang di-Pertua, harapan saya dan rakan-rakan seperjuangan sekalian, dengan limpah kurnia dan izin ke hadrat Allah SWT agar Tuanku terus dikurniakan kesihatan dan kekuatan untuk terus mentadbir negara ini bagi penggal lima tahun akan datang. Pada masa yang sama, saya turut berkongsi kesedihan dengan pemergian sahabat kita mendiang Yang Berhormat Senator Datuk Subbaiyyah a/l Palaniappan yang telah pergi meninggalkan kita buat selama-lamanya pada minggu lepas. Ucapan takziah saya kepada keluarga beliau.

■1720

Tuan Yang di-Pertua, ucapan perasmian oleh Duli Tuanku Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyentuh pelbagai perkara dan isu semasa yang saya kira perlu diberi perhatian serius oleh semua rakan di Dewan yang mulia ini tidak kira apa pun fahaman politik kita.

Pertama, Dasar Transformasi Nasional. Tuanku memuji langkah kerajaan memperkenalkan Dasar Transformasi Nasional yang merangkumi transformasi kerajaan, transformasi ekonomi dan transformasi politik serta program transformasi luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Dasar Transformasi Nasional (DTN) diperkenalkan bagi menaungi program transformasi yang sudah dan akan dilaksanakan ke arah menjayakan cita-cita mewujudkan bangsa Malaysia yang bersatu dan maju menjelang 2020. Dasar inilah yang menjadi kemuncak kepada semua program dan inisiatif untuk menjadi sebuah negara maju bermula dari tahun ini hinggalah tahun 2020. Dasar Transformasi Nasional ini juga bakal menjana keutuhan asas ekonomi negara berserta langkah rangsangan dan adalah dijangkakan ekonomi negara dijangka tumbuh antara 5 peratus dan 6 peratus pada tahun 2012 ini. Hasilnya bagi FDI dan DDI iaitu pada sektor pelaburan swasta dan awam dijangka meningkat. Disokong peningkatan pelaburan langsung asing FDI serta inisiatif oleh MITI pada DDI serta pelaksanaan projek ETP dan *Rolling Plan* Kedua di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Dasar ini sebagai bukti usaha berterusan Kerajaan Barisan Nasional dalam memastikan pertumbuhan ekonomi kekal di landasan yang betul walaupun berhadapan ketidakpastian luaran terutamanya ekonomi G3. Inisiatif strategik yang diumumkan baru-baru ini, tertumpu kepada pemantapan aktiviti domestik terutamanya dalam perkembangan sektor baru dan pelaburan. Pada masa yang sama, ia juga memastikan rakyat terutamanya golongan berpendapatan rendah dan pertengahan tidak terlalu dibebani oleh kemerosotan ekonomi global dan kenaikan harga terutamanya apabila laporan Model Ekonomi Baru menunjukkan bahawa sebanyak 40 peratus isi rumah masih berpendapatan rendah terutamanya di kawasan luar bandar. Dengan langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh kerajaan untuk meringankan beban rakyat, perkembangan positif telah dapat dilihat dalam corak perbelanjaan.

Perkara kedua ialah pertanian khususnya *food security*, dengan izin. Ke bawah Duli Tuanku menggesa agar jaminan makanan, *food security*, dengan izin, diberi penekanan utama dalam dunia global hari ini menghadapi masalah kekurangan bekalan makanan. Tuan Yang di-Pertua, sebahagian besar daripada bahan makanan untuk keperluan negara adalah diimport. Bil import bahan makanan negara pada tahun 2009 adalah RM26.7 bilion. Ini menyebabkan sebarang keadaan yang berlaku di peringkat global akan memberi kesan kepada bekalan makanan negara kita. Krisis makanan pada tahun 2008 perlu dijadikan sebagai pengajaran apabila negara menghadapi masalah kekurangan beras yang meruncing.

Rentetan daripada krisis makanan pada tahun 2008, kerajaan telah mewujudkan dasar jaminan bekalan makanan 2008 hingga 2010 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM3 bilion. Walaupun dalam pembentangan Bajet 2009, kerajaan mengumumkan peruntukan sebanyak RM5.6 bilion untuk dasar jaminan makanan negara. Dasar ini bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran bahan pertanian untuk makanan khususnya pengeluaran beras.

Selain itu, kerajaan juga bercadang untuk meningkatkan pengeluaran beras negara sehingga mencapai tahap kecukupan diri, *self-sufficiency*, dengan izin, dengan menjadikan Sarawak sebagai jelapang padi yang kesembilan. Dengan wujudnya kebimbangan mengenai krisis makanan yang bakal berlaku pada tahun 2011, maka kerajaan perlu meneruskan dasar jaminan makanan ini. Sewajarnya kerajaan mempunyai pelan strategi jangka panjang berkaitan dasar jaminan bekalan makanan. Dasar ini bukan sahaja tertakluk kepada beras tetapi juga makanan lain yang menjadi keperluan harian rakyat. Sebagai contoh, gandum yang juga menjadi makanan ruji harian sedangkan bahan mentah ini diimport sepenuhnya. Kajian perlu dilakukan bagi mendapatkan bahan alternatif bagi menggantikan gandum yang boleh ditanam di negara ini seperti tepung beras atau tepung ubi.

Dalam pada itu, bagi memastikan bekalan bahan makanan yang diimport sentiasa mencukupi, kerajaan juga dicadangkan perlu mewujudkan stok penimbal yang mencukupi untuk tempoh tiga hingga enam bulan.

Keadaan semasa di negara pembekal utama bahan makanan ini hendaklah sentiasa dipantau bagi memastikan keadaan di negara tersebut tidak menjejaskan bekalan bahan makanan. Jika ini berlaku, maka usaha perlu dilakukan untuk mendapatkan bekalan daripada negara lain yang tidak terjejas.

Para pengguna juga perlu memainkan peranan dalam menghadapi krisis makanan ini. Mereka perlu mengamalkan tanaman sayur-sayuran di halaman rumah untuk keperluan diri. Ini bukan sahaja mengurangkan perbelanjaan harian tetapi juga membolehkan mereka menikmati sayur-sayuran yang segar dan tidak dicemari dengan racun makhluk perosak.

Tuan Yang di-Pertua, ke bawah Duli Tuanku juga telah memuji kerajaan di atas inisiatif memajukan pendidikan secara percuma peringkat rendah dan menengah untuk membolehkan setiap rakyat menikmatinya tanpa mengira latar belakang serta asal usulnya. Antara inisiatif kerajaan untuk memajukan sektor pendidikan negara, sektor pendidikan telah menerima peruntukan yang besar dalam Bajet 2012. Peruntukan ini meliputi penambahbaikan sekolah yakni sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil, sekolah mubaligh dan sekolah agama bantuan kerajaan serta Maktab Rendah Sains Mara. Kerajaan juga telah memansuhkan semua yuran sekolah rendah dan menengah di semua sekolah kerajaan.

■1730

Selain itu, kerajaan telah memberikan baucar sebanyak RM200 kepada semua penuntut di Tingkatan 6, matrikulasi, IPTA serta IPTS di seluruh negara. *Boucher* buku ini walaupun jumlahnya tidak banyak, tetapi ia membantu sedikit mengurangkan beban untuk membeli buku rujukan. Bayangkan setiap semester kena beli buku baru dan harga buku bukannya murah. Satu buku secara purata berharga RM40. Di samping itu bantuan persekolahan RM100 diberikan kepada pelajar sekolah rendah dan menengah dari Tahun 1 hingga Tahun 5 di seluruh negara. Sudah yuran tidak perlu dibayar, ditambah dengan bantuan ini.

Tuan Yang di-Pertua, sepanjang dua bulan yang lalu saya berkesempatan merasmikan mesyuarat agung PIBG beberapa buah sekolah di negeri Johor. Maklum balas yang saya dapat daripada guru-guru, murid-murid dan ibu bapa mereka sangat-sangat menghargai bantuan kerajaan yang diberikan kepada murid-murid sekolah rendah dan juga sekolah menengah.

Bajet 2012 cukup membuktikan bahawa ia adalah bajet yang mesra sektor pendidikan. Semoga bajet yang akan datang, lebih mesra sektor pendidikan. Bagaimanapun saya membidas tindakan beberapa mahasiswa yang didalangi oleh pemimpin-pemimpin pembangkang dalam menganjurkan *occupy* di Dataran Merdeka baru-baru ini yang menuntut pemansuhan PTPTN dan diberikan pendidikan percuma di peringkat tinggi.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Ingin saya nyatakan di sini, PTPTN telah banyak membantu golongan kurang berada untuk menyambung pelajaran mereka dan peratusan yang gagal membayar terlalu kecil. Oleh kerana PTPTN bersifat tolak ansur dan segala-galanya boleh dirundingkan termasuk kadar dan tempoh membayar balik.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang pendidikan juga baru-baru ini Kementerian Pendidikan telah berusaha atau mula berbincang ke arah untuk merombak atau menyemak semula dalam bahasa Inggerisnya *revamp* dasar pendidikan negara sedia ada. Apakah keperluannya maka Kementerian Pendidikan mengambil tindakan tersebut? Pada khidmat saya, saya akan sentuh dua perkara yang berkaitan dengan dasar pendidikan yang sedia ada dan isu-isu yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua semasa pemimpin-pemimpin menanamkan cerucuk asas pendidikan negara kita kira-kira lebih 40 tahun dahulu, mereka hanya menekankan untuk memberi ilmu pengetahuan sains, teknologi dan kemahiran kepada anak-anak sekolah bagi menyediakan dan membawa Malaysia ke arah negara maju. Akan tetapi setelah melihat kepada ciri masyarakat yang terbentuk, hasil melalui sistem yang ada ini, dapatlah kita membuat kesimpulan terdapat sesuatu yang tidak kena dalam sistem pendidikan kita.

Pendidikan di sekolah dan di rumah sangat memberi kesan kepada pembentukan sahsiah sesuatu masyarakat. Kita di Semenanjung terdiri daripada tiga kaum yang terbesar iaitu Melayu, Cina dan India sebagai rujukan. Ketiga-tiga kaum ini menerima pendidikan di peringkat tadika dan sekolah rendah secara berasingan. Selalunya kelompok tempat tinggal mereka juga berasingan. Kalau masa dulu orang Cina ramai tinggal di kawasan bandar, orang Melayu di kampung-kampung dan orang India di estet-estet getah. Kalau dulu getah, sekarang sudah kelapa sawit. Di masa ini pun walaupun ketiga-tiga kaum ini tinggal di taman perumahan, mereka masih cenderung untuk tinggal dalam kelompok kampung masing-masing.

Pengasingan sekolah dan kawasan penempatan mengikut kaum ini menyebabkan peluang untuk mereka berkenal lebih rapat dan bersahabat antara kaum sangat sukar sekali. Mereka hanya bertemu dalam aktiviti tertentu sahaja seperti dalam urusan jual beli dan urusan pekerjaan sahaja. Selain dari itu mereka seperti tidak bergantung antara satu sama lain. Amat jarang sekali ketiga-tiga kaum utama ini berpeluang menjalankan aktiviti kehidupan bersama. Ekoran dari itu ketiga-tiga kaum ini tidak berpeluang mengenal antara satu sama lain dengan lebih dekat. Hasilnya mereka mempunyai aspirasi yang berlainan. Mereka tidak dapat merasakan kehendak, kemahuan dan keperluan kaum lain. Sebaliknya semua tindak-tanduk dan aktiviti mereka hanya berkisar kepada kaum mereka sahaja.

Pemisahan kaum-kaum ini telah melebarkan jurang perbezaan antara mereka. Akhirnya mereka terus selesa dengan keadaan demikian. Mereka menganggap kaum yang lain itu sukar untuk didekati dan dicampuri. Jauh dari menjadi sahabat sebaliknya mereka menganggap kaum lain itu sebagai dalam "musuh" yang boleh menyusahkan hidup mereka. Suatu kaum akan berusaha untuk "membunuh" atau mengalahkan kaum yang lain. Perasaan curiga dan prasangka kepada kaum lain sentiasa wujud dalam pemikiran masyarakat Malaysia.

Baru-baru ini telah terjadi satu pergaduhan kecil antara pekerja restoran KFC berbangsa Melayu dengan pelanggannya yang berbangsa Cina. Masyarakat tidak melihat siapa yang bersalah berkelakuan buruk secara individu yang telah menyebabkan pergaduhan itu. Akan tetapi sebaliknya masyarakat Malaysia melihat insiden itu dengan kaca mata perkauman dan melabelkan kaum 'A' atau kaum 'B' sebagai kurang ajar atau biadab. Parti-parti politik yang wujud juga tidak terlepas dari mengikut polarisasi kaum. Ia sebenarnya lanjutan hasil dari pemisahan kaum dalam kehidupan sebenar mereka. Dalam meraih sokongan Ahli-ahli politik lebih suka dilihat untuk menjadi hero kepada kaumnya. Bila bercakap soal untuk membasmu kemiskinan dan membantu golongan miskin contohnya mereka lebih suka bercakap untuk memperjuangkan taraf ekonomi dan kehidupan orang Melayu sebagai contoh. Padahal kalau kita..

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya minta mencelah sedikit Tuan Yang di-Pertua? Boleh saya mencelah sedikit Yang Berhormat?

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Sila.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sebenarnya tadi waktu di surau tadi saya dengar Yang Berhormat bercakap mengenai akibat daripada sistem pelajaran kita di mana pada peringkat tadika, pada peringkat sekolah rendah anak-anak kita belajar di tempat yang berasingan, menggunakan bahasa yang berbeza dan akibat daripada itu semua ialah semakin kurangnya interaksi-interaksi yang sihat di kalangan anak-anak kita itu. Walaupun ada yang mengandaikan bahawa pada peringkat sekolah menengah mereka akan bercampur balik. Akan tetapi kata orang Melayu, kalau hendak melentur buluh, biarlah dari rebungunya.

■1740

Saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat tentang masalah besar yang akan kita hadapi atau kalau tidak kita generasi selepas kita hadapi akibat daripada sistem pendidikan yang seakan-akan dua rel yang berjalan secara *parallel*. Akan tetapi setelah mendengar Yang Berhormat, kalau dikatakan selepas sembahyang tadi, saya dengar di surau akan tetapi saya tidak dengar Yang Berhormat memberikan penyelesaian terhadap masalah itu.

Saya sedar perkara ini perkara yang sangat sensitif. Pihak masing-masing ingin mempertahankan sistem yang sedia ada. Akan tetapi lebih dari itu bukan sahaja ingin mempertahankan sistem yang sedia ada, ingin mengundur ke belakang kembali, yang sangat membahayakan dalam usaha kita untuk membina sebuah negara bangsa. Tidak ada gunanya kita mempunyai suatu ekonomi yang makmur, tidak ada gunanya kita mempunyai suatu negara yang kita panggil sebagai negara industri dan negara berpendapatan tinggi kalau sekiranya pendapatan tinggi itu hanya diukur daripada purata sahaja dan tidak daripada kesamarataan. Tidak ada kesaksamaan nikmat daripada pendapatan tinggi itu.

Semuanya ini saya rasa bergantung kepada masalah persefahaman antara kumpulan-kumpulan yang sekarang seperti saya katakan tadi dan juga Yang Berhormat sebutkan tadi, tinggal di tempat berbeza, pergi ke sekolah ke tempat yang berbeza, melakukan kegiatan-kegiatan sosial dengan kecenderungan yang berbeza-beza. Bukankah ini suatu bom jangka yang akan memporak-perandakan negara ini di masa depan. Terima kasih, kalau minta komen Yang Berhormat.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Yang Berhormat Senator Firdaus. Saya rasa saya akan sampai kepada apa yang disentuh oleh Yang Berhormat Senator tadi. Memang saya berkongsi pendapat dengan Yang Berhormat. Semua ini ada sedikit sebanyak kesan daripada sistem pendidikan kita. *I'm coming to that*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya ke belakang sedikit. Bila bercakap soal untuk membasmi kemiskinan dan membantu golongan miskin, mereka lebih suka bercakap untuk memperjuangkan taraf ekonomi dan kehidupan orang Melayu. Padahal kalau dia kata untuk meningkatkan ekonomi rakyat yang miskin yang akan dibantu adalah orang Melayu juga, kerana kaum Melayulah yang paling ramai miskin. Akan tetapi disebabkan untuk meraih sokongan politik mereka lebih suka bercakap untuk membantu dan membela orang Melayu. Sikap dan tabiat orang Melayu, orang Cina dan orang India juga berbeza. Orang Melayu dikatakan baik hati, tetapi malas sedikit. Orang Cina dikatakan rajin tetapi tamak. Orang India pula dikatakan taat tetapi culas. Culas ini *slow, in English* dia kata *slow*. Ini pendapat persepsi. Apakah sikap dan tabiat setiap kaum itu diwarisi atau dididik dari kecil. Akan tetapi kalau kita letakkan kesalahan ini kepada sistem pendidikan kita pun ada kebenarannya.

Oleh kerana mereka dididik dan melalui sistem persekolahan yang berbeza sudah tentu hasilnya juga akan berbeza. Ada kemungkinan kalau ketiga-tiga kaum ini bersekolah dalam sistem sekolah yang sama, sikap dan tabiat mereka akan menjadi lebih kurang sama atau hampir seragam. Orang Jepun terkenal dengan memiliki sikap-sikap yang murni seperti tidak mementingkan diri, jujur, telus, tidak mencuri, rajin, gigih, sabar, tidak membuang sampah merata-rata, berbaris mendapatkan giliran tanpa memotong barisan, sikap ingin belajar dan ingin tahu, berbangga untuk membuat kebaikan, membantu orang yang memerlukan.

Kenapa orang Jepun boleh menghasilkan manusia yang berakhlak mulia tetapi kita tidak boleh. ini mesti ada yang tidak kena dengan sistem pendidikan kita. Kita patut belajar dari Jepun. Nilai yang murni tidak cukup sekadar di ceramah dan diberitahu sahaja, tetapi ia perlu dilatih untuk melakukannya supaya ia akan menjadi amalan dan budaya masyarakat. Di universiti sekarang ini begitu ghairah dan sibuk sekali menekankan latihan *generic skills* dengan izin, atau *soft skills* atau kemahiran keterampilan diri.

Bagi saya, *generic skills* ini mesti bermula dan dilatih di peringkat tadika lagi, bukan di universiti baru hendak diperkenalkan kepada mereka kerana ia melibatkan sikap amalan dan budaya. Kenapa anak-anak muda Melayu kita suka merempit atau melepak? Ini Yang Berhormat Dr. Firdaus pagi tadi ada sebut. Kenapa anak-anak muda kita juga banyak terjebak dalam masalah sosial seperti menghisap rokok, penyalahgunaan dadah, seks bebas dan sebagainya. Semuanya ini memerlukan kita melihat semula kepada sistem pendidikan yang dilalui oleh anak-anak kita sama ada di sekolah mahupun di rumah.

Anak-anak sekolah kita ada yang lebih berbangga untuk menjadi jahat, mereka bangga kalau kenal samseng atau gengster di luar sekolah. Sebaliknya murid yang ingin membuat perkara yang baik sering diperli, dikutuk dan diejek. Penguat kuasa banyak terlibat dengan rasuah. Mereka tidak amanah. Masyarakat kita juga dibelenggu dengan masalah perbezaan status yang diukur mengikut pekerjaan dan tahap ekonomi mereka. Pemungut sampah dianggap golongan rendah. Amat memalukan kalau berjalan kaki atau menggunakan pengangkutan awam. Sebaliknya menaiki dan memiliki kereta *Mercedes* dan *BMW* dipandang tinggi. Apakah semua masalah dan kemelut yang kita hadapi hari ini ada kaitan dengan kepincangan dalam sistem pendidikan kita. Akan tetapi apa yang pastinya kalau kita semai benih lalang tidak mungkin kita akan menuai padi.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh isu PPSMI sekali lagi dalam Dewan yang mulia ini. Saya dengan rendah hati secara peribadi, tidak begitu berkeyakinan dengan PPSMI yang akan membina kekuatan pelajar-pelajar dalam berbahasa Inggeris. *Alhamdulillah* ini telah pun diberhentikan oleh Kementerian Pendidikan. Ini kerana Matematik dan Sains itu merupakan subjek yang kuantitatif yang tidak boleh membantu murid-murid atau pelajar kita untuk memperkuatkan penguasaan bahasa dalam bahasa Inggeris.

■1750

Saya berpendapat kalau benar kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran ingin melihat bahasa Inggeris dikuasai oleh pelajar-pelajar kita, kementerian patut menjadikan *English 111* dalam peringkat SPM diwajibkan kerana subjek *English 111* itu akan memaksa pelajar untuk mengambil subjek *English Literature* sekali gus akan memperkuatkan penguasaan bahasa Inggeris dengan lebih jelas di kalangan lepasan sekolah menengah di negara kita.

Bahasa ini akan hanya menjadi kuat jika kita belajar dan mempraktikkannya secara praktikal iaitu bertutur dan menulis, dan mengajar dalam bahasa Inggeris dalam subjek Matematik dan Sains itu tidak mencukupi untuk seorang pelajar itu menguasai bahasa tersebut. Sesuatu bahasa itu termasuk bahasa Inggeris hanya boleh dimajukan jika kerajaan memberikan penekanan kepada satu subjek itu iaitu subjek *English 111* kerana ianya akan memberikan penekanan terhadap nahu, *pronunciation* sekali dan benar-benar bahasa Inggeris yang betul.

Kita sepatutnya mengambil jalan yang tengah dengan memberikan pembelajaran dalam bahasa Malaysia untuk kemajuan bahasa kebangsaan kita dan menekankan murid-murid untuk belajar bahasa Inggeris secara khususnya dan lengkap melalui *English 111* itu. Memberikan peluang untuk murid-murid mengambil subjek *English Literature* di peringkat Tingkatan 5 akan menjadikan murid itu memahami bahasa Inggeris dan sekali gus melengkapkan mereka dengan bahasa Inggeris yang betul dan bukan setakat bercakap Inggeris semata-mata tetapi berbahasa Inggeris yang sebenarnya. Setidak-tidaknya dijadikan subjek *English 111* itu di peringkat Tingkatan Lima sebagai opsyen, digalakkan kepada mereka yang serius untuk menguasai bahasa antarabangsa itu. Penekanan bukan sahaja setakat memperkuatkan bahasa Inggeris tetapi juga bahasa-bahasa ilmu yang lain seperti bahasa Jepun, Mandarin dan yang lain-lain.

Saya bersetuju supaya medium persekolahan di negara kita ini di dalam bahasa kebangsaan. Dalam *obsession* kita untuk menguasai bahasa lain, kita tidak boleh membiarkan bahasa kita sendiri tidak terbina. Bahasa Jepun menjadi bahasa antarabangsa kerana sikap patriotik orang Jepun untuk memperkayakan bahasa mereka. Bahasa mereka maju bukan dicapai dalam sekelip mata. Bahasa mereka maju kerana perjuangan bangsanya memperkayakan bahasa mereka sejak ratusan tahun dahulu.

Maka kita juga berkewajipan untuk membina Bahasa Kebangsaan kita terus-menerus sehingga bila-bila dari satu generasi ke generasi yang seterusnya.

Dalam isu PPSMI ini, saya ingin membuat *conclusion* yang bahasa Inggeris tidak akan berjaya diperkayakan jika diteruskan pengajarannya dalam dua subjek ini iaitu Sains dan Matematik, malahan ia akan membantutkan usaha untuk membina bahasa kebangsaan kita. Dalam bahasa Inggeris ada disebut, "*It will be neither here nor there.*"

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh satu isu yang berkaitan dengan pendidikan yang diutarakan oleh kumpulan Dong Zhong. Dong Zhong nampaknya ingin menjadikan pendidikan Cina di Malaysia sebagai peras ugut politik. Ia cuba mengambil kesempatan Pilihanraya Umum Ke-13 sebagai agenda menekan Kementerian Pelajaran. Melakukan provokasi kepada orang-orang Cina supaya memperjuangkan isu-isu melampau. Ia jelas sekali bersifat perkauman dan tidak sensitif dengan perasaan kaum-kaum lain dan tidak faham dengan dasar pendidikan negara apalagi semangat Perlembagaan Malaysia. Kalau isunya bersifat administratif, saya percaya ianya boleh diatasi dengan perbincangan.

Kalau ia sengaja dibangkitkan dengan maksud yang seiring dengan dasar politik pembangkang, Dong Zhong sudah tidak rasional lagi. Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah sekian kali menegaskan bahawa kerajaan tidak berhasrat menukar status sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil seperti yang dibimbangkan oleh sesetengah pihak atau didesak oleh banyak pihak mengenai sekolah satu aliran. Penggunaan bahasa ibunda di SJK(C) dan SJK(T) tetap dipelihara dan ia selari dengan dasar pendidikan negara. Hal ini adalah sesuatu yang unik bagi Malaysia kerana sebuah negara yang merdeka tidak banyak menawarkan dasar sebegitu kepada kelompok minoritinya. Ia boleh menyebabkan dualisme dalam sistem dan dasar.

Dalam masa yang sama, orang Melayu sedar dan Kementerian Pelajaran pun sedar puluhan ribu anak Melayu yang sedang belajar di SRJK(C) bagi memperkukuhkan sistem vernakular itu. Mungkin terdapat kebimbangan di kalangan pengkritik pendidikan orang Melayu terhadap orientasi kecinaan yang bakal berlaku kepada generasi Melayu nanti bukannya orientasi kebangsaan. Keadaan begitu tidaklah menyebabkan orang Melayu bangun melakukan *provokasi* kerana ada manfaat berbanding dari sudut penguasaan bahasa Cina dan subjek-subjek lain. Orang Melayu faham bahawa kebangkitan masa depan Tanah Besar China ada kaitannya dengan diaspora China di seberang laut dan *sidekick* orang Cina mengalami perubahan kerana bangsa mereka bakal menjadi sebuah kuasa besar.

Oleh itu, isu pendidikan dan dominasi ekonomi sering dijadikan rujukan oleh kelompok yang melampau dan ia memberikan kesan terhadap usaha mengarusperdanakan pendidikan negara. Ada kebimbangan di kalangan banyak pihak bahawa desakan yang sedang berjalan tidak sahaja memperkukuhkan aliran vernakular Cina supaya menjadi dasar rujukan terhadap pendidikan kebangsaan tetapi juga isu sekolah menengah Cina juga.

Terdapat tuntutan yang melampau supaya sekolah Cina persendirian yang banyak terbina di Malaysia diberi pengiktirafan sijil *Unified Examination Certificate* yang sama statusnya dengan Sijil Pelajaran Malaysia. Masalahnya, bahasa pengantar bagi aliran ini sepenuhnya bahasa Cina. Ia tidak selari dengan dasar pendidikan negara. Kurikulumnya tidak mengikut urutan kurikulum Malaysia dan bahan-bahan rujukannya pun banyak yang datang dari sumber luar.

Tuan Yang di-Pertua, pihak yang mencabar dasar pendidikan negara memberikan alasan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengiktiraf bahasa Cina dan pengajian Cina di negara China dan mengapa pula kerajaan bersifat *double standard* dengan tidak mengiktiraf sekolah menengah persendirian ini? Pengiktirafan kerajaan terhadap kursus-kursus di universiti di England, Jerman atau US tidak semestinya menjadikan bahasa mereka sebagai bahasa pengantar di dalam sistem kita. Status sekolah menengah persendirian Cina di Malaysia sepenuhnya dikendalikan dalam bahasa Cina. Apakah dengan pengiktirafan itu nanti menyebabkan lulusan sekolah vernakular tidak perlu masuk ke dalam sekolah menengah kebangsaan?

■1800

Sekolah menengah kebangsaan adalah penting dalam konteks perpaduan di Malaysia. Dasar Pendidikan Negara ingin memartabatkan Bahasa Melayu dan memperkasa bahasa Inggeris harus dilihat sebagai usaha bijaksana memperkukuh Bahasa Kebangsaan dalam masa yang sama memperteguh bahasa Inggeris sebagai bahasa antarabangsa bagi maksud ilmu dan kepakaran. Hal ini tidak harus terjadi kalau pepatah mengatakan, "*di mana bumi dipijak di situlah langit dijunjung.*" Kalau orang Melayu tinggal di negara China, saya percaya mereka akan akur dengan kepentingan bahasa Cina dan kepentingan pendidikan Cina.

Pengalaman yang baik berlaku di dalam kelompok Cina peranakan di negeri-negeri Selat umpamanya amat menarik untuk dijadikan teladan. Walaupun mereka datang dari negara tamadun yang besar atau *great civilization* tetapi keakuran mereka terhadap nilai-nilai dan budaya setempat memberi warna yang menarik terhadap corak perpaduan kaum di Malaysia. Malaysia memerlukan dasar pendidikan yang menyatukan antara kaum di samping menghormati bahasa ibunda sesuatu kaum dan meraikan bidang-bidang keahlian dan kepakaran dari luar negara.

Pendidikan kebangsaan kita harus teguh dengan prinsip kelainan dihormati tetapi dasar utama ke arah perpaduan adalah sesuatu yang amat dituntut. Kalau tidak, faktor dominasi ekonomi atau kuasa beli akan menjadi faktor penentu kepada kelangsungan pendidikan negara dan ia adalah tidak sesuai di negara ini melainkan Dong Zhong mempunyai agenda tersembunyi terhadap hari depan Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, ada lagi masa untuk saya?...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh, boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat beri laluan?

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Boleh, boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Dapat rehat sekejap.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya tertarik dengan andaian atau dugaan Yang Berhormat tadi tentang kemungkinan Dong Zhong mempunyai agenda tersembunyi, seakan-akan Yang Berhormat sendiri sudah menyedari akan kewujudan tentang agenda itu. Apakah agaknya agenda itu? Akan tetapi yang saya takutkan tidakkah agaknya dengan izin, *the pursuance of such agenda* tidak lebih daripada membina atau membiarkan sumbu kepada bom jangka itu semakin dekat kepada apinya. Terima kasih.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya telah melontarkan isu-isu yang berkaitan dengan apakah kekurangannya di dalam sistem pendidikan kita dan apakah isu-isu yang di bawa oleh Dong Zhong akhir-akhir ini. Saya rasa semua boleh memahami dan menghayatinya walaupun dalam bentuk persepsi tetapi persepsi ini kadang-kadang ada kebenarannya. Saya tidak perlulah lebih lanjut lagi dalam hal tersebut. Terima kasih ya Dato' Dr. Firdaus...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat cukup, sudah habis.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Hendak...

Tuan Yang di-Pertua: Hendak gulung?

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Hendak gulung sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Okey boleh.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya memohon menyokong Titah Menjunjung Kasih ke Bawah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Al-Haj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah. Sekian. *Wabillahi taufik walhidayah, assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat. Izinkan saya menarik perhatian semua Yang Berhormat yang ada di Dewan yang mulia ini, esok kita akan terus membahaskan Titah Diraja. Saya mohon kerjasama dari semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak berucap esok dan sebagainya, menghantarkan nama, senang untuk saya menjangka masa kerana kita ada sampai lima hari tetapi kalau semua hendak bercakap, senang saya hendak beri masa yang secukupnya.

Kalau nanti esok sudah *last minute*, dengan izin, semua hendak bercakap pada masa itu kita akan potong dia punya jangka masa. Saya mohon kerjasama untuk kemukakan nama-nama dan bila hendak berucap supaya senang saya hendak membuat perancangan yang sewajarnya. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Senator Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah. Silakan Yang Berhormat.

6.07 ptg.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas dalam usul menjunjung kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda. Saya juga ambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan rasa bangga kerana Tuanku telah mencatat sejarah dalam negara kita dengan menjadi Yang di-Pertua kali kedua.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga sedih dan ambil kesempatan ini mengucapkan takziah kepada Datuk P. Subbaiyah yang meninggal baru-baru ini. Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali saya hendak menyentuh tentang PTPTN. Tuan Yang di-Pertua, dua tahun lalu *Auditor General (AG)*, dalam satu laporan menyatakan bahawa dia rasa kebimbangan atas *financial viability* PTPTN sebab dalam laporannya dia memberitahu bahawa PTPTN dilanda dengan bayaran balik dan kutipan hutang yang teruk iaitu *poor repayment* dan *debt collection*.

Kalau ini tidak dibetulkan PTPTN akan dilanda dengan hutang sebanyak RM45 bilion dalam dua tahun lagi. Laporan beliau ialah dua tahun lalu, jadi nampaknya pada masa ini mungkin dia sampai angka ini, RM45 bilion. Program ini akan menjadi tidak menjadi mampan lagi, *not sustainable*. PTPTN ada juga ambil pinjaman daripada EPF untuk membiayai operasi mereka.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, 70 peratus hingga 80 peratus rumah tangga Malaysia dapat pendapatan kurang daripada RM3,000 dan juga 40 peratus kurang daripada RM1,500. Ada juga satu laporan menyatakan bahawa 34 peratus pekerja swasta dapat pendapatan kurang daripada RM800. Ini menunjukkan bahawa mungkin negara Malaysia menuju ke satu status negara berpendapatan tinggi tetapi pekerja-pekerja di negara ini mendapat pendapatan yang rendah dan juga di Malaysia kos sara hidup pun naik juga. Oleh sebab itu baru-baru ini kerajaan memberi BR1M RM500 kepada golongan miskin.

■1810

Kalau keadaan begini, golongan miskin tidak berkemampuan membayar yuran pendidikan di pusat pendidikan tinggi. Negara kita ertinya perlu lebih pusat pendidikan tinggi awam dan bukan pusat pendidikan tinggi swasta di mana yurannya tinggi. Malaysia boleh memberikan pendidikan *tertiary* percuma kalau kerajaan menguruskan perbelanjaan dengan lebih cekap, tiada rasuah dan sifat melindungi dari segi politik iaitu *political patronage* yang membayar harga kontrak yang tinggi dan tender-tender dikeluarkan dengan tidak *open tender*.

Jadi, kalau begini PTPTN tidak - *not viable*. Jadi, saya hendak bertanya kepada Menteri Pendidikan Tinggi, bagaimanakah urusan PTPTN sekarang? Berapakah wang yang dipinjamkan sehingga kini kepada graduan-graduan atau penuntut-penuntut? Ini mesti dikembalikan, kalau tidak, PTPTN itu tidak *viable*. Lebih baik berikan pendidikan yang percuma.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga pakar-pakar *economist* yang melaporkan bahawa rasuah di negara kita sangat *rampant*. Satu angka seperti RM20,000 bilion setiap tahun boleh diijamatkan kalau perkara ini dilindungi dengan baik. Dalam Bajet 2012, Perdana Menteri mengumumkan ada juga satu perkara iaitu RM180 bilion ialah belanja operasi dan pendapatannya ialah RM183 bilion. Ertinya, semua perbelanjaan pembangunan di biayai dengan pinjaman. Keadaan ini tidak baik. Jadi, mesti dilindungi dan mesti di *set back*. Pengumuman maklumat umum bahawa hutang negara pun tinggi. Jadi, saya minta Menteri Kewangan memberitahu adakah kita sudah sampai taraf 55 peratus hutang negara iaitu siling? Ini kena dibetulkan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah dengan konsep PTPTN ialah dia lebih membantu kolej-kolej daripada penuntut. Banyak kolej-kolej swasta yang memberi bermacam-macam sijil, macam-macam kursus menggunakan PTPTN. Oleh sebab itu ada ramai penuntut yang keluar daripada maktab telah gunakan hutang PTPTN belum mendapat kerja tetapi ada hutang di kepala mereka seperti *nurses*. Ada ramai *nurse* yang keluar daripada maktab tiada pekerjaan tetapi hospital-hospital swasta mahu *nurse*. Mereka beritahu bahawa *nurse* yang dilatih oleh kolej-kolej ini tidak boleh kerja. Ertinya, mutu latihan tidak baik tetapi mereka pun ambil *loan* dan belajar dan akhirnya tidak kerja, kena bayar balik *loan*. Jadi, inilah masalah. Jadi, saya minta Kementerian Pengajian Tinggi mengkaji semula dan memperkemas pemberian PTPTN kepada kolej-kolej swasta ini. Ini juga bererti bahawa kita perlukan lebih IPTA dan kurang IPTS sebab IPTA kursusnya kurang...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, mohon laluan..., boleh?

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Boleh, boleh.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Bolehkah dinyatakan berapa *percent*, peratus *nurse* yang tidak ada kerja, tidak dapat kerja, boleh? Jangan main hentam sahaja.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak ada angka dan saya harap kita boleh sama-sama minta Menteri...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Kalau tidak ada angka, tidak usah cakaplah, auta sahaja. Auta! Tidak baik auta.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Itu pandangan Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Bukan semua orang pandang! Bukan saya seorang, semua orang kata auta.... Betul?

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Ada banyak laporan, laporan media pun sudah keluar.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tidak ada. *You* bercakap dengan perasaan, bukan dengan fakta. Kita mahu angka, fakta.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Okey, terima kasih.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Okey, apa okey?

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Saya harap Yang Berhormat Menteri boleh jawab mengenai perkara ini Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Okey. Perkara yang kedua ialah...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Sambung sedikit, sedikit sahaja.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Okey.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya nampak ada perbezaan di antara Yang Berhormat Ramakrishnan dengan rakan-rakannya di pihak pembangkang mengenai PTPTN ini. Yang Berhormat menyebut supaya diperkemas, saya rasa ini satu pandangan yang rasional walaupun kita mempunyai pandangan yang sangat berbeza dari segi politik. Akan tetapi apabila Yang Berhormat mengatakan perkemas, ini lebih rasional.

Semoga fikiran yang rasional seperti ini disampaikan kepada rakan-rakan Yang Berhormat yang sengaja mengeksploitasikan isu ini untuk kepentingan politik. Itu yang kita tidak hendak. Jadi, barangkali selama dua tahun di sini, di Dewan yang lebih *civilise* ini, nampaknya Yang Berhormat lebih mulai belajar dengan baik. Terima kasih.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Okey, terima kasih atas 'sijil' Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat tahukah yang tidak dapat kerja itu tidak lebih daripada 2 peratus *only*, tahu?... Tidak tahu!

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Itulah saya cakap.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Itulah auta.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Yang Berhormat Menteri boleh jawab soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya sambung.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga satu pengumuman dari Sijil Amalan Guaman (CLP) yang menjemput universiti-universiti di England untuk mohon menjadi pengiktirafan daripada badan ini. Ertinya, graduan-graduan daripada England, mereka boleh duduk untuk CLP di sini. Mereka tidak payah duduk peperiksaan di UK. Ini akan menjimatkan banyak wang kepada mereka.

Pengumuman atau pun jemputan ini dibuat dalam bulan Mei 2011. Oleh sebab pengumuman ini, sebanyak lima universiti UK mohon untuk layak atau pun diiktiraf di mana murid-murid mereka boleh mengambil peperiksaan ini. Selepas mohon, sampai sekarang, CLP Board tidak memberi apa-apa penjelasan. Jadi, murid-murid ini pun tunggu, bolehkah mereka duduk untuk peperiksaan CLP ataupun mereka terus duduk peperiksaan *Bar Council* di England. Ini ialah satu kos yang tinggi untuk mereka menunggu. Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjelaskan mengapa lewat, dan apakah kedudukan sekarang?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, penjelasan Yang Berhormat. Izinkan saya berikan penjelasan sebagai seorang bekas peguam.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Semua ijazah yang LLB di luar negara yang diiktiraf oleh kerajaan memang diakui. Persoalannya, kalau di United Kingdom hendak masuk, *admitted to the Bar* di England, kena duduk di sana. Akan tetapi kerajaan kita memerlukan sesiapa sahaja hendak praktis di Malaysia kena duduk di CLP. Itu dahulu punya sistem tetapi persoalannya, sama ada Yang Berhormat maksudkan tadi adakah *graders*, dengan izin, LLB daripada UK, bila dia hendak datang ke Malaysia praktis memang dikehendaki duduk CLP. Ramai saudara-saudara saya, anak-anak dahulu pun memang macam itu.

Selepas itu, apa maksud Yang Berhormat? Adakah sudah *graduate* sana, *admitted to the Bar* sana ataupun hendak praktis di sini, macam mana? Penjelasan itu, senang esok kementerian hendak menjawab.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mereka ialah graduan dari UK. Mereka hendak duduk peperiksaan CLP di sini...

Tuan Yang di-Pertua: Sudah lulus, sudah lulus LLB?

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Sudah lulus, sudah lulus, ya tetapi tidak ada apa-apa jawapan daripada sini. Bolehkah mereka duduk peperiksaan CLP? Kalau tidak ada, mereka mahu sambung hendak duduk peperiksaan.

■1820

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik. Kalau itu soalan Yang Berhormat, agaknya ada jawapan daripada kementerian nanti. *Insyah-Allah*.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Ya, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, perkara yang berikut ialah mengenai *Touch 'n Go*. *Touch 'n Go* sekarang ialah kalau kita hendak tambah nilai, kita kena pergi ke stesen minyak.

Dulu *Touch 'n Go* sendiri ada pusat untuk kita tambah nilai tetapi sekarang tidak ada lagi. Kenapa *Touch 'n Go* tidak ada pusat sendiri di pusat-pusat tol ataupun pejabat di sebelah pusat tol untuk tambah nilai?

Ini kerana kalau kita pergi ke stesen minyak, kita kena bayar *fee*. Kita ini bayar di hadapan. Kita bayar awal dan juga kita bayar *fee* juga. *It is not user friendly* dan *customer friendly*. Jadi saya harap, saya minta Yang Berhormat Menteri Kerja Raya menjelaskan bolehkah mereka mewujudkan tambah nilai di pusat-pusat tol atau pejabat-pejabat di sebelah tol. Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia lebuhraya-lebuhraya semua diswastakan dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) tidak ada menjaga apa-apa lebuhraya. Ini sangat berbeza dengan negara UK di mana Lembaga Lebuhraya menguruskan lebuhraya-lebuhraya mereka. Jadi semua geran yang diberi kepada Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), mereka gunakan untuk membina *highway*.

Kemudian, mereka wujudkan tol dan tol ini pergi ke Lembaga Lebuhraya ini dan ini digunakan untuk memajukan. Ini ialah bukan *privatize*. Ini ialah *corporate*. Jadi kerajaan yang menguruskan. Akan tetapi di Malaysia pula, semua *highway* di *privatize* dan ada juga *rate toll* pun naik tiap-tiap tahun. Ini satu beban kepada rakyat. Pada masa ini di mana harga-harga barang naik, bayaran tol pun naik juga.

Walaupun kerajaan telah mengumumkan bahawa tol tidak akan naik, ertinya kerajaan akan bayar kepada konsesi tol. Kenapakah kita mesti ada satu suasana begini? Kenapa Lembaga Lebuhraya mengendalikan semua tol dan wang ini pergi balik ke Lembaga iaitu pergi balik kepada kerajaan tetapi sekarang semua kepada peniaga-peniaga yang mendapat keuntungan yang besar daripada penggunaan lebuhraya-lebuhraya termasuk pengguna-pengguna miskin, pengguna-pengguna yang tidak ada pilihan lain. Jadi saya minta Kementerian Kerja Raya, adakah kemungkinan lebuhraya-lebuhraya masa depan yang akan dibina yang akan diuruskan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia dan bukan diswastakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar bahawa ada satu laporan *Transparency International* mengumumkan bahawa Malaysia mengalami kerugian antara RM800 juta hingga RM900 juta setiap tahun akibat kegiatan pembalakan hutan secara haram di seluruh negara. Aktiviti pembalakan haram harus dibendung dan siasatan wajar dilakukan terhadap semua pihak termasuk yang memiliki lesen tetapi melakukan pembalakan tanpa mematuhi syarat dan peraturan lesen. Saya minta kementerian berkenaan berikan statistik terkini orang yang ditangkap kerana terlibat di dalam kegiatan pembalakan haram. Kelemahan penguatkuasaan. Ini satu kelemahan yang ketara iaitu penguatkuasaan dan juga unsur rasuah adalah mungkin punca utama berlakunya kegiatan pembalakan haram ini.

Saya mohon menteri jawab adakah kemungkinan kementerian menubuhkan satu Jawatankuasa Khas bagi menyiasat punca berlakunya kelemahan kawalan yang akan menjejaskan infrastruktur hutan dan alam sekitar di negara ini. Saya harap kementerian akan mendedahkan *culprit* yang membuat pembalakan haram.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak minta mengenai pembinaan kilang Nadir Bumi, Lynas. Kami ada satu pengalaman di Ipoh di mana satu syarikat di Bukit Merah yang lapan belas tahun dahulu menubuhkan satu syarikat. Sekarang juga selepas lapan belas tahun, radiasi di sekitar kilang Nadir Bumi Asian di Bukit Merah dan tapak pelupusan kekal sisa di Bukit Kelenang masih berada pada tahap yang bahaya walaupun kilang ini telah ditutup lapan belas tahun dahulu. Ada juga aktivis-aktivis yang pergi ke tempat ini dan mengukur dengan alat bacaan radiasi. Mereka nampak masih ada radiasi. Jadi beginilah kita punya pengalaman. Dengan pengalaman yang pahit yang kita pun sudah rasa, kenapa kerajaan Malaysia membenarkan Lynas menubuhkan pelannya di Gebeng, Kuantan. Australia, sebuah negara yang besar, sangat besar daripada Malaysia tetapi mereka pun tidak mahu kilang ini. Akan tetapi, kita mempelawa mereka menubuhkan kilang.

Baru-baru ini di Indonesia ada gempa bumi. Di Malaysia pun ada rasa itu *wave*. Nampaknya dunia ini tidak begitu selamat dan dengan kita adakan satu kilang begini, ini tidak selamat khususnya penyimpanan buang sisa yang beradio aktif ini tidak selamat dan soalnya mana akan disimpan di negara yang kecil. Saya harap kementerian yang berkenaan boleh memberi penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri mengenai Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA). Malaysia sedang berunding dengan Amerika Syarikat dan EU mengenai FTA. FTA ada bawa kesan-kesan yang buruk di beberapa negara. Saya hendak beritahu kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri bahawa ada juga kesan-kesan yang buruk.

Pertama, petani dan pesawah. Beras tempatan hilang daya saing kerana beras US lebih murah. Di US ada subsidi. Beras mereka murah. Lebih 20,000 orang petani dijangka terpaksa mencari kerja lain kalau kita benarkan pengimportan beras daripada US. Ini berlaku terhadap ribuan penanaman jagung di Mexico di mana ia pun ada *FTA Agreement* dan ramai penanam jagung hilang pekerjaan.

Kedua, pekerja bank. Ribuan bank bakal hilang pekerjaan atau terpaksa mengambil VSS apabila bank gergasi US membuka pejabatnya di Malaysia. Bank tempatan dijangka tidak mampu bersaing.

Sektor perubatan. Pesakit yang mendapatkan perkhidmatan di hospital kerajaan dan swasta terpaksa membayar lebih untuk ubat kerana bekalan ubat tempatan dimonopoli oleh syarikat farmasi besar US dan Eropah. SME-SME mungkin tidak boleh lawan dengan gergasi mereka. Jadi kita kena lebih waspada dengan *FTA Agreement* daripada US dan Eropah.

Tuan Yang di-Pertua, pendatang pekerja asing yang lebih kurang tiga juta orang di Malaysia. Mereka sudah begitu ramai hingga mereka lawan dengan pekerja-pekerja tempatan dan dalam persaingan ini, gaji yang turun dan bukannya naik. Jadi mereka adalah satu sebab kenapa gaji di Malaysia tidak naik.

■1830

Saya minta Kementerian Sumber Manusia untuk menggalakkan syarikat-syarikat Malaysia *transfer* atau pun *transform* menjadi lebih *automated* dan kurang bergantung kepada pekerja-pekerja asing. Ini satu perkara yang sangat penting. Lama-lama keadaan ini tidak boleh dikawal di mana ramai banyak sangat pekerja asing yang datang.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta Menteri Dalam Negeri bahawa ada satu perjanjian Malaysia dengan Australia iaitu deklarasi pertukaran pelarian dan pemohon suaka di antara Malaysia-Australia yang tidak sah iaitu pada bulan Ogos tahun lepas, Mahkamah Tinggi Australia telah memutuskan bahawa perjanjian berhubung urusan pertukaran pencari suaka antara Canberra dan Putrajaya sebagai tidak sah.

Mengikut perancangan awal, pelarian ini akan ditempatkan di pusat tahanan di Port Dickson sebagai penempatan pelarian. Disebabkan perjanjian ini tidak sah dan terbatal, siapa akan menanggung kos pusat tahanan tersebut? Apa jadi kepada pusat tahanan ini dan berapa kos dan siapa tanggung kos ini?

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia kita ada 13 negeri tidak termasuk Wilayah Persekutuan. Wilayah Persekutuan ialah berfungsi sebagai satu negeri, tetapi ia tidak ada kerajaan negeri, ia diuruskan oleh DBKL. Jadi penduduk-penduduk Wilayah Persekutuan walaupun mereka pilih wakil-wakil mereka, tetapi wakil-wakil mereka tidak ada peranan dalam pengurusan negeri. Pengurusan negeri diuruskan oleh DBKL yang bertanggungjawab kepada Kementerian Wilayah Persekutuan. Ini nampaknya tidak adil kepada penduduk Wilayah Persekutuan.

Saya bercadang kepada kerajaan, bolehkah kerajaan mewujudkan satu kerajaan negeri di Wilayah Persekutuan seperti di New Delhi. New Delhi itu *Union States* tetapi mereka ada satu *Chief Minister* untuk *Union State* dan ada juga *State Government* dan ada juga DUN mereka dan DUN mereka yang menguruskan. Jadi wakil rakyat yang menguruskan negeri bukan seperti di Malaysia di mana DBKL satu jabatan kerajaan yang menguruskan. Jadi, saya minta pandangan daripada Kementerian mengenai kemungkinan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini mengumumkan bahawa RM440 juta akan diperuntukkan untuk membangun dan menyelenggara sekolah Tamil, RM440 juta. Akan tetapi baru-baru ini, satu sekolah di Serdang bumbungnya sudah jatuh, nasib baik tidak ada apa-apa kemalangan. Saya hendak minta Menteri Pelajaran, apakah sudah jadi kepada sekolah ini? Adakah pembinaan dibuat kepada bumbung? Kenapa wang ini tidak disalurkan kepada sekolah ini walaupun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa RM440 juta diperuntukkan untuk sekolah Tamil.

Tuan Yang di-Pertua, isu kekurangan guru di sekolah Tamil dan sekolah Cina. Sekolah Tamil dan sekolah Cina di wujudkan di bawah perlembagaan kerajaan. Mereka juga di bawah Kementerian Pendidikan. Ini ialah satu masalah 40 tahun iaitu kekurangan guru, *temporary teachers* di sekolah Tamil dan sekolah Cina, 40 tahun tetapi masalah ini masih ada juga. Oleh sebab inilah iaitu Kumpulan Dong Zong yang protes baru-baru ini sebab ini bukan masalah baru. Ini ialah masalah 40 tahun dan belum selesai lagi. Jadi saya minta Kementerian Pendidikan, apakah kedudukan ini? Menteri Pendidikan pun sudah janji bahawa beliau akan mengkaji masalah ini dan buat satu tindakan yang menyelesaikan perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, *food security* di Malaysia. Negara kita pun satu pengimport makanan yang besar tetapi ada ramai petani-petani, penternak di negeri Johor dan di negeri lain yang ada lembu. Mereka memelihara lembu dan kambing, tetapi mereka tidak ada tempat untuk memelihara. Mesti ada satu polisi untuk memperkembangkan industri makanan. Jadi saya minta Kementerian Pertanian, kenapa tidak ada peruntukan satu kawasan untuk penternakan lembu dan kambing? Di Johor di tempat macam Labis dan Johor mereka tidak ada, mereka menunggu dan mereka ada di estet dan pengurusan estet denda mereka. Jadi mereka sekarang dalam masalah. Mereka kena bayar denda dan juga tiada tempat untuk simpan lembu dan kambing. Jadi saya minta Kementerian Pertanian mengadakan satu tempat untuk industri ini. Ini bukan sahaja di tempat ini, tetapi di bandar-bandar lain. Oleh sebab itu, pengeluaran makanan boleh ditambahkan dan pengimportan boleh dikurangkan.

Tuan Yang di-Pertua, penamaan pekerja dan pengarah di GLC dan GLIC. Saya nampak ada banyak *political appointment* di GLC. Saya minta Kementerian Kewangan dan Jabatan Perdana Menteri bahawa mengambil lebih pengarah dan pekerja bukan Melayu juga yang boleh menyumbangkan untuk pembangunan negara. Akan tetapi kuota mereka pun sangat kurang. Kenapa? Ramai orang ini kerja di Singapura. Mereka boleh kerja di sini dan menyumbang untuk perkembangan negara kita. Saya minta lebih peluang diberi kepada profesional bukan Melayu di GLC dan syarikat-syarikat lain kerajaan...

Timbalan Yang di-Pertua: Masih banyak lagi Yang Berhormat?

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Sedikit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Saya bagi Yang Berhormat satu minit lagi ya? Terima kasih.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, *flat* PPR. Bila kerajaan membina *flat* PPR, mereka tidak memperuntukkan tempat untuk kuil dan tempat untuk mengadakan mayat. Semua warga miskin yang bukan Melayu di PPR *flat* mengalami banyak masalah untuk *ceremony* akhir di tempat itu. Saya minta Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan, kenapa mereka tidak memperuntukkan satu tempat untuk tujuan ini? Ada 30 peratus, 40 peratus yang bukan Melayu yang duduk di PPR *flat*.

Jadi kalau tidak harap mereka boleh uruskan sekarang dan menolong orang-orang miskin di PPR *flat*. Dengan ini saya mengakhiri ucapan saya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman bin Bakar.

6.39 ptg.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya ucapkan takziah kepada mendiang yang kita tahu telah meninggal minggu lepas, mendiang Datuk P.K Subaiyyah. Kedua saya junjung kasih kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Badlishah kerana menjadi Yang di-Pertuan Agong yang ke-14. Tahniah.

■1840

Di samping saya rakamkan terima kasih kepada bekas Al-Watikubillah Tuanku Mizan Zainal Abidin Sultan Mahmud yang telah menjadi Yang di-Pertuan Agong ke-13 dengan baik dan berkesan sekali. Ia ternyata sistem yang di-Pertuan Agong menjurus kepada kebaikan dan satu-satunya sistem dalam dunia yang unggul, yang tidak diguna pakai oleh mana-mana negara dalam dunia ini kecuali Malaysia sahaja. Sistem ini ternyata baik semenjak negara merdeka lagi tahun 1957. Sebelum itu sudah ada pilihan raya pada tahun 1955, ternyata Raja-Raja Melayu dan Yang di-Pertuan Agong berkesan sekali dalam peranan mereka sebagai tonggak negeri dan juga negara. Akan tetapi malangnya ada segelintir parasit yang tidak bersyukur dengan apa yang ada.

Misal kata mencemuh, menghina dan merendah-rendahkan martabat Tuanku terutama sekali di hari pertabalan yang dibuat oleh parti pembangkang, orang pembangkang seperti yang didedahkan oleh Dr. Rahman Karim. Kita harap ada tindakan terutama daripada Kementerian Dalam Negeri dan juga pihak Peguam Negara. Cari mereka, jangan biarkan mereka beraja di hati, bersultan di mata. Itu perkara yang tidak baik yang dilakukan oleh manusia yang tidak bertanggungjawab. Saya harap siasat segera dan ambil tindakan segera.

Seterusnya saya merakamkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak kerana semenjak beliau menakhodai negara ini sudah lebih dari tiga tahun, ternyata baik sekali, berkesan dan memikat hati rakyat. Tanpa sempadan agama, pekerjaan dan bangsa. Tahniah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Beliau berkeupayaan mentadbir negara dengan baik, beliau juga seorang yang rajin, bertanggungjawab, berwawasan, berkebakjikan, prihatin, beridea, tepati janji, mengotakan janji dan ada perubahan dalam pentadbiran negara ke arah kemajuan. Tahniah dan syabas.

Bila kita dapat nakhoda yang baik, negara ternyata berada di landasan yang betul. Bila saya kata landasan yang betul, kita tengok pertama aman, negara kita paling aman di Asia Tenggara. Lebih aman daripada Singapura, lebih aman daripada Thailand, Manila atau Filipina atau Indonesia atau Brunei. Nombor satu di Asia Tenggara lebih baik daripada Vietnam, daripada Kemboja, daripada Laos hatta Burma. Pun kedua terbaik di Benua Asia dan terkini nombor 12 di dunia. Lebih baik daripada Amerika, Britain dan Perancis. Jadi itu negara Malaysia di trek yang betul.

Kedua, ekonomi kita berkembang sejajar dengan ramalan pakar-pakar ekonomi, bukan pakar-pakar parasit tetapi pakar-pakar ekonomi, pakar-pakar profesional yang mengatakan sebelum tahun 2012 ekonomi kita berkembang dalam lebih daripada 5 peratus. Ternyata suku tahun pertama tahun ini, ekonomi negara berkembang sebanyak 5.1 peratus. Ini bukti kedua yang negara berada di trek yang betul.

Ketiga, pengangguran negara berada pada paras 3.5 peratus, lebih baik daripada Amerika yang penganggurannya mencapai 9 peratus lebih, lebih baik daripada negara-negara dalam dunia ini, sebahagian dunia.

Jadi sebab itu Malaysia dianggap sebagai negara syurga dunia. Banyak manusia daripada dunia lain datang ke sini, ada daripada China, Bangladesh, Indonesia, India, Vietnam, Afrika, Arab, Filipina, Thailand, Laos, Burma, Kemboja dan sebagainya. Tidak kurang daripada 35 buah negara yang rakyatnya ke mari sebab Malaysia dianggap sebagai negara syurga dunia. Ini membuktikan bahawa Malaysia berada dalam trek yang betul.

Sudah saya katakan simpanan negara juga tinggi. Di samping saya tidak nafikan juga hutang negara ada juga tetapi simpanan negara lebih tinggi daripada hutang negara. Kini negara beranjak, berubah daripada semua keadaan, berubah dalam kerajaan, ekonomi, politik dan luar bandar. Walaupun apa yang terjadi, negara tumbuh dengan kadar yang baik. Ekonomi negara tumbuh dengan baik sebagaimana Titah Yang di-Pertuan Agong, ekonomi kita tumbuh dengan baik sebanyak RM1.3 trilion yang besar. Tumbuh RM1.3 trilion. Itu banyak. Bukan bilion tetapi trilion.

■1850

Keduanya, ekonomi kita dari segi dagangan asing berjumlah RM32.9 bilion dan kutipan cukai lebih daripada RM100 bilion setahun. Jadi itu menjelaskan kepada kita yang kerajaan berada di dalam trek yang betul. Oleh sebab itu kita dapati kerajaan boleh memberi pelbagai bantuan seperti bantuan sekolah, yuran percuma, tidak ada bayaran yuran peperiksaan, ada KWAMP, ada makanan, ada dana khas, dana remaja, KR1M dan juga yang terakhir BR1M. Akan tetapi apabila kerajaan beri BR1M timbul parasit-parasit. Parasit tuduh kita pinjam wang daripada negara asing. Itu tuduhan jahat. Sangkaan jahat. Kita ambil wang ini daripada cukai yang melambung tinggi, yang kutipannya lebih daripada RM30 bilion *last year*, tahun lepas.

Oleh sebab itu kita boleh adakan bantuan BR1M (Bantuan Rakyat 1Malaysia) kepada empat juta lebih isi rumah melibatkan kira-kira RM2.6 bilion isi rumah. Ada sedikit yang tidak diberi lagi sebab masalah teknikal. Apa pun bukti kerajaan kita mampu, boleh mentadbir negara, bukan cakap sahaja tetapi boleh laksanakan. Jadi rakyat makin hari makin suka. Budak sekolah suka. Pelajar universiti suka. Budak-budak pinjaman PTPTN suka. Ada juga yang tidak suka – budak yang sewel tidak suka... [Ketawa] Budak saya pergi malam semalam, dua hari lepas semasa Konsert Diraja, "*Raja dan Rakyat Berpisah Tiada.*" Saya ingat. Saja hendak tanya... [Ketawa]

Jadi saya lalu ikut depan itu adalah tidak sampai sepuluh orang. Yang botak itu namanya Mislina Mustafa. Dia dengan beberapa orang yang lain membuat demo. Yang buat demo itu mula-mula 300 orang. Selepas itu adalah tinggal 20 orang. Selepas itu tinggal sepuluh orang. Semalam dua orang lagi kena tangkap. Yang lain-lain habis cabut lari. Rupa-rupanya dia ditangkap ada salah iaitu tidak minta permisi. Kemudian adalah benda-benda yang malas saya hendak cerita. Oleh sebab itu mereka tidak ada lagi. Mereka juga ada di situ kerana mereka diupah oleh orang sebanyak RM200 sehari. Saya minta polis siasat ini sama ada betul atau tidak diupah. Saya rasa betul.

Jadi dalam 20 atau 30 orang yang demo, ada beribu-ribu lagi yang sokong PTPTN diteruskan. Syukur, syabas. 99 peratus yang sokong PTPTN diteruskan. Hanya yang tidak bersyukur sahaja kena minta hapus iaitu ada parasit besar di belakang itu. Jadi kita minta kerajaan, minta Kementerian Pengajian Tinggi tidak usah hiraulah, tidak usah dukacitalah dengan sebahagian budak-budak yang tidak matang, budak-budak yang diupah itu membuat demo. Jadi saya bersyukur sebab negara makin lama makin baik. Pun prestasi FBMKLCI di pasaran terbaik di Asia terbaik yang dilakukan oleh negara kita, Malaysia.

Keduanya, saya hendak syorkan supaya penggantungan kita kepada tenaga kerja asing harus dikurangkan. Mungkin saya bersependapat dengan pembangkang. Kita ada tiga juta lebih orang asing yang bekerja di sini yang sah dan yang tidak sah lagi lebih daripada dua juta. Jadi campur semua lebih kurang lima juta. Lima juta daripada 11 juta tenaga kerja asing di Malaysia. Itu banyak. Kalau lima juta daripada 11, lebih daripada 40 peratus. Satu-satunya negara dalam dunia ini yang mempunyai tenaga kerja asing yang paling banyak. Saya harap cukuplah. Bolah kata orang Kelantan. *Janganglah* kata orang Terengganu, import lagi tenaga kerja asing. Lebih baik kita latih budak-budak atau belia-belia kita supaya ambil tempat mereka.

Kita sekarang ada beribu-ribu ekspatriat dagangan luar negara bekerja di Malaysia. Kita sibuk sana sini. Kita lupa hendak latih lebih banyak lagi tenaga kerja tempatan untuk ambil alih bidang-bidang pakar di Malaysia.

Jadi satu lagi saya hendak cerita yang pelaburan swasta. 55 peratus pada tahun 2011 ialah pelaburan domestik datangnya daripada swasta. Itu banyak. Lebih banyak daripada tenaga awam. Tahniah bagi sumbangan kepada ekonomi negara tetapi saya hendak bertanya di mana Melayunya, di mana Kadazannya, di mana Orang Aslinya, di mana Dusunnya, di mana Negrito, di mana orang-orang Siamnya dalam sektor swasta? Saya fikir tidak ramai. Tadi bukan saya hendak lawan sangat. Tadi seorang daripada pembangkang bertanya. GLC bukan Melayu tidak sampai pun 30 peratus. Saya hendak tanya balik, orang Melayu dalam sektor swasta di peringkat tinggi atau profesional tidak sampai pun 10 peratus. *You check* semua. Semua syarikat-syarikat besar, pelaburan besar-besar, baik Dusun, baik Orang Asli, Melayu dan Siam, tidak sampai pun 10 peratus. Jadi tidak ada keseimbangan. Saya tuntutan kerajaan terutamanya MITI buat satu dasar yang betul-betul adil, saksama dan seimbang.

■1900

Jangan gajah di depan mata, buta tidak nampak, kuman di seberang lautan nampak. Tidak adil. Jadi kita bercakap dari segi keadilan, dari segi masa depan. Bukan sahaja kerajaan dimomokkan, ditanya, ditekan, ditindas dan macam-macam tetapi juga sektor swasta yang menyumbang kepada sektor ekonomi, kena adil dan saksama. Kalau mereka degil hendak menyamakan kedudukan, sekurang-kurangnya 30 peratus, gunakan peraturan baru. Saya minta satu *figure* lengkap daripada MITI untuk ini.

Seterusnya hubungan dagangan Malaysia dengan rantau Asia juga perlu ditingkatkan, Titah Yang di-Pertuan Agong, ini bukan cakap saya. Perlu ditingkatkan Malaysia dengan dunia luar tetapi saya tengok ada yang tidak seimbang lebih-lebih lagi kepada negara yang maju. Negara maju lebih banyak hantar barang mereka, eksport barang-barang mereka ke Malaysia daripada Malaysia eksport ke negara mereka, itu satu.

Kedua di Asia Tenggara ini ada negeri yang baru merdeka. Merdeka dari segi ideologi bukan dari segi merdeka betul-betul. Contoh, Burma atau Myanmar dahulu ideologi tertutup, tidak terbuka, sekarang terbuka. Semenjak mulai tahun ini, semua buka, buka dagangan, buka polisi. Saya sudah dua kali melawat Burma. Ada banyak peluang yang rakyat Malaysia dialu-alukan. Negara Burma jika dibandingkan dengan Malaysia, boleh saya katakan ketinggalan 20 tahun atau 30 tahun ke belakang.

Anda pergi Burma jauh..., bukan hendak kata, bukan hendak hina tetapi apabila dia buka peluang, saya harap orang Malaysia ambil peluang. Saya ucap tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia yang buka ruang untuk rakyat Malaysia berdagang. Pada kira-kira bulan lepas, saya ikut sekali kira-kira ada 153 orang Malaysia yang berdagang dengan orang Burma dalam semua sektor, minyak, gas, hutan, kayu kayan, padi, baja, beras dan sebagainya.

Saya syorkan supaya MITI ambil peluang ini untuk menarik lagi rakyat Malaysia berdagang di Burma. Burma sekarang dia pilih, mungkin saya melampau dan saya harap saya tidak melampau. Sekarang Burma pilih Malaysia jadi model untuk bangunkan negara mereka. Kita pilih Jepun, *Look East Policy* atau Dasar Pandang ke Timur, Jepun dengan Korea.

Apabila negara sudah maju, Burma pilih Malaysia pula jadi idola mereka. Langsung dia bangunkan satu bandar namanya Bandar Naypyidaw iatu antara Yangon sampai Mandalay, itu dibuat satu bandar baru ala-ala model semacam Putrajaya. Jadi Putrajaya jadi model kepada Burma. Jadi kalau Burma yang penduduknya 60 juta boleh ikut Malaysia yang penduduknya 28 juta, masakan kita tidak akui bahawa Malaysia satu negara yang boleh dijadikan contoh yang kata Malaysia tidak maju, tidak berkembang hanya parasit-parasit pembangkang sahaja.

Maaf saya cakap. Orang lain semua akui yang Malaysia model dan yang tidak bersyukur sahaja buta mata, buta hati yang mengatakan Malaysia mundur, Malaysia tidak maju sedangkan negara lain seperti Burma, Laos hatta negara sedang membangun pun iktiraf Malaysia. Hatta China pun ada perkara-perkara tertentu dia ikut Malaysia.

Malaysia bukan koman di mata dunia. Yang koman ialah pandangan pembangkang sebab dia hendak kuasa, sebab dia hendak politik. Oleh sebab itu dia rendah-rendahkan dan hina negara dia sendiri. Tidak hairanlah kalau penasihat Anwar Ibrahim mencaci Malaysia di mata dunia sebab dia hendak wang daripada Israel sebab itu dia sokong Israel. Al-Quran kata Israel, Yahudi tidak boleh sokong, haram, berdosa...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh gulung Yang Berhormat. Saya bagi Yang Berhormat tiga minit lagi.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Ya, hendak gulung.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh gulung.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Jadi satu lagi hendak cakap tidak ada masa. Satu lagi perumahan. Dalam Titah Ucapan ini ada perumahan. Saya syorkan mana-mana yang berkahwin seperti saya dan anda tetapi tidak ada rumah, tidak ada tanah, saya minta yang berkahwin sah, bukan di Golok, bukan di luar negara yang tidak sah, kena beri tanah, kena beri rumah, wajib. Singapura satu negara Tuan Yang di-Pertua yang cantik manis, di Singapura Tuan Yang di-Pertua tahu, mereka telah bertunang boleh minta rumah. Kahwin sahaja masuk rumah.

Di Malaysia tidak ada lagi sebab Malaysia tidak ada lagi polisi yang berkahwin bagi tanah, bagi rumah. Itulah saya minta bukan tiga minit saya hendak cakap lebih lagi tambah.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak boleh Yang Berhormat. Dua minit lagi.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Dua minit lagi, campur satu. Saya minta semua yang sudah kahwin mulai hari ini tanpa mengira bangsa, agama dan kepercayaan berhak diberi tanah percuma dengan sedikit bayaran premium atau diberi rumah. Kalau begitu ternyata dasar perumahan negara akan berjaya, dasar rumah rakyat akan berjaya. Setiap tahun Kerajaan Malaysia adakan rumah sebanyak 10,000. Mula-mula 2,000, sekarang 10,000, dasar rumah mesra rakyat, 10,000 sahaja tetapi tidak cukup kerana yang minta beratus ribu. Kalaulah ada satu dasar, semua yang sudah berkahwin boleh mendapatkan tanah percuma. saya fikir asas kita untuk hidup yang tiga tertunai sudah iaitu pertama, makan minum. Kedua, pakaian dan ketiga tempat tinggal. Jadi saya tuntutan supaya dasar ini segera dibuka iaitu beri tanah dengan sedikit bayaran premium atau rumah sebaik sudah berkahwin.

■1910

Timbalan Yang di-Pertua: Masa sudah habis Yang Berhormat. Gulung.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Jadi saya sokong ucapan Titah ini, junjung kasih. *Assalamualaikum*, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Zaitun binti Mat. Sila.

7.10 mlm.

Dato' Zaitun binti Mat: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana diberikan kesempatan untuk turut serta berucap Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Al-Marhum Sultan Badlishah yang sudi berangkat menyampaikan Titah Ucapan di Istiadat Pembukaan Mesyuarat Pertama Persidangan Penggal Kelima Parlimen ke-12 pada 12 Mac 2012 yang lalu.

Di dalam Titah Ucapan Baginda, Tuanku telah menyentuh secara menyeluruh pelbagai aspek negara termasuk Gagasan 1Malaysia, Dasar Transformasi Nasional, prestasi ekonomi termasuk prestasi FBM, KLCI, sistem penyampaian kerajaan khususnya perkhidmatan awam, pelan induk perusahaan kecil dan sederhana, sektor pelancongan, pembudayaan sains dan gerakan inovasi nasional, Pelan Induk Teknologi Hijau, sektor perladangan dan komoditi, sektor pertanian, kebajikan rakyat 1Malaysia, Dasar Perumahan Negara, melestarian pengangkutan awam, pembangunan modal insan, pelan strategik pengajian tinggi negara, golongan belia dan wanita, perkhidmatan dan rawatan kesihatan yang berkualiti, keselamatan dalam negeri dan penurunan kadar indeks jenayah dan keamanan global atau *wasatiyyah*.

Tuan Yang di-Pertua, Tuanku dalam ucapan Baginda telah menyentuh berhubung dengan Dasar Transformasi Nasional yang merangkumi pelbagai program seperti Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi, Program Transformasi Politik dan Program Transformasi Luar Bandar. Berhubung dengan program transformasi, saya ingin menyentuh berhubung dengan cadangan program transformasi kesihatan negara.

Saya terlebih dahulu ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan Malaysia yang sentiasa berusaha memberikan perkhidmatan dan rawatan kesihatan yang terbaik untuk lapisan rakyat di negara ini. Kejayaan ini jelas terbukti dengan peningkatan jangka hayat lelaki Malaysia yang telah meningkat kepada 72 tahun berbanding hanya 56 tahun semasa zaman selepas merdeka. Begitu juga dengan jangka hayat wanita yang meningkat kepada 77 tahun atau lebih berbanding hanya 58 tahun bagi tempoh yang sama. Nampaknya wanita lebih panjang jangka hayatnya daripada lelaki.

Laporan Banci Malaysia 2010 meramalkan bahawa kita mungkin menjadi masyarakat tua pada tahun 2024, lebih kurang 12 tahun daripada sekarang. Jika trend populasi semasa ini berterusan, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan berhubung dengan tahap kesuburan pasangan di negara kita dan apakah dasar kerajaan untuk meningkatkan populasi di negara ini. Seterusnya, saya ingin mendapatkan penjelasan apakah perancangan kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan Malaysia dalam menghadapi peningkatan masyarakat semakin tua ini bagi memastikan masyarakat tua terus sihat dan produktif untuk menyumbang kepada masyarakat dan negara?

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan inisiatif Kementerian Kesihatan bagi memperkenalkan Transformasi Perkhidmatan Kesihatan Negara, saya ingin menyentuh tentang perkhidmatan pesakit luar yang sering kali mendapat rungutan awam kerana agak lewat khususnya di klinik-klinik kesihatan. Kelewatan ini meliputi kelewatan bagi pendaftaran pesakit, kelewatan untuk menemui doktor dan kelewatan untuk mendapatkan ubat. Keseluruhan proses ini memakan masa sehingga empat jam walaupun piagam pelanggan di kebanyakan klinik kesihatan menetapkan hanya 90 minit tetapi realitinya pesakit terpaksa menunggu sehingga empat jam.

Keutamaan untuk memberikan perkhidmatan kepada warga emas dan OKU juga tidak dilaksanakan secara berkesan. Dalam hubungan ini, saya berharap Kementerian Kesihatan akan memastikan semua klinik kesihatan dan hospital memberi keutamaan kepada warga emas, wanita, kanak-kanak dan OKU. Saya berpendapat kelewatan ini adalah berpunca kerana pendaftaran yang lewat disebabkan kakitangan di bahagian pendaftaran terpaksa mencari kad rekod pesakit yang banyak.

Sebagai langkah transformasi untuk meningkatkan perkhidmatan kesihatan, saya ingin mencadangkan agar Kementerian Kesihatan memperkenalkan pendaftaran pesakit luar melalui kaedah secara berkomputer iaitu secara *online* kepada pangkalan data yang terdapat di klinik kesihatan atau hospital. Begitu juga dengan rekod pesakit, disimpan dalam pangkalan data klinik berkenaan dengan berbanding menggunakan kad pesakit yang diamalkan sekarang. Maklumat pesakit juga akan terus disalurkan kepada pegawai perubatan. Keadaan ini telah diamalkan di negara maju dan kaedah ini bukanlah asing di negara ini kerana ianya telah pun diamalkan oleh kebanyakan klinik atau hospital swasta. Saya difahamkan beberapa hospital kerajaan juga telah pun mengamalkannya.

Berhubung dengan kesihatan, saya juga ingin menyentuh tentang kekurangan doktor pakar di luar bandar dan pedalaman. Saya mengalu-alukan langkah Kementerian Kesihatan Malaysia yang mewajibkan doktor pakar yang berkhidmat di luar negara selama enam bulan. Saya ingin mendapat penjelasan kerajaan bilangan doktor juga doktor pakar yang telah diisi dan bilangan doktor pakar yang masih diperlukan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Saya ingin juga mendapat penjelasan nisbah pegawai perubatan dan pesakit mengikut negeri serta langkah kerajaan bagi memastikan nisbah pegawai perubatan dan pesakit iaitu satu pegawai perubatan bagi setiap 800 pesakit dapat dicapai.

Tuan Yang di-Pertua, tentang kesihatan, saya juga ingin menyentuh tentang penjualan ubat dan produk kesihatan yang masih diragui pengesahannya. Selain itu terdapat juga ubat dan produk kesihatan yang dicampurkan dengan racun berjadual dan sebagainya dijual secara terbuka dan melalui *internet*. Saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan Malaysia dalam membendung gejala ini khususnya dari segi penguatkuasaan yang lebih kerap. Saya juga ingin mencadangkan agar akta yang lebih berkesan diperkenalkan di samping denda yang lebih tinggi dikenakan kepada pengeluar, pengedar dan penjual. Malah, adalah penting kerajaan turut mengambil tindakan terhadap pengguna yang tidak bertanggungjawab menggunakan produk ini kerana produk ini terus berada di pasaran adalah kerana adanya permintaan dari pengguna sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang menghulurkan Bantuan Rakyat 1Malaysia iaitu BR1M sebagai langkah untuk mengurangkan beban rakyat atau isi rumah berpendapatan RM3,000 ke bawah.

■1920

Sehingga 1 Mac 2012, kerajaan telah menerima sebanyak 4.78 juta permohonan. Seramai 3.74 juta adalah hampir 80 peratus permohonan telah berjaya melibatkan peruntukan sebanyak RM1.92 bilion. Tujuan pemberian BR1M adalah untuk meringankan beban kos hidup rakyat dan meningkatkan perbelanjaan isi rumah serta merancakkan ekonomi domestik bagi mengurangkan impak persekitaran ekonomi dunia yang tidak menentu ketika ini.

Saya ingin mengulangi kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan yang mulia iaitu Selangor merupakan negeri penerima tertinggi BR1M iaitu hampir 13 peratus daripada keseluruhan jumlah penerima. Manakala, Kelantan merupakan negeri penerima BR1M terbanyak dari segi peratusan isi rumah negara iaitu 84 peratus dari keseluruhan isi rumah.

Fakta ini sekali gus membuktikan kegagalan Kerajaan Pakatan Rakyat dalam mentadbir dan mengurus negeri Selangor dan Kelantan. Sebaliknya kejayaan program BR1M adalah hasil kekuatan ekonomi dan kemampuan urus tadbir ekonomi negara dengan baik dan cekap oleh Kerajaan Barisan Nasional yang sentiasa memastikan penggunaan hasil dan perbelanjaan hasil secara berhemah dan dapat memberi manfaat kepada rakyat. Sehubungan dengan itu, saya berharap kerajaan akan meneruskan pemberian BR1M ini di masa hadapan sekiranya keadaan ekonomi mengizinkan bagi memastikan kebajikan rakyat terus terbela.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh tentang hal ehwal Islam khususnya berhubung dengan perkembangan ajaran atau fahaman Syiah di negara ini. Semenjak kebelakangan ini, pengaruh Syiah di negara ini semakin membimbangkan kerana ramai pengikutnya Syiah terdiri daripada golongan profesional, ahli politik, pelajar IPT dan orang awam. Pengikut ajaran Syiah di negara ini sudah pun mencecah lebih 40,000. Enakmen pentadbiran undang-undang Islam 1989 telah memperuntukkan dengan jelas bahawa Syiah sebagai menyeleweng atau menyimpang dari ajaran ahli *Sunah Waljamaah*.

Begitu juga Majlis Fatwa Kebangsaan pada tahun 1996 lagi telah memutuskan untuk mengharamkan Syiah kerana bertentangan dengan akidah dan syariah Islamiah seperti menolak hadis yang diriwayatkan oleh ulama *Sunah Waljamaah* dan menganggap sahabat-sahabat Rasulullah SAW, Sayidina Ali adalah kafir.

Ajaran Syiah bukan sahaja dilihat sebagai fahaman agama tetapi juga fahaman siyasah. Saya khawatir fahaman Syiah ini akan menerap dalam kegiatan pelajar khususnya pelajar IPT dan juga politik.

Saya juga khawatir akan berlaku pertentangan antara Suni dan Syiah di negara ini. Ibarat pepatah, *"Api yang kecil menjadi kawan, apabila sudah besar menjadi lawan"*. Perkembangan fahaman Syiah di negara ini wajar terus dipantau dan dibendung dari merebak dan berkembang. Saya ingin mendapatkan penjelasan, apakah langkah yang lebih tegas dan berterusan dari kerajaan bagi mengekang atau menghapuskan fahaman Syiah di dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berhubung dengan isu cadangan Kerajaan Indonesia yang mula melatih pembantu rumah untuk dihantar ke Malaysia yang hanya melakukan satu tugas khusus sama ada tukang masak, pengasuh bayi, penjaga orang tua atau pengemas rumah dengan gaji minimum RM700 sebulan. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Dr. Reyna Usman, Ketua Pengarah Pembinaan dan Penempatan Tenaga Kerja, Kementerian Tenaga Kerja dan Transmigrasi Indonesia baru-baru ini.

Menurut beliau, perkara ini adalah antara persetujuan yang dicapai dalam pertemuan pasukan petugas bersama JTF Malaysia-Indonesia mengenai pengambilan penempatan dan perlindungan pembantu rumah Indonesia serta majikan Malaysia. Bagaimanapun Menteri Sumber Manusia menafikan Malaysia bersetuju supaya pembantu rumah di Indonesia dihantar ke negara ini hanya melakukan sesuatu tugas khusus dengan gaji minimum RM700 sebulan. Malah, tiada dalam rangka perjanjian persefahaman *MoU*. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib sendiri melahirkan rasa hairan dan terkejut dengan kenyataan ini yang nyata berbeza dengan persetujuan antara beliau dengan Presiden Indonesia sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan khususnya Kementerian Sumber Manusia, bagaimana kekeliruan ini boleh berlaku? Ramai majikan dan bakal majikan pembantu rumah Indonesia begitu kecewa dengan kenyataan ini yang dianggap sebagai tidak masuk akal dan hanya akan membebankan majikan Malaysia sahaja. Malah, persatuan-persatuan dan agensi-agensi yang berkaitan dengan pengambilan pekerja asing dan pembantu rumah seperti Persatuan Pembantu Rumah Asing Malaysia (PAPA) juga mengatakan juga rasa tidak setuju dan membantah dengan menyatakan gaji minimum RM 700 sebulan adalah terlalu tinggi bagi pembantu rumah Indonesia.

Kerajaan wajar mempertimbangkan kemungkinan majikan negara ini tidak mampu mengambil pembantu rumah Indonesia dengan gaji RM700 sebulan. Selain itu, adalah tidak relevan bagi pembantu rumah Indonesia ini hanya...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada dua minit lagi. Boleh gulung kah?

Dato' Zaitun binti Mat: Ada. Saya ini ucapan saya yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, berilah saya berucap panjang sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa kita sudah hampir tamat. Dua minit lagi. Banyak lagi kah?

Dato' Zaitun binti Mat: Banyak lagi.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat mungkin boleh sambung ...

Dato' Zaitun binti Mat: Sambung esok.

Timbalan Yang di-Pertua: Berapa minit lagi agaknya?

Dato' Zaitun binti Mat: Banyak lagi lah. Saya rasa dalam... ada 1, 2...

Timbalan Yang di-Pertua: Okeylah, sambunglah. Teruskan Yang Berhormat, teruskan, teruskan.

Dato' Zaitun binti Mat: Langkah menghadkan pembantu rumah melaksanakan satu tugas sahaja dan mengenakan bayaran bagi tugas lain akan menambahkan beban kewangan pada majikan Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini rakyat Malaysia yang ingin mengambil pembantu rumah Indonesia terpaksa membelanjakan antara RM8,000 hingga RM9,000. Malah ada yang mencapai RM10,000 untuk mendapatkan pembantu rumah Indonesia sedangkan Kerajaan Malaysia begitu prihatin kepada bebanan kewangan majikan Malaysia dengan mengenakan kos bagi mendapatkan permit kepada pekerja Indonesia ini tidak sampai pun RM1,500.

Akan tetapi majikan Indonesia mengenakan bayaran yang begitu tinggi sehingga RM6,000. Keadaan ini menunjukkan bukan Kerajaan Malaysia atau agensi dan majikan Malaysia yang mengeksploitasikan pembantu rumah Indonesia tetapi nampaknya agensi di Indonesia yang mengeksploitasikan pembantu rumah Indonesia. Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu saya ingin mencadangkan agar majikan boleh menggaji pembantu rumah warga Indonesia secara terus tanpa melalui khidmat ejen atau agensi berkaitan apabila prosedur mengenai...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah tepat pukul 7.30 sekarang. Yang Berhormat sambung esok ya.

Dato' Zaitun binti Mat: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh lima minit esok..., cukup masa?

Dato' Zaitun binti Mat: Ya, *insya-Allah*.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey.

Dato' Zaitun binti Mat: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi, hari Selasa 24, April 2012. Terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.30 malam.

**TITAH SERI PADUKA BAGINDA
YANG DI-PERTUAN AGONG
ALMU'TASIMU BILLAHI MUHIBBUDDIN
TUANKU ALHAJ ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH
IBNI ALMARHUM SULTAN BADLISHAH**

Bismillaahir Rahmaanir Rahiim
Alhamdulillah Rabbil 'Alamin Wabihi Nasta'in
Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh
dan Salam Sejahtera

Yang di-Pertua Dewan Negara, Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Ahli-Ahli Dewan Negara dan Ahli-Ahli Dewan Rakyat sekalian.

Beta memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, kerana dengan limpah kurnia dan izinNya dapat kita bersama-sama berkumpul bagi Istiadat Pembukaan Penggal Kelima, Parlimen Kedua Belas.

2. Sempena majlis yang mulia ini, Beta menzahirkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Paduka Anakanda Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan Terengganu yang telah bersemayam di atas takhta Kerajaan Malaysia bagi menaungi negara dan memayungi rakyat selama lima tahun dengan adil dan saksama. Insyaa-Allah, dengan limpah kurniaNya, Beta akan meneruskan kesinambungan pemerintahan yang mengutamakan kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara. Beta memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan rahmatNya Beta dianugerahkan kesihatan yang berterusan sehingga membolehkan Beta menaungi negara Malaysia yang tercinta bagi kali kedua berlandaskan prinsip Raja Berperlembagaan.

3. Beta mengucapkan tahniah kepada Mamanda Perdana Menteri yang telah merealisasikan pelbagai pembaharuan melalui Gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Ia telah berjaya meningkatkan kesejahteraan rakyat dan imej negara di persada antarabangsa. Beta menyeru seluruh rakyat jelata supaya bersatu padu, berganding bahu dan bekerjasama rapat dengan Kerajaan untuk memastikan negara terus maju, aman dan harmoni.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

4. Sesungguhnya Malaysia adalah bumi bertuah dan dilimpahi nikmat kemajuan dan kemakmuran walaupun dunia dilanda pelbagai kemelut politik dan ekonomi. Dalam hal ini, Beta percaya di bawah kepimpinan dan ketekunan Mamanda Perdana Menteri, negara terus berada di landasan yang kukuh ke arah mencapai status negara maju berpendapatan tinggi melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif dan agenda transformasi yang bertujuan untuk menyediakan peluang kehidupan lebih baik kepada rakyat. Pada masa yang sama, keluhan dan luahan hati rakyat turut didengar. Keprihatinan ini dapat dilihat daripada pelbagai projek dan program yang memberi manfaat secara terus kepada rakyat sama ada dalam bentuk bantuan wang tunai mahupun inisiatif-inisiatif lain yang bertujuan meringankan beban kewangan dan membolehkan rakyat menikmati kehidupan lebih selesa. Rakyat boleh menanti dengan pasti kehadiran lebih banyak lagi program dan projek yang akan memberi manfaat yang impaknya dapat dirasakan oleh rakyat pelbagai lapisan sama ada di bandar mahupun di ceruk desa.

5. Dasar Transformasi Nasional yang merangkumi Program Transformasi Kerajaan, Program Transformasi Ekonomi, Program Transformasi Politik dan Program Transformasi Luar Bandar telah mula membuah hasil untuk dinikmati oleh rakyat. Bagi memastikan pertumbuhan negara terus mampan, Kerajaan Beta akan terus melaksanakan program dan projek di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh dengan memberi tumpuan kepada projek pembangunan berimpak tinggi dan bermanfaat kepada rakyat. Sesungguhnya usaha-usaha ini berhadapan dengan pelbagai cabaran. Namun, berkat usaha gigih Kerajaan dan sokongan rakyat, negara kekal makmur walaupun dunia kini bergelut dengan krisis kewangan, kemelut politik dan ketidaktentuan persekitaran.

6. Petunjuk-petunjuk ekonomi utama tahun 2011 seperti pertumbuhan ekonomi negara pada kadar lima perpuuluh satu peratus menepati sasaran nasional, jumlah dagangan Malaysia bernilai hampir satu perpuuluh tiga trilion ringgit yang merupakan jumlah dagangan tertinggi direkodkan, kemasukan pelaburan langsung asing bersih yang besar sebanyak tiga puluh dua perpuuluh sembilan bilion ringgit, kutipan cukai langsung melebihi seratus bilion ringgit iaitu paras tertinggi pernah dicapai. Pengurangan defisit fiskal kepada lima peratus berbanding unjuran asal pada lima perpuuluh empat peratus, prestasi FBM KLCI yang di antara terbaik di kalangan pasaran saham rantau Asia, kadar pengangguran kekal rendah di bawah tiga perpuuluh lima peratus dan sebagainya membuktikan pengurusan ekonomi Kerajaan dan dasar serta program yang dilaksanakan adalah di landasan yang betul.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

7. Untuk menjayakan transformasi Kerajaan, keupayaan jentera Kerajaan melaksanakan semua projek dan program mengikut jadual dan menepati keperluan kumpulan sasar adalah amat penting. Oleh itu Perkhidmatan Awam sebagai tonggak jentera Kerajaan perlu sentiasa mencari idea dan pendekatan baru yang lebih kreatif serta inovatif, cekap, berintegriti serta berfikiran terbuka. Beta berbangga dengan pelbagai pembaharuan dalam sistem penyampaian Kerajaan terutamanya perkhidmatan secara atas talian yang turut didukung oleh Dasar Inisiatif Jalur Lebar Negara yang telah mencapai tahap penembusan di seluruh negara sebanyak enam puluh tiga peratus pada tahun 2011.

8. Dalam memastikan pertumbuhan ekonomi negara kekal kukuh, Kerajaan Beta akan terus memperhebatkan penggunaan sumber domestik terutamanya melalui pelaburan dan penggunaan swasta. Kira-kira lima puluh lima peratus daripada pelaburan domestik pada tahun 2011 adalah pelaburan swasta dan ini adalah sejajar dengan hasrat supaya sektor swasta memacu pertumbuhan ekonomi negara. Pelbagai usaha akan terus dilaksanakan untuk menstrukturkan semula dan mentransformasikan ekonomi domestik. Di peringkat antarabangsa, hubungan kerjasama global dalam bentuk pelaburan dan perjanjian perdagangan bebas serta integrasi rantau perdagangan baru akan turut dipertingkatkan.

9. Peranan sektor swasta terutamanya perusahaan kecil dan sederhana adalah semakin penting dalam menjana pertumbuhan ekonomi negara. Atas landasan inilah, Pelan Induk Perusahaan Kecil Dan Sederhana 2012 hingga 2020 digubal bertujuan untuk mewujudkan ekosistem yang kondusif bagi merangsang pertumbuhan sektor tersebut.

10. Beta amat berbangga dengan pencapaian sektor pelancongan yang mencatatkan pertambahan pendapatan daripada pelancong asing dan domestik. Sektor pelancongan adalah penyumbang kelima kepada ekonomi negara, di samping sebagai pemangkin kepada pembangunan ekonomi luar bandar melalui produk ekopelancongan dan inap desa. Untuk menjadikan Malaysia sebuah negara pelancongan yang terus kompetitif dan lestari, Beta menyeru rakyat bersama-sama memainkan peranan dalam membudayakan sikap cintakan kebersihan dan keindahan alam sekitar melalui kempen *1Malaysia Green 1Malaysia Clean*.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

11. Beta mengalu-alukan pengisytiharan tahun 2012 sebagai Tahun Sains dan Gerakan Inovasi Nasional untuk membudayakan sains, teknologi dan inovasi sehingga ke peringkat akar umbi bagi menekankan kepentingan penguasaan bidang-bidang tersebut untuk melonjakkan Malaysia ke tahap negara maju berpendapatan tinggi.

12. Aplikasi dan pembangunan teknologi hijau telah dikenal pasti sebagai sumber baru kekayaan negara. Sehubungan ini, Pelan Induk Teknologi Hijau sedang dilaksanakan sebagai mekanisme memacu transformasi ekonomi rendah karbon. Pelan tersebut juga menjadi panduan kepada sektor-sektor berkepentingan termasuk tenaga, air dan pengurusan sisa pepejal ke arah meningkatkan pembangunan teknologi hijau, memelihara alam sekitar dan mengurangkan pembaziran sumber-sumber asli yang terhad.

13. Malaysia juga perlu berusaha mencipta kekayaan baru daripada sumber biodiversiti melalui peningkatan industri bio-ekonomi dan aktiviti ekopelancongan. Dalam memelihara khazanah warisan, kelestarian biodiversiti harus menjadi agenda perdana dalam perancangan dan pembangunan negara demi memastikan khazanah ini terus dinikmati oleh generasi akan datang.

14. Kerajaan Beta juga akan terus memberi tumpuan kepada sektor perladangan dan komoditi yang merupakan penyumbang besar kepada pembangunan ekonomi negara dan pemangkin kepada peningkatan pendapatan rakyat luar bandar. Justeru, program penanaman semula dan tanaman baru bagi komoditi sawit dan getah akan dipergiatkan terutamanya di Sabah dan Sarawak.

15. Bagi sektor pertanian pula, strategi akan terus dilaksanakan untuk menjamin bekalan makanan yang mencukupi dan selamat kepada pengguna. Kerajaan juga akan terus memastikan industri agromakanan dapat mempertingkatkan sumbangan pendapatan melalui penekanan kepada industri yang berpotensi dan bernilai tinggi yang mampu menjana pendapatan eksport kepada negara.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

16. Adalah menjadi hasrat Kerajaan Beta agar manfaat kemakmuran ekonomi hasil daripada Dasar Transformasi Nasional akan melimpah kepada semua lapisan rakyat tanpa ada yang terpinggir. Kerajaan Beta telah memperkenalkan dasar-dasar dan program-program yang berkaitan transformasi luar bandar yang menggariskan pendekatan strategik bagi membuka ruang dan kaedah baru meningkatkan pendapatan rakyat luar bandar termasuk Orang Asli dan etnik minoriti di Sabah dan Sarawak. Antara pendekatan ini adalah pewujudan Pusat Transformasi Luar Bandar, yang pertama di Gopeng, Perak sebagai pusat integrasi perkhidmatan. Selain daripada itu, FELDA turut melaksanakan program meningkatkan lagi taraf sosioekonomi generasi kedua dan ketiga peneroka. Bagi rakyat luar bandar di Sabah dan Sarawak pula kehidupan yang lebih selesa akan lebih terjamin dengan tumpuan utama Kerajaan untuk meningkatkan tahap infrastruktur luar bandar seperti bekalan elektrik yang mapan, bekalan air bersih, hubungan komunikasi dan jalan raya yang sempurna.

17. Dalam menuju ke arah negara maju berpendapatan tinggi, mewujudkan masyarakat yang progresif dan inklusif menjadi teras utama Kerajaan Beta. Justeru, kesejahteraan dan kebajikan segenap lapisan masyarakat meliputi golongan wanita, warga emas, kanak-kanak, remaja, orang kurang upaya dan sebagainya menjadi keutamaan. Bantuan kebajikan Kerajaan dijenamakan semula sebagai Kebajikan Rakyat 1Malaysia yang lebih holistik. Di bawah program ini, lima ratus ribu orang warga emas, orang kurang upaya, kanak-kanak dan mereka yang memerlukan akan mendapat manfaat yang melibatkan satu peruntukan kewangan yang besar.

18. Menyedari keperluan perumahan untuk rakyat, Kerajaan Beta telah menggubal Dasar Perumahan Negara dengan matlamat menyediakan perumahan yang mencukupi, selesa dan mampu dimiliki oleh rakyat. Kerajaan juga akan meneruskan pelaksanaan Program Perumahan Rakyat, Program Perumahan Awam, Program Bantuan Rumah serta Program Rumah Mesra Rakyat, di samping melaksanakan pelbagai program baru seperti Skim Rumah Pertamaku dan Perumahan Rakyat 1Malaysia.

19. Pada tahun 2012, Kerajaan akan terus menyediakan kemudahan pengangkutan awam yang lebih baik kepada rakyat termasuk golongan warga emas dan orang kurang upaya serta yang kurang berkemampuan. Ini termasuk pembinaan terminal bas baru serta menaik taraf terminal bas sedia ada, tambahan tren baru enam gerabak dan sebagainya. Selain itu, Kerajaan juga telah menyediakan peruntukan interim bagi memastikan perkhidmatan bas berhenti-henti terus dapat dinikmati oleh rakyat terutamanya di kawasan luar bandar.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

20. Kemajuan bangsa dan negara tidak bermakna jika diukur dari sudut pembangunan fizikal semata-mata tetapi ia perlu seiring dengan pembangunan modal insan. Menyedari hakikat ini, Kerajaan Beta telah mengorak langkah dengan menyediakan pendidikan percuma untuk membolehkan setiap kanak-kanak tanpa mengira latar belakang dan taraf sosioekonomi, mendapat akses kepada pendidikan berkualiti. Langkah ini bermula dari peringkat pendidikan awal kanak-kanak melalui pelbagai program yang telah diusahakan. Langkah-langkah penambahbaikan telah dilaksanakan di peringkat persekolahan seperti transformasi kurikulum dan pentaksiran bagi melahirkan modal insan yang seimbang, berilmu pengetahuan, berkemahiran, kreatif, inovatif, berketerampilan dan berakhlak mulia.

21. Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara pula sedang dilaksanakan yang antara lain memberi penekanan terhadap peningkatan akses kepada pengajian tinggi terutama bagi program pascasiswazah, meligatkan penyelidikan dan pembangunan ke arah keberhasilan inovasi dan pengkomersialan serta menggalakkan pembelajaran berterusan bagi semua lapisan masyarakat. Kerajaan Beta sedang membangunkan satu kerangka Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional peringkat nasional serta hala tuju pelaksanaannya yang melibatkan sinergi antara Jaringan Universiti Teknikal Malaysia, politeknik dan kolej komuniti sebagai usaha menambah bekalan modal insan berkemahiran.

22. Lebih kurang empat puluh enam peratus daripada penduduk negara ini terdiri daripada golongan belia yang merupakan aset penting dan pewaris untuk meneruskan kesinambungan pembangunan negara. Justeru, Kerajaan Beta akan terus memperkasakan program-program bina upaya untuk membentuk generasi belia berintegriti, mapan, unggul, serta kental jiwa dan semangatnya. Menyedari aspirasi serta harapan belia untuk negara, Kerajaan telah bergerak untuk memenuhi hasrat tersebut di mana ia bukan sahaja melibatkan program-program pembangunan belia, malah transformasi sosiopolitik dan ekonomi demi membentuk masa hadapan yang lebih cerah. Yakinlah bahawa belia senantiasa dekat di hati Kerajaan Beta dan Kerajaan tidak akan menyisihkan golongan belia kerana tanpa belia, hilanglah jantung negara. Justeru, Beta percaya belia akan bersama-sama memecah keringat dan berganding bahu dengan Kerajaan untuk melakukan perubahan demi memastikan segala impian masa muka terlaksana. Kepada para belia, gunakanlah segala ruang dan peluang yang ada dengan bijaksana, bak kata pepatah, kalau tinggi di angkasa jadilah garuda, kalau jatuh ke laut jadilah pulau.

23. Wanita adalah bak mutiara yang tidak ternilai sumbangannya bukan sahaja kepada keluarga dan masyarakat, malah kepada negara. Beta berbangga penyertaan kaum wanita dalam pelbagai sektor kini semakin terserlah dan diiktiraf di dalam dan luar negara. Untuk memastikan sumbangan kaum wanita dapat digembleng dengan lebih optimum, Kerajaan Beta telah melaksanakan pelbagai dasar, antaranya sekurang-kurangnya tiga puluh peratus wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat, kesinambungan kepada inisiatif yang sama dalam sektor awam.

Kerajaan juga akan turut memulakan inisiatif untuk menarik lebih ramai wanita yang berkelayakan profesional kembali ke pasaran pekerjaan bagi mencapai sasaran penyertaan lima puluh lima peratus wanita dalam tenaga kerja pada tahun 2015. Beta percaya kaum wanita mampu menyahut cabaran dan meningkatkan potensi diri untuk memberi sumbangan lebih besar yang akan memancarkan sinar kecemerlangan masa depan negara.

24. Beta turut berbangga dengan pelbagai usaha Kerajaan untuk terus meningkatkan akses rakyat kepada perkhidmatan dan rawatan kesihatan yang berkualiti. Beta juga menyeru Kerajaan, badan-badan bukan Kerajaan dan sektor swasta supaya berganding bahu mencari pendekatan inovatif dan efektif untuk menggalakkan masyarakat membudayakan gaya hidup sihat.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

25. Perjalanan menuju ke arah negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 bukan sahaja memerlukan transformasi ekonomi, malah turut menuntut keseimbangan antara kepentingan individu dan kumpulan dengan kepentingan negara. Oleh itu, di bawah kepimpinan Kerajaan hari ini, pelbagai usaha transformasi sosiopolitik telah dan sedang dilaksanakan yang antaranya termasuk penambahbaikan terhadap undang-undang dan peraturan, menambahbaikan sistem pilihan raya serta memastikan hak dan kebebasan asasi rakyat berlandaskan Perlembagaan Persekutuan terjamin. Ini termasuklah memansuhkan akta-akta yang dianggap mengehadkan kebebasan rakyat seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, di samping menggubal dan meminda undang-undang dan peraturan-peraturan untuk menjamin keselamatan negara serta mencegah keganasan dan ekstremisme. Semua usaha ini merupakan keputusan besar Kerajaan untuk memperkukuhkan kebebasan sivil dan melaksanakan transformasi politik.

26. Beta amat berbangga dengan peranan aktif negara dalam mewujudkan keamanan global dengan mengetengahkan isu-isu perlucutan dan ketakambahan senjata serta usaha-usaha bagi mencegah keganasan dan jenayah rentas sempadan. Pendekatan kesederhanaan atau *wassatiyyah*, hasil pemikiran Mamanda Perdana Menteri juga semakin mendapat penerimaan masyarakat global. Beta percaya konsep ini akan dapat menyumbang ke arah penyelesaian sesuatu pertikaian dan membawa kepada keamanan global termasuk dalam isu-isu hak asasi manusia dan keadilan antarabangsa, misalnya di Palestin.

27. Beta mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada atlet negara yang telah mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa sepanjang tahun 2011. Tahun ini merupakan tahun yang lebih mencabar kepada atlet-atlet negara berikutan penyertaan kontinjen negara dalam Sukan Olimpik London 2012. Semoga harapan rakyat untuk melihat Malaysia memperoleh pingat emas pertama di sukan tersebut akan tercapai. Beta menyeru para atlet agar memberi komitmen sepenuhnya bagi merealisasikan impian ini.

28. Kerajaan Beta amat komited untuk melindungi dan memastikan kebebasan berterusan badan kehakiman negara kerana ia adalah teras penting kepada sistem demokrasi. Usaha dan komitmen Kerajaan membanteras rasuah pula terbukti dengan penubuhan Suruhanjaya Integriti, Agensi Penguatkuasaan dan Mahkamah Sesyen Khas Rasuah, pengenalan Persepakatan Integriti serta peningkatan kadar sabitan kes rasuah sebanyak tujuh puluh lima peratus pada tahun 2011. Namun, Kerajaan masih memerlukan kerjasama semua pihak untuk menjadikan negara bebas rasuah melalui inisiatif yang mencakupi aspek pendidikan, pencegahan dan penguatkuasaan.

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

29. Pada tahun ini negara akan menyambut ulang tahun kemerdekaan ke-55 dan Hari Malaysia yang ke-49. Beta berharap semua pihak terutama generasi muda berusaha memahami dan menghayati sejarah kemerdekaan negara yang merupakan hasil pengorbanan pejuang-pejuang kemerdekaan dan seterusnya menghargai kebebasan yang dinikmati sekarang. Kukuhkanlah perpaduan dan elakkanlah daripada melakukan apa jua tindakan yang boleh menjejas atau menggugat kedaulatan negara ataupun cuba menidakkan pengorbanan pejuang-pejuang kemerdekaan. Ke arah ini Beta mengharapkan para pemimpin di setiap peringkat, para cendekiawan, media massa dan badan bukan Kerajaan memainkan peranan yang lebih berkesan dalam meningkatkan kefahaman dan penghayatan mengenai kepentingan perpaduan nasional.

30. Beta mengucapkan penghargaan kepada seluruh rakyat jelata yang responsif kepada seruan Kerajaan serta bersama-sama memainkan peranan dalam agenda pembangunan demi melakar masa hadapan negara yang lebih cerah, malah sedia memahami niat jujur Kerajaan Beta untuk melakukan yang terbaik walaupun menghadapi pelbagai cabaran. Beta menyeru agar rakyat terus memberi sokongan dan sumbangan untuk memastikan segala perancangan agenda pembangunan dapat direalisasikan. Beta juga menghargai sumbangan sektor swasta yang selama ini memainkan peranan penting dalam pembangunan negara. Beta berharap agar kerjasama pihak swasta dan Kerajaan terus dipertingkatkan pada masa hadapan.

31. Beta merakamkan penghargaan kepada Ahli-Ahli Dewan Negara, Ahli-Ahli Dewan Rakyat, Perkhidmatan Awam, Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia dan semua pihak yang telah bersama-sama menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan negara.

32. Beta mengucapkan tahniah kepada Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia. di atas kerjasama yang kreatif melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan bagi mengurangkan indeks kadar jenayah dan memelihara ketenteraman awam tanpa melibatkan kos yang tinggi. Hasil usaha-usaha tersebut Indeks Keamanan Dunia telah mengiktiraf Malaysia sebagai negara kesembilan belas paling aman di dunia dan kedua di Asia serta pertama di Asia Tenggara. Pihak Projek Keadilan Sejagat pula mengiktiraf Malaysia sebagai negara paling selamat di kalangan sembilan belas negara berpendapatan sederhana. Serta di kedudukan kedua belas negara paling selamat di dunia, mengatasi Amerika Syarikat dan Britain. Namun, Kerajaan akan terus memberi keutamaan untuk menjadikan Malaysia negara yang aman dan damai. Beta juga merakamkan penghargaan kepada semua anggota agensi penguatkuasaan serta para veteran Angkatan Tentera Malaysia dan pesara Polis Diraja Malaysia di atas khidmat dan jasa memelihara keamanan, keselamatan dan kedaulatan undang-undang negara.

33. Kepada semua rakyat, tumpahkanlah taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada negara dan sentiasa memelihara, melindungi serta mempertahankan keluhuran Perlembagaan Persekutuan. Kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat, Beta berpesan agar sentiasa menjaga kehormatan dan kemuliaan Dewan ini. Perbahasan hendaklah berlandaskan keikhlasan dan semangat untuk memajukan kehidupan rakyat. Semoga iltizam Ahli-Ahli Yang Berhormat akan meningkatkan keyakinan rakyat kepada Dewan ini.

34. Akhir kata, Beta dan Raja Permaisuri Agong sentiasa mendoakan agar negara kita terus dilimpahi rahmat dan nikmat yang berkekalan dari Allah *Subhanahu Wataa'la*.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah,

Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.